


Jilid 1
Bil. 47



Hari Rabu
11hb Mac, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7013]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [Ruangan 7150]

Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Putau Pinang (Pindaan)
[Ruangan 7163]

USUL:

Hari Thaipusam sebagai Cuti Am—Y.B. Tuan P. Patto [Ruangan 7199]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pusat Penempatan Semula Mangsa Bencana Alam—Y.B. Tuan Lee Lam Thye
[Ruangan 7227]

Skandal Bank Pusat Koperasi Bhd. <CCB)—Y.B. Dr Eng Seng Chai
[Ruangan 7230]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru),
- Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GAODAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo Gm SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar. DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEKANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR Sm ZAHARA BINTI HAJT SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar),
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementenan Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teiuk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO* PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TOAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *atias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMEO BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., p.p.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (LatIt).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MATPIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 11hb Mac, 1987***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PROGRAM PERTUKARAN
BUDAYA**

1. Dr Lim Ann Koon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementeriannya mempunyai program pertukaran budaya di antara kumpulan etnik yang berlainan di Malaysia untuk mempelajari kebudayaan komuniti lain. Sekiranya ada program sebegini, apakah program-program tersebut dan berapa ramai rakyat Malaysia telah menyertai program tersebut dalam tahun 1985 dan 1986.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mempunyai Program Pertukaran Budaya antara kumpulan etnik di Malaysia dan tidak bercadang mengadakan program yang seperti itu. Kementerian ini berpendapat mengadakan program seperti itu boleh menggalakkan rasa pengasingan dan perbezaan di kalangan rakyat seolah-olah mereka mempelajari kebudayaan sesuatu masyarakat lain yang asing dan di luar

pengalaman mereka. Sikap saling memahami, menghormati, menghayati dan toleransi kebudayaan antara etnik dan kaum telah dan sedang berlaku secara spontan dalam pergaulan harian mereka dan proses ini akan terus berlaku. Walau bagaimanapun sejak tahun 1985 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Kebudayaan Negeri telah mengadakan pertukaran kebudayaan atau rombongan seni budaya antara negeri dan wilayah tanpa menekankan aspek etnik ataupun kaum.

Pada tahun 1985 tiga program dilaksanakan yang melibatkan 120 orang peserta manakala pada tahun 1986 ianya bertambah menjadi 6 program yang melibatkan 237 peserta. Kumpulan-kumpulan kesenian ini terdiri daripada ahli-ahli berbagai kaum atau kumpulan etnik yang bertujuan memupuk persefahaman, menggerakkan integrasi, menimbulkan kesayangan pada tanah air dan pelancongan dalam negeri.

Pada dasarnya jika kewangan mengizinkan atau adanya penglibatan swasta program pertukaran budaya serupa ini akan diteruskan.

**DASARTANAMAN
BUAH-BUAHAN NEGARA**

2. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah rancangan Kementerian dari segi pengeluaran dan pemasaran luar yang lebih luas

dan terjamin untuk hasil buah-buahan seperti pisang emas, durian, manggis, jambu batu dan lain-lain lagi; dan

- (b)' tidakkah wajar diwujudkan satu sistem yang lebih berkesan dari penanaman buah-buahan di negara ini melalui Dasar Tanaman Buah-buahan Negara seperti mana yang telah terbukti kejayaannya dalam tanaman getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain lagi.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan); Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pertanian memberi tumpuan khas bagi meningkatkan pergeluaran pisang emas, durian, manggis, jambu batu dan lain-lain lagi bagi menampung keperluan tempatan serta untuk pasaran eksport.

Penanaman buah-buahan adalah dirancang secara teratur dengan mengenalpasti zon-zon berasaskan unsur-unsur agronomic dan kesesuaian tanah untuk menjamin pengeluaran yang optima. Di samping itu bagi menembusi pasaran antarabangsa, tindakan-tindakan juga diambil untuk meningkatkan kualiti pengeluaran, pembungkusan serta di bidang pemerosesan.

Pengeluaran buah-buahan Malaysia pada masa ini sudah dieksport dalam kuantiti-kuantiti yang kecil ke negara-negara seperti United Kingdom, Jepun, Hong Kong, Eropah Barat dan Timur Tengah.

Kementerian percaya sistem perancangan yang ada pada masa ini mampu mencapai matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi pengeluaran buah-buahan ke tahap yang lebih menguntungkan para petani-petani buah-buahan. Bagi menjamin pencapaian matlamat ini Kementerian Pertanian kini dalam proses membentuk Majlis Industri Buah-buahan Malaysia atau MIBM supaya

pembangunan perusahaan buah-buahan di negeri ini dapat dikembangkan secara bersepadu dengan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam perusahaan ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang berkesan untuk menyelenggarakan segala pengeluaran ini supaya tidak mengandungi racun-racun serangga dan perosak makhluk sepertimana yang terdapat pada sayur-sayuran di Cameron Highlands.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, para MARDI pada ketika ini sedang berusaha untuk mencari jalan yang lebih baik untuk mencegah buah-buahan ini dicampuri racun dan juga untuk membuat kajian yang lebih baik lagi untuk dieksport keluar negeri.

PULAU LANGKAWI SEBAGAI PELABUHAN BEBAS CUKAI

3. **Dr Abdul Hadi bin Derani** tinda Perdana Menteri menyatakan apakah rancangari Kerajaan untuk memajukan Pulau Langkawi memandangkan status pulau tersebut sekarang ini sebagai Pelabuhan Bebas Cukai.

12-3-87

84. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana kemajuan telah dicapai untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai Zon Perdagangan Bebas. Apakah kemudahan-kemudahan asas telah sempurna. Bagaimanakah sambutan pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga sama ada dari dalam negeri mahupun luar negeri.

Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pada 12-3-87 kerana kedua-dua soalan ini adalah menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kemajuan pelaksanaan pembangunan Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengisytiharkan Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas Cukai dan bukannya Zon Perdagangan Bebas. Ini disebabkan matlamat utama pembangunan Langkawi ialah untuk menjadikan pulau tersebut sebagai destinasi palancongan utama di negara ini dengan mengekalkan keindahan alam semulajadinya. Kemudahan infrastruktur asas yang telah dan sedang dilaksanakan adalah memadai bagi menampung keperluan pembangunan Langkawi untuk tempoh beberapa tahun akan datang.

Semenjak diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas Cukai pada 1hb Januari, 1987 beberapa perkembangan pesat berlaku dalam bidang perniagaan. Kerajaan Negeri Kedah telah menerima banyak pertanyaan dan cadangan untuk menyediakan kemudahan penginapan, perniagaan dan rekreasi.

Pembangunan Langkawi bukanlah satu perkara baru, malah telah dirancang dan dilaksanakan semenjak Rancangan Malaysia Keempat dahulu. Rancangan-rancangan yang telah dan sedang dilaksanakan termasuklah projek-projek pembesaran lapangan terbang, menaikkan taraf rangkaian jalan utama, bekalan air, elektrik, telefon dan sebagainya. Di samping itu, Langkawi juga pada masa sekarang mempunyai 2 buah jeti untuk kendalian penumpang dan juga kargo.

Dengan terlaksananya projek-projek tersebut, Pulau Langkawi akan mempunyai rangkaian infrastruktur yang lengkap untuk menampung permintaan para pelancong. Selain daripada kemudahan infrastruktur, Kerajaan juga sedang merancang untuk menyediakan beberapa kemudahan lain selaras dengan perisytiharan Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas Cukai mulai 1hb Januari, 1987. Kemudahan-kemudahan tersebut termasuklah tempat penginapan, kompleks membeli-belah dan kemudahan pengangkutan.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar Yang Amat Berhormat bahawa dikatakan penduduk tempatan keberatan untuk menerima status Pelabuhan Bebas Cukai bagi Pulau Langkawi?

Yang kedua, apabila ianya menjadi Pelabuhan Bebas Cukai tentulah pembangunan pesat akan berlaku, terutama dalam bidang perniagaan dan apakah penyediaan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan pada hari ini untuk menyediakan penduduk tempatan yang asal itu. Apabila datang pembangunan kepada mereka, dapat mereka turut sama menyertai pembangunan, terutama dalam bidang perniagaan dan dengan cara itu tidaklah mereka merasa terhimpit ataupun tertinggal sebagai penduduk asal tempatan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa penduduk Langkawi tidak bersetuju dengan Pelabuhan Bebas Cukai ini, hanya ada beberapa tokoh yang mempunyai kepentingan-kepentingan lain, seperti kepentingan politik yang telah menyuarakan tentangan mereka yang kononnya datang daripada penduduk-penduduk Langkawi.

Berkenaan dengan penyertaan penduduk-penduduk Langkawi dalam segala pembangunan di Langkawi ini samalah juga dengan di tempat-tempat lain. Mereka akan diberi peluang, tetapi kalau mereka sendiri tidak mengambil peluang ini dengan sewajarnya, maka mustahil mereka akan dapat menikmati segala kebaikan, kebahagiaan daripada pembangunan di Langkawi. Sebab itu, pihak Kerajaan dan pihak saya sendiri telah menasihatkan mereka supaya jangan terlalu gopoh untuk menjual tanah mereka dengan harga yang tinggi ataupun rendah, tetapi sebaliknya menggunakan tanah mereka sebagai modal supaya mereka dapat menjadi pemegang-pemegang saham dalam perniagaan dan perusahaan yang akan diadakan di Pulau Langkawi. Dengan itu mereka akan dapat nikmat yang maksima daripada perisytiharan Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas Cukai.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab-sebab utama yang mendorong Yang Amat Berhormat memilih Pulau Langkawi untuk dijadikan Pelabuhan Bebas Cukai?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Langkawi adalah satu kawasan yang ketinggalan daripada segi pembangunan dan aset Langkawi ialah ianya merupakan sebuah pulau yang amat sesuai untuk dijadikan satu tempat pelancongan. Malangnya oleh kerana Langkawi terdapat jauh daripada pusat-pusat pelancongan yang lain, maka agak sukar bagi pelancong-pelancong pergi ke Langkawi. Mereka cuma akan pergi ke Langkawi jika ada sesuatu yang menarik selain daripada pemandangan di Langkawi sahaja. Kita berpendapat bahawa jika ianya dijadikan sebuah Pelabuhan Bebas Cukai, maka barangan di situ akan menurun dan ramai yang akan ke Langkawi untuk

membeli-belah walaupun mereka cuma boleh menggunakan barangan yang mereka beli itu di Langkawi sahaja dan kalau dibawa balik ke Tanah Besar, mereka terpaksa membayar cukai, tetapi sedikit-sebanyak mereka dapat menikmati harga-harga yang murah yang terdapat di Pulau Langkawi.

DASAR PENSWASTAAN

4. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana Kerajaan bercadang untuk menuju penswastaaan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat ini kita hendaklah terlebih dahulu memahami matlamat-matlamat utama Dasar Penswastaaan yang telah dilancarkan oleh Kerajaan, iaitu seperti berikut:

- (a) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (b) mengurangkan saiz sektor awam;
- (c) menggalakkan kecekapan dan daya pengeluaran;
- (d) mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan matlamat-matlamat ini Kerajaan akan terus melaksanakan Dasar Penswastaaan, iaitu selagi beban pentadbiran dan kewangan Kerajaan dan seterusnya saiz sektor awam dapat dikurangkan menerusinya dan selagi daya pengeluaran dan kecekapan dalam mengeluarkan barangan dan menyediakan perkhidmatan dapat ditingkatkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa proses dan khasnya cara penswastaaan sudah menimbulkan banyak kekhuatiran di kalangan orang ramai, khasnya mengenai komitmen Kerajaan kepada

satu pentadbiran yang bersih. yang beramanah oleh kerana ada benda-benda atau aspek-aspek penswastaan yang dijalankan tanpa mengambil kira perkara ini, semacam Sports Toto sebagai satu contoh yang diswastakan tanpa mengambil kira apa demi kepentingan negara oleh kerana nampaknya dalam Sports Toto dan lain-lain barulah segelintir orang atau kumpulan-kumpulan yang dalam satu taraf yang khas yang dapat penswastaan di mana dalam Sports Toto yang dapat \$30 juta nett profit dalam 14 tahun ini kenapa ini diberikan tanpa open tender? Sebaliknya masalah untuk mengurangkan beban belanja sektor awam tak timbul oleh kerana inilah dapat keuntungan yang bersih dan kalau mahu diswastakan, kenapa tidak diswastakan Majlis Sukan Negara untuk kepentingan sukan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak dapat menentukan semua bidang-bidang yang perlu diswastakan. Ada yang telah ditentukan lebih awal pihak Kerajaan yang mana ini akan diisytiharkan kepada semua pihak dan mereka berpeluang untuk membuat cadangan-cadangan penswastaan, tetapi ada pula bidang-bidang yang tidak difikir boleh diswastakan oleh pihak Kerajaan tetapi cadangan ini datang daripada pihak-pihak tertentu daripada golongan swasta. Cadangan ini adalah cadangan yang dibuat oleh mereka setelah mereka membuat kajian mereka dengan belanja yang banyak dan ini adalah idea mereka sendiri. Dan tentulah menjadi tidak adil kalau satu cadangan yang unik yang datang daripada satu pihak itu diambil oleh Kerajaan dan diserahkan kepada orang lain untuk membuat tawaran. Kalau pihak lain ingin membuat tawaran, sepatutnya mereka awal-awal lagi membuat cadangan mereka, tetapi ini adalah cadangan yang datang daripada satu pihak dan pihak Kerajaan berpendapat bahawa

tidaklah adil kalau kita mengambil cadangan satu pihak dan memberi peluang kepada pihak yang lain.

Sebab itu dalam kes seperti ini kita mengkaji apakah keuntungan bagi Kerajaan. Kalau kita berpuas hati bahawa dengan penswastaan itu maka Kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih dan dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh Kerajaan, maka kita akan menerima cadangan itu setelah rundingan dibuat untuk mendapat keuntungan yang maksima bagi pihak Kerajaan. Saya tidak dapat mengelak tuduhan dan sangkaan buruk daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat sama ada pihak Kerajaan ada mengkaji aspek penswastaan perkhidmatan perlu ataupun essential services, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, yang tertimbulnya bahaya monopoli seperti Syarikat Telekom Malaysia yang baru-baru ini telah menaikkan deposit-deposit untuk perkhidmatan telefon dengan sewenang-wenangnya dan ini adalah tidak demi kepentingan para pengguna di negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, apabila sesuatu khidmat itu menjadi milik swasta, maka mereka perlu mengambil kira perbelanjaan yang terpaksa dibelanjakan oleh mereka untuk menjaga supaya perusahaan mereka membawa keuntungan. Walaupun demikian, pihak Kerajaan memang memberi perhatian supaya rakyat tidak ditekan terlalu kuat oleh keinginan mereka ini akan mendapat keuntungan.

Sebenarnya, di dalam negara kita ini, Kerajaan biasanya memberi subsidi yang banyak kepada rakyat dengan menjalankan perusahaan-perusahaan monopoli seperti Telekom ini. Tetapi dalam keadaan yang mana

kita kekurangan wang, maka subsidi ini menjadi beban yang amat berat kepada pihak Kerajaan, dan apabila ianya menjadi beban yang berat kepada Kerajaan, ia sebenarnya menjadi beban yang berat kepada rakyat juga kerana wang yang samalah juga yang digunakan oleh Kerajaan untuk pembangunan negara kita.

LATIHAN BELIA DI BIDANG TEKNOLOGI

5. Tuan Gerard Matha Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah Kerajaan telah melaksanakan rancangan-rancangan untuk memperkenalkan skim istimewa bagi melatih belia-belia dari seluruh kaum di bidang teknologi bagi melayan keperluan pelabur-pelabur asing dan perindustrian dan sama ada tujuan untuk menarik pelabur Amerika telah berjaya dan setakat manakah kejayaannya.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, berbagai usaha sedang dan telah diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan belia-belia yang berkemahiran di bidang teknologi untuk memenuhi keperluan pelabur-pelabur asing dan sektor perindustrian.

Di antara **langkah-langkahnya** termasuklah;

- (a) Program pendidikan dan latihan kemahiran yang dijalankan oleh institusi seperti Institut Latihan Perindustrian (ITI); Institut Kemahiran MARA (IKM); Politeknik dan Sekolah Menengah Yokasional akan diubahsuakan dan dipertingkatkan terutama di bidang teknikal supaya memenuhi keperluan kemahiran sektor perindustrian selaras dengan perakuan Pelan Induk Perindustrian;

- (b) dalam usaha meningkatkan peranan industri dalam pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran, insentif tiskal telah disediakan oleh Kerajaan. Satu daripadanya ialah insentif potongan cukai dua kali seperti yang telah diumumkan dalam Anggaran Belanjawan 1987 di bidang-bidang tertentu terutama yang berteknologi tinggi;

- (c) melibatkan penyertaan sektor swasta yang lebih aktif di dalam perancangan dan pembangunan latihan vokesyenal dan perindustrian supaya latihan yang dijalankan bersesuaian dengan keperluan industri;

- (d) satu Pasukan Petugas Khas mengenai tenaga manusia telah dibentuk untuk meneliti keperluan tenaga manusia seperti yang dikenalpasti dalam Pelan Induk Perindustrian.

Walaupun sebelum pengumuman Perdana Menteri di Amerika pada 30hb September, 1986 mengenai garis panduan baru bagi penyertaan ekuiti asing dan penggunaan kakitangan asing di sektor pembuatan di negara ini, pelaburan Amerika di dalam sektor pembuatan di negara ini telah meningkat dengan kadar yang menggalakkan.

Pada akhir 1985, pelaburan Amerika di negara ini adalah sebanyak \$287.6 juta iaitu yang keempat terbesar di samping Singapura, Jepun dan United Kingdom. Mengikut jenis pelaburan pula, industri kimia barangan, kimia merupakan pelaburan Amerika yang terbesar diikuti oleh industri kertas dan percetakan elektronik dan tembakau.

Dalam tempoh 1981—1985, MIDA telah meluluskan sebanyak 113 projek dan sebanyak 25 projek lagi bagi tahun 1986. Daripada jumlah tersebut 112

projek telah memulakan pengeluaran setakat Jun 1986, iaitu satu angka yang menggalakkan walaupun dalam keadaan kemelesetan ekonomi. Berikutan pengumuman mengenai garis panduan baru terhadap penyertaan asing dan penggunaan kakitangan asing bagi projek-projek yang akan dilaksanakan di negara ini, banyak penyertaan telah diterima dari Amerika.

Kesan awal yang diperolehi ialah kejayaan MIDA untuk membawa sekumpulan eksekutif-eksekutif peringkat tinggi Amerika iaitu American International Group (AIG) untuk mengadakan seminar di Kuala Lumpur pada bulan Oktober, 1986. Sungguhpun maklum balas yang diterima daripada seminar ini amat menggalakkan, tetapi adalah terlalu awal untuk memastikan keberkesanan garis panduan baru terhadap pelaburan asing khususnya pelaburan Amerika ke negara ini.

GURU SANDARAN— KURSUS DALAM CUTI

6. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak memendekkan masa latihan Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran, memandangkan masa latihan bagi guru-guru maktab telah dipendekkan.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk memendekkan masa latihan kursus dalam cuti (KDC) bagi guru-guru sandaran kerana tempoh latihan yang ada sekarang telah pun dipendekkan sebanyak satu semester daripada tempoh yang telah dirancang pada awalnya selaras dengan langkah memendekkan sebanyak satu semester masa latihan kursus perguruan asas sepenuh masa

bagi guru-guru latihan maktab yang lalu.

Keduanya, kita sedang berusaha untuk menambahkan mata pelajaran termasuk meningkatkan mutu penguasaan bahasa bagi meningkatkan kualiti guru-guru terlatih di negara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan masa yang sekarang dapat melatih guru-guru sandaran yang mempunyai mutu yang lebih tinggi, terutama mengenai penguasaan bahasa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Ya.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN— JALAN SUSUR KELUAR

7. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang bagi mengadakan jalan-jalan susur keluar (exit road) di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan bagi menghubungkan pekan-pekan kecil di sepanjang lebuhraya berkenaan. Jika tidak mengapa.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Lebuhraya Utara-Selatan apabila siap keseluruhannya akan mengadakan sistem pungutan TOL tertutup. Di dalam sistem ini semua pengguna lebuhraya tersebut hanya boleh masuk atau keluar dari lebuhraya melalui jalan susur keluar masuk di persimpangan berlingkat yang dibina di sepanjang lebuhraya itu. Persimpangan bertingkat itu dibina pada tempat-tempat yang sesuai yang bukan sahaja menyambung ke bandar-bandar besar tetapi juga yang menyambungkan ke jalan raya yang menghala ke pekan-pekan kecil yang tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan tidak dapat membina persimpangan bertingkat di setiap pekan sepanjang lebuhraya oleh kerana ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri kata, berapa Tol akan diadakan apabila Lebuhraya Utara-Selatan sepanjang Lebuhraya itu dihabiskan dan adakah ini akan menanda ratio yang tertinggi mengada Tol dalam dunia.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita siap kelak Lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam ke Johor Bahru, kita akan mengutip Tol di 52 tempat. Banyak kecil bilangannya (*Ketawa*). Dan sejumlah bayaran akan berlaku dari Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong suka menggunakan jalan ini, kena bayarlah lebih kurang, pada permulaannya kita cadangkan untuk mengadakan lebih kurang \$64.00, tetapi sekarang ada juga satu cadangan baru atas permintaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengurangkan kutipan itu, saya percaya lebih kurang \$55.00, jikalau dari Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam. Berbanding dengan kadar Tol di negara-negara yang lain, saya boleh katakan ini satu kutipan yang paling rendah di seluruh dunia ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Salah satu perkara yang penting ialah keselamatan Lebuhraya. Jadi, keselamatan itu saya rasa salah satu aspeknya ialah perondaan Polis Ronda Lebuhraya. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri tentang tugas Polis Ronda Lebuhraya ini sama ada ia terbatas pada Lebuhraya sahaja ataupun bukan Lebuhraya juga?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikuti dengan Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia, Kementerian Kerjaraya telah memberi beberapa kuasa untuk mengadakan pasukan peronda di Jalan raya Utara-Selatan. Mengikuti dengan undang-undang yang sedia ada pada masa sekarang, kita ada juga lebih kurang 20 pegawai-pegawai dari Polis menjaga Lebuhraya ini mengikuti dengan sepanjang Lebuhraya yang kita sedang guna sekarang. Saya percaya pada masa akan datang apabila kita guna Lebuhraya dengan sepenuhnya kita mesti mengadakan sistem seperti itu juga mengikuti sepanjang Lebuhraya. Dan pegawai-pegawai ini bukanlah daripada Lembaga Lebuhraya tetapi ialah pegawai-pegawai Polis, mereka bekerja dengan Lembaga Lebuhraya tetapi mereka ada juga kuasa Polis. Mereka akan mengguna mengikuti dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada tetapi mereka ada dalam kuasa Menteri Kerjaraya.

JAWATANKUASA MENGENAI JUALAN SENJATA KEPADA IRAN/IRAQ

8. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kesan cadangan Malaysia mengenai penubuhan jawatankuasa khas yang terdiri daripada negara-negara yang rapat dengan NATO, Amerika Syarikat atau Russia supaya tidak menjual senjata pada Iran dan Iraq.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak pernah mencadangkan supaya ditubuhkan satu jawatankuasa khusus bagi mencegah jualan senjata kepada Iran dan Iraq. Apa yang Malaysia telah kemukakan hanya supaya negara-negara yang mempunyai hubungan rapat dengan

negara-negara pengeluar senjata mempengaruhi dan membekalkan senjata kepada kedua-dua pihak. Cadangan ini dibuat memandangkan akibat yang lebih buruk mungkin timbul sekiranya pembekalan ini berterusan.

Tuan P. Patto: Adakah pihak Kerajaan Malaysia membincang dengan kedua-dua kuasa besar supaya mempengaruhi kedua-dua negara itu supaya elak daripada menjual senjata-senjata kepada Iran dan Iraq secara langsung ataupun tidak langsung melalui kuasa-kuasa besar yang lain?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Kita telah pun menjalankan semua ikhtiar-ikhtiar ini menerusi berbagai-bagai forum iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga OIC.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar tidak hadir)

KEDAI PERNAMA— KEMUDAHAN BEKAS PERAJURIT

10. Tuan P. Patto minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan pengorbanan yang telah dibuat oleh bekas perajurit dalam mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan dan keselamatan negara, sama ada Kerajaan boleh membenarkan mereka menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di kedai-kedai PERNAMA, jika tidak mengapa.

Menteri Pertahanan (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, pihak Perbadanan Perwira Niaga Malaysia atau nama ringkasnya (PERNAMA) sedang membincangkan kemungkinan

membenarkan anggota-anggota bekas tentera menikmati kemudahan-kemudahan membeli di kedai-kedai PERNAMA. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi di tahap kajian kerana setiap perubahan terhadap peraturan yang sedia ada akan melibatkan juga pindaan kepada Akta-akta yang berkaitan dengan bekas perwira dan juga Akta-akta yang lain.

Tuan P. Patto: Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu jaminan dalam Dewan ini, dalam tempoh berapa lamakah perbincangan dan penyelesaian untuk menyesuaikan undang-undang dan peraturan-peraturan diwujudkan supaya bekas perajurit dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam kedai PERNAMA oleh satu tempoh.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tempoh untuk mempertimbangkan cadangan ini tidak akan mengambil masa yang panjang. Dan juga keputusan hasil daripada pertimbangan memerlukan sebarang pindaan itu pun tidak akan mengambil masa yang panjang, tetapi waktu ini masih dipertimbangkan, belum ada keputusan.

LOMBONG "LODE MINING" DI SUNGAI LEMBING, KUANTAN

11. Tuan Adam bin Abdul Kadir minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan oleh kerana lombong "lodge mining" di Sungai Lembing Kuantan, adalah satu-satunya lombong jenis begitu yang paling dalam di dunia; dan oleh kerana ada kemungkinan operasi lombong itu ditutup jika berterusan mengalami kerugian, apakah langkah-langkah yang sedang dirancangkan untuk menjadikan bakal bekas lombong itu satu tarikan pelancong atau tourist resort seperti yang dilakukan oleh Kerajaan New Zealand di Rotorua

dan Kerajaan Amerika Syarikat di Smoky Mountain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini belum ada apa-apa rancangan dibuat untuk menjadikan lombong "Lode Mining" di Sungai Lembang itu satu tarikan pelancong. Tambah pula ia masih dipunyai oleh syarikat perlombongan swasta. Memang benar lombong ini mempunyai potensi untuk dijadikan tarikan pelancong tetapi sebelum satu-satu rancangan dibuat, kajian yang mendalam dari segi pasaran, permintaan dan kemudahan-kemudahan tertentu perlu dilaksanakan untuk memastikan tempat berkenaan betul-betul dapat menjadi tarikan pelancong.

TABUNG PELABURAN BARU (N.I.P.)

12. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah prestasi dan kemajuan dengan "N.I.P." (Tabung Pelaburan Baru) yang telah ditubuhkan itu. Apakah kejayaan yang telah diperolehi dan apa pula permasalahannya yang terdapat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Tabung Pelaburan Baru telah dilancarkan pada bulan September, 1985 dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan tetap di sektor-sektor tertentu dalam ekonomi. Bagi meningkatkan penyertaan Skim Tabung Pelaburan Baru ini, selain daripada Bank Perdagangan, Bank Saudagar dan dua buah Bank Pembangunan iaitu Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Berhad dan Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia telah dibenarkan

menyertai skim ini mulai pada bulan Pebruari, 1986.

Sektor yang layak mendapat kemudahan kewangan di bawah Tabung Pelaburan Baru ini juga telah diperluaskan pada bulan Oktober, 1986 iaitu dengan memasukkan sektor perlombongan di samping sektor pembuat, pertanian dan pelancongan.

Bagi meningkatkan lagi penggunaan Tabung ini secara aktiviti sektor swasta kadar pembiayaan dan pinjaman Tabung Pelaburan Baru telah diturunkan dua kali iaitu 1% bagi setiap kali penurunan dibuat. Kadar pembiayaan dan pinjaman Tabung ini pada masa ini masing-masing iaitu 6.25% dan 9% setahun, berbanding dengan 8.25% dan 11% semasa skim itu mula dilancarkan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Tabung ini telah meningkat begitu ketara sekali terutamanya sejak pertengahan tahun 1986 berikutan dari petanda baik mengenai pemulihan ekonomi. Pada akhir bulan Januari, 1987, jumlah pembiayaan yang diluluskan di bawah skim ini ialah \$662.5 juta iaitu kepada 155 projek dengan kos belanja sebanyak \$1,400 juta berbanding dengan \$316.1 juta yang diluluskan kepada 70 projek pada akhir bulan Jun, 1986. Daripada jumlah tersebut \$261.8 juta telah dikeluarkan. Masalah yang dihadapi oleh skim ini adalah kecil. Ini termasuklah kurangnya kesedaran mengenai wujudnya Tabung ini oleh pelabur-pelabur yang berpotensi dan kelewatan dalam menyempurnakan dokumen pinjaman. Sungguhpun demikian, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah ini dapat diatasi dengan mudah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap daripada Tabung Pelaburan Baru ini \$70 juta ada dikhaskan untuk membantu pelombong-pelombong timah, khususnya di Lembah Kinta oleh kerana

krisis perlombongan sektor ini selepas kejatuhan pasaran timah. Sungguhpun skim ini ada diumumkan dekat satu tahun, sampai sekarang ini satu sen pun tidak dikeluarkan walaupun ada lebih daripada 100 permohonan-permohonan untuk skim ini.

Adakah ini menunjukkan bahawa skim ini tidak boleh memberi apa pertolongan atau adakah ini akibat daripada kecuaiian, khasnya Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama atau bank-bank tersebut. Bolehkah satu penjelasan dibuat kenapa dekat satu tahun, permohonan-permohonan belum diluluskan dan satu sen wang belum diberi.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong terlalai sebentar tadi. Saya katakan mulai bulan Oktober, 1986, perlombongan dimasukkan di dalam skim ini, maknanya baru bulan Oktober, November, Disember dan Januari. Baru 4 bulan sahaja, belum lagi sampai satu tahun.

Jadi dalam 4 bulan masalah-masalah timbul oleh sebab beberapa perkara-perkara yang tidak dikemaskinikan dari segi borang dan sebagainya, jadi bukan satu tahun seperti dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tadi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya ingat, nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: Pengumuman telah dibuat—saya mahu membetulkan jawapan dia sahaja bahawa pengumuman telah dibuat di bulan Julai, 1986 oleh Paul Leong dan bukan sekarang, sekarang sudah cuai.

Yang Berhormat dari Beruas, dekat satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Tabung Pelaburan Baru ini menentukan juga syarat-syarat ataupun galakan supaya pihak pelabur boleh nienggunakan kemudahan Tabung ini untuk membangunkan projek-projek di luar bandar seperti di sektor pertanian bagi membantu penduduk-penduduk bumiputera yang masih ketinggalan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, asalkan projek-projek ini termasuk di bawah bidang-bidang yang saya sebutkan tadi yakni pembuatan, pertanian, pelancongan termasuk juga perlombongan boleh kita pertimbangkan, tertakluk pula kepada syarat-syarat lain seperti jumlah pinjaman dan sebagainya.

EXPORT—IMPORT BANK OF JAPAN

13. Tuan Lim Guan Eng: minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang tercapai oleh Tan Sri Zain Azraai dalam lawatan beliau ke Jepun pada 18—20-3-87 sama ada usaha meminta faedah pinjaman-pinjaman dari Export-Import Bank (EXIM) of Japan dikurangkan serta menambahkan pinjaman di bawah "Bantuan Pembangunan Rasmi" dicapai.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat iaitu lawatan singkat Yang Berbahagia Tan Sri Zain Azraai, Ketua Setiausaha Perbendaharaan ke Jepun baru-baru ini lebih merupakan lawatan muhibah dan untuk bertukar-tukar juga penjelasan serta bertukar-tukar fikiran di atas isu-isu

kepentingan bersama, termasuklah kedudukan ekonomi negara kita. Lawatan ini telah merintis jalan ke arah memupuk kerjasama yang erat yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Saya ingin juga memaklumkan iaitu lawatan tersebut bukanlah untuk meminta penurunan kadar faedah pinjaman-pinjaman dari EXIM Bank serta menambahkan pinjaman di bawah bantuan pembangunan rasmi Jepun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan soalan ini dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada soalan ini menunjukkan bahawa lawatan itu belum berlaku lagi. Apakah jawapan Timbalan Menteri itu memperkatakan yang telah lepas ataupun yang belum. Kalau belum, saya rasa tidak perlu dijawab menurut soalan ini.

	Jumlah Laporan	Didakwa Dilakukan oleh		Jumlah Dilakukan	
		Filipina	Indonesia	Asing	(%)
Bunuh . .	11	17	22	39	50.6
Rompakan	207	118	51	169	81.6
Rogol	71	27	23	50	70.4
Pergaduhan	204	25	8	33	16.2

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada orang-orang asing dimaksudkan Filipina dan Indonesia yang telah terlibat dalam kes pembunuhan, rompakan, rogol dan pergaduhan yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, masih ada lagi baki dari segi jumlah. Bolehkah diterangkan siapakah orang-orang asing yang baki itu, adakah jumlah dikesan seperti orang-orang asing daripada Taiwan, Hong Kong ataupun sebagainya.

Datuk Haji Sabbaruddin Chik:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

KES PEMBUNUHAN/ ROMPAKAN/ROGOL/ PERGADUHAN DI SABAH

14. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes pembunuhan, rompakan, rogol dan pergaduhan yang telah dilakukan oleh orang asing terutama orang Filipina di Negeri Sabah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato* Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, dari bulan Januari hingga Disember, 1986, jumlah kes pembunuhan, rompakan, rogol dan pergaduhan yang telah dilakukan oleh orang asing di negeri Sabah adalah seperti berikut:

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Yang baki itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah orang tempatan (*Ketawa*).

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai salah seorang rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah yang juga selalu turut terganggu dengan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh orang-orang Filipina, yang mana semuanya ataupun kebanyakannya adalah terdiri dari pendatang haram.

Di sini saya ingin mendapat tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memberhentikan kegiatan-kegiatan itu daripada terus bermaharajalela.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah jenayah di negeri Sabah, terutamanya yang dilakukan oleh orang-orang asing, Polis Sabah telah menjalankan berbagai tindakan mencegah. Di antaranya ialah:

- (i) Mempertingkatkan keupayaan Polis dari segi rondaan (beat), motosikal dan juga berkereta.
- (ii) Adakan sekatan jalanraya secara ad-hoc atau secara spontan di tempat-tempat yang dianggap strategik bagi mencegah dan juga mengesan.
- (iii) Mengadakan perancangan khusus untuk menjalankan tindakan-tindakan yang boleh membanteras kejadian samun dan juga lain-lain jenayah.
- (iv) Melancarkan serbuan di tempat-tempat di mana immigrant haram dipercayai berada untuk diberkas mereka ini.
- (v) Mengusir mereka yang diberkas dalam operasi-operasi yang dijalankan dan bagi mereka yang didakwa dan didapati bersalah kerana melakukan jenayah akan juga diusir selepas tamat menjalani hukuman.
- (vi) Mengadakan kawalan yang rapi di tempat-tempat pendaratan dan juga pintu-pintu masuk untuk mencegah kemasukan mereka.
- (vii) Mempertingkatkan rondaan di perairan Sabah untuk mengesan dan mencegah

kemasukan mereka oleh Cawangan Polis Marin.

- (viii) Mengadakan kerjasama yang rapat dengan pihak Polis Indonesia melalui Rapat Kerjasama Kepolisan (PDRM) yang diadakan setiap tahun.
- (ix) Mengetatkan lagi kawalan dan pemeriksaan di pintu masuk yang tidak sah di mana mereka dipercayai selalu mendarat.
- (x) Mengenalpasti agen-agen dan sindiket-sindiket yang bertanggungjawab membawa mereka masuk dan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap mereka, dan
- (xi) Mengambil tindakan undang-undang ke atas majikan yang mengambil pekerja-pekerja dari golongan immigrant haram.

PENGGUGURAN SECARA HARAM

15. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa doktor-doktor swasta yang menjalankan "pengguguran secara haram" selain daripada menjadi kaya dan memakai kereta "Rolls Royce" juga telah tidak membayar cukai pendapatan. Apakah tindakan yang boleh diambil ke atas klinik-klinik haram ini dan juga pengusaha-pengusaha.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pengguguran adalah salah dari segi undang-undang melainkan di atas sebab-sebab kesihatan. Sekiranya terdapat mana-mana klinik menjalankan pengguguran secara "haram", perkara ini seharusnya dilaporkan kepada polis supaya tindakan boleh diambil ke atas

klินิก tersebut di bawah Kanun Keseksaan.

Doktor-doktor yang didapati bersalah di bawah Kanun keseksaan akan juga diambil tindakan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Aduan terhadap doktor yang terlibat boleh juga dikemukakan terus kepada Majlis Perubatan Malaysia.

Sejak tahun 1984, saya dimaklumkan bahawa terdapat hanya dua aduan kepada Majlis Perubatan Malaysia terhadap dua doktor yang dikatakan telah menjalankan pengguguran secara haram. Salah seorang daripadanya telah dikenakan tindakan mahkamah dan juga Majlis Perubatan Malaysia.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun saya seorang doktor perubatan dan seorang Kristian dan saya tidak galak ini pengguguran secara haram, tetapi memandangkan kes-kes pengguguran kandungan secara haram semakin lama semakin meningkat lebih, adakah cadangan Kementerian Kesihatan membuat peraturan-peraturan atau garis panduan untuk membenarkan pengguguran kandungan ini secara halal iaitu "legalised abortion" di mana kita dapati amalan ini berlaku di Singapura dan Scandinavia.

Yang kedua, jika ada cadangan, ini akan mengandungi satu paksaan untuk mendaftarkan semua doktor yang ingin buat pengguguran kandungan secara halal atau "legalised", Ini untuk mengelakkan apa-apa penyelewengan atau perbuatan salah oleh lain-lain doktor yang tidak berdaftar.

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dari mana Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu mendapat angka-angka bahawa yang membuktikan kepada beliau bahawa semakin lama semakin

lebih pengguguran haram dijalankan. Saya mintalah.....

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Dato' K. Pathmanaban: Biar saya habiskan dululah. Saya minta beliau jikalau beliau ada maklumat yang tertentu memberitahu kepada kami untuk membolehkan kita mengambil tindakan dan seperti saya katakan dua sahaja laporan yang kita terima.

Bagi menjawab soalan yang kedua, Kerajaan tidak mempunyai rancangan atau dasar untuk menghalalkan pengguguran anak itu melainkan di atas sebab-sebab kesihatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Kementerian Kesihatan menentukan ataupun mempunyai cara-cara bagi mengesani berlakunya pengguguran secara haram? Sebab saya kira orang-orang yang terlibat dalam kerja-kerja ini memang melakukannya secara halus. Walaupun kita tahu bahawa laporan tidak banyak tetapi memang kedengaran perkara-perkara ini berlaku dan ianya salah dan haram di sisi Islam. Oleh itu apakah Kementerian Kesihatan bercadang untuk mengadakan squad yang lebih kemas, yang lebih teratur, yang lebih licin pergerakannya bagi menentukan supaya tidak berlaku pengguguran di klinik-klinik swasta sebagaimana yang telah timbul dalam soalan daripada Yang Berhormat sebentar tadi.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kementerian tidak boleh mewujudkan satu pasukan yang lebih berkesan untuk mengawal setiap klinik doktor yang mungkin boleh menjalankan pengguguran. Ini adalah luar daripada praktiknya. Tetapi cara mana kita dapat mengesan pengguguran secara haram ini tertakluk kepada aduan yang diterima. Yang Berhormat mengatakan tadi

mereka menjalankan operasi ini secara halus, tetapi kadang-kadang tidak begitu halus, jadi kena terangkan.

PASARAN BERSAMA ASEAN

16. Dr Sulaiman bin Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa buah negara-negara ahli ASEAN yang telah menolak rancangan-rancangan bagi menubuhkan sebuah Pasaran Bersama ASEAN: nyatakan sebab-sebabnya dan berapa buah negara yang bersetuju kepada penubuhan pasaran ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tahap kemajuan ekonomi negara-negara anggota ASEAN adalah masih berbeza-beza, ada di antara negara-negara anggota yang belum dapat menyetujui penubuhan Pasaran Bersama ASEAN. Sebaliknya ada pula negara-negara anggota yang berpendapat bahawa sudah tiba masanya bagi ASEAN Free Trade Area ini ditubuhkan. Pendapat-pendapat ini disokong oleh setengah-setengah pakar ekonomi ASEAN dan dari luar ASEAN. Walau bagaimanapun setakat ini ASEAN masih menunggu hasil kajian yang dijalankan oleh pakar-pakar perunding yang dilantik oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Ekonomi ASEAN dan Kumpulan 14 yang ditubuhkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian ASEAN, sebelum apa-apa keputusan muktamad dapat diambil oleh semua negara anggota ASEAN melalui prinsip consensus.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menerangkan adakah benar bahawa negara-negara yang besar, yang maju, mesti mendapat persetujuan terlebih dahulu

apabila Pasaran Bersama ASEAN ini ditubuhkan. Jika benar apakah langkah-langkah bagi kita untuk memastikan atau langkah-langkah yang akan dijalankan untuk mendapat sokongan daripada mereka supaya Pasaran Bersama ini dapat diwujudkan?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak benar.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya Pasaran Bersama ASEAN ataupun Free Trade Area yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi masih lagi jauh untuk perlaksanaan kerana tingkat pembangunan berbeza-beza antara negara-negara ASEAN, jadi soalan saya ialah sejauh mana pula usaha untuk mewujudkan complementarity antara industri di dalam negara-negara ASEAN.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan James Jimbun Pungga.

(Soalan No. 17 Y. B. Tuan James Jimbun anak Pungga tidak hadir)

HOSPITAL DAERAH SEMPORNA— KEKURANGAN DOKTOR

18. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa perkhidmatan seorang doktor di hospital Semporna adalah tidak mencukupi dan doktor yang bertugas sekarang ini sentiasa ditukar setiap dua (2) minggu sedangkan penduduk daerah Semporna adalah seramai seratus ribu dan perkhidmatan tambahan doktor adalah sangat diperlukan. Jika ya, apakah tindakan-

tindakan Menteri untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Vang Berhormat, tindakan telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk menambahkan lagi bilangan jawatan pegawai perubatan di Hospital Daerah Semporna kepada 4 jawatan. Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan untuk menambahkan lagi bilangan pegawai perubatan di hospital itu serta mengisi jawatan itu dengan secepat mungkin.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat benar-benar sedar bahawa daerah Semporna ini adalah satu daerah yang agak besar dan ramai penduduknya dan tidak terdapat Pusat-pusat Kesihatan yang lain selain daripada sebuah hospital ini. Perkara ini telah saya suarakan di dalam sidang Parlimen yang lalu tetapi dukacita sedikit di dalam masa tiga bulan kebelakangan ini doktor yang ada berkhidmat di dalam Hospital Daerah Semporna ini pula ditukar ke lain tempat, dan ada doktor yang berkhidmat hanya seorang tetapi pada tiap dua minggu ditukar daripada situ. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan supaya perkhidmatan doktor yang benar-benar yang dikehendaki oleh rakyat Semporna ini dapat diberikan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya dinasihatkan mengatakan "insya Allah". Tetapi saya dapat memberi jaminan bahawa kita sesungguhnya sedang berusaha untuk mengatasi masalah di Semporna.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

(Soalan No. 19 Y. B. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan tidak hadir)

FELDA—RANCANGAN KE SABAH

20. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah rancangan yang dicadangkan oleh FELDA tahun ini kepada Sabah. Oleh kerana Malaysia adalah Negara yang kelima terbesar dalam pengeluaran koko dalam dunia, adakah FELDA mempunyai rancangan untuk penanaman koko. Kalau tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, program pembangunan tanah FELDA di negeri Sabah pada tahun ini ialah memajukan kawasan baruseluas 11,544 hektar. Seluas 8,303 hektar iaitu 75.4% akan ditanam dengan kelapa sawit, tanaman koko seluas 1,931 hektar iaitu 16.7% dan kopi Seluas 110 hektar iaitu 1.0% serta 800 hektar iaitu 6.9% lagi sebagai kawasan penempatan. Tanaman koko akan terus ditanam di Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima dengan nisbah lebih kurang 20% dari keluasan kawasan yang akan dimajukan tiap-tiap tahun.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tahu tujuan utama FELDA ialah untuk memberi pendapatan dan juga kebahagiaan kepada peneroka-peneroka. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memastikan bahawa rasa puas hati di kalangan peneroka-peneroka itu kekal supaya tidak timbul sentimen anti Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukan hanya masalah Kerajaan sahaja, malah ianya merupakan masalah seluruh rakyat. Rakyat pasti mengetahui bahawa tujuan Kerajaan

ialah untuk memperbaiki taraf hidup mereka dan jikalau Ahli-ahli Parlimen sendiri memahami masalah ini maka setiap Ahli Parlimen sama ada pembangkang atau dari pihak Kerajaan terpaksa memberi tahu dan memberi kesedaran kepada rakyat bahawa sesuatu yang kita laksanakan pada hari ini adalah semata-mata untuk meningkatkan tarat kehidupan rakyat, khususnya peneroka sendiri.

KEMPEN ANTI-DADAH

21. Tuan Lee Lam Thyeminta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil-hasil positif yang telah dicapai oleh Kerajaan sejak dilancarkan Kempen Anti-Dadah peringkat Kebangsaan dalam tahun 1983.
- (b) jumlah bilangan orang yang ditangkap dan ditahan sehingga 31-1-87 di bawah Akta Dadah (Langkah-langkah Pencegahan Khas) serta bilangan orang yang ditahan, didakwa dan disabitkan hukuman oleh mahkamah di bawah seksyen 39A dan 39B Akta Dadah Berbahaya 1952; dan
- (c) apakah perkembangan terakhir ke atas cadangan untuk memperkenalkan undang-undang berhubung dengan tindakan merampas harta pengedar-pengedar dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, (a) kesan-kesan positif yang dapat dilihat hasil daripada kempen anti-dadah sejak tahun 1983 ialah seperti berikut:

- (i) Jumlah penagih dadah yang dikesan bagi kali pertama telah berkurangan daripada 14,624 kes bagi tahun 1983 kepada hanya 7,329 kes bagi tahun 1986.

- (ii) bekalan dadah heroin dalam pasaran telah berkurangan dan harganya telah meningkat.
- (iii) ketulinan dadah heroin telah menurun;
- (iv) sendiket-sendiket dadah antarabangsa mula mengelakkan diri menggunakan Malaysia sebagai negara transit, dengan izin. (b) Sejak bermulanya penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas), 1985 pada 15hb Januari, 1985 sehingga 31hb Januari 1987 seramai 477 orang yang dipercayai terlibat dalam pengedaran dadah telah ditangkap. Dari jumlah tersebut seramai 420 orang telah dikenakan perintah tahanan, 9 orang dikenakan perintah sekatan, 36 orang dibebaskan tanpa syarat dan 12 orang lagi masih dalam siasatan.

Berhubung dengan tangkapan di bawah Seksyen 39A dan 39B Akta Dadah Berbahaya 1952, diperturunkan di bawah ini perangkaan-perangkaan dari tahun 1975 hingga 31hb Januari, 1987.

Seksyen 39A—

Jumlah tangkapan	1,871
Jumlah dibebaskan oleh Polis ..	169
Jumlah yang didakwa	1,702
Jumlah yang disabitkan	443
Jumlah yang dibebaskan oleh Mahkamah	189

Seksyen 39B—

Jumlah tangkapan Polis	2,370
Jumlah yang dibebaskan oleh Polis	576
Jumlah yang didakwa ..	2,154
Jumlah yang disabitkan	407
Jumlah yang dibebaskan oleh Mahkamah ..	189

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengadakan kajian terakhir ke atas cadangan untuk memperkenalkan undang-undang yang membolehkan Kerajaan merampas harta pengedar-pengedar dadah dan diharapkan ia akan dibentangkan dalam sidang yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9,17,19 dan 22 hingga 111 adalah diberi di bawah ini).

PETRONAS—KESELAMATAN DI KILANG PENAPIS MINYAK

9. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Perdana Menteri menyatakan apakah sistem keselamatan yang disediakan untuk menjaga harta-benda PETRONAS di kilang penapis minyak di Kerteh dan telaga-telaga minyak yang ada.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Bagi mengelak kemalangan (safety aspects), langkah-langkah keselamatan diberi perhatian serious dari peringkat reka-bentuk, pembinaan dan operasi. Kilang penapis misalnya telah direkabentuk dengan unsur-unsur

keselamatan (safety features) seperti berikut:

- (i) Loji-loji dipisahkan bagi meminimumkan rebakan kebakaran dan kerosakan akibat letupan;
- (ii) kemudahan-kemudahan yang mengandungi bahan mudah bakar dipisahkan daripada punca api;
- (iii) kawasan-kawasan tangki-tangki simpanan dilengkongi oleh tambak tanah atau konkrit untuk mengawal tumpahan;
- (iv) tangki-tangki dilengkapi dengan sistem pengukuran yang boleh menentukan yang minyak tidak rnelimpah; dan
- (v) alat amaran awal pengesan gas (gas detector alarms) dan sistem kawalan kebakaran dipasang di tempat-tempat strategik.

Semasa kilang penapis ini dibina, semua sistem-sistem diperiksa bagi memastikan pembinaan mengikut garis panduan keselamatan. Apabila kilang ini beroperasi, semua pekerja yang mengendalikan peralatan dilatih bagi memastikan penggunaan dan penyelenggaraan peralatan, kawalan kebakaran dan langkah-langkah kecemasan dijalankan dengan teratur dan berkesan.

Di samping itu, terdapat rancangan-rancangan penyelarasan dan Bantuan Bersama di antara Pihak Berkuasa Tempatan—seperti polis, askar dan bomba—dengan semua pihak pengendali loji-loji di Kerteh semasa kecemasan. Bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dan kecemasan difahami dan dipatuhi, semua pihak yang berkenaan sering mengadakan mesyuarat, latihan langkah kecemasan dan kursus keselamatan.

Bagi telaga-telaga minyak yang ada pula, PETRONAS kerap membuat pemeriksaan keselamatan bagi memastikan supaya alat-alat pemasangan dikendalikan dengan selamat. PETRONAS telah menubuhkan suatu rangkaian perhubungan yang meliputi kesemua pelantar-pelantar luar pantai. Rangkaian perhubungan ini disambung kepada sistem keselamatan negara dan juga agensi-agensi Kerjaan berkenaan melalui pusat perhubungan (COMCEN—COMMUNICATION CENTRE) yang terletak di Ibu Pejabat PETRONAS yang dikendalikan 24 jam sehari. Dari segi mengelak ancaman (security aspects), pelantar-pelantar luar pantai dan kawasan dalam lingkungan 500 meter daripada pelantar-pelantar tersebut telah diwartakan sebagai zon terhad oleh Kementerian Dalam Negeri. Pelantar-pelantar juga dipasang dengan bermacam-macam sistem keselamatan untuk mencegah orang-orang yang tidak berkuasa daripada memasukinya. Pihak Tentera Laut sering mengadakan rondaan-rondaan ke pelantar-pelantar.

Dalam hal-hal kecemasan, Rancangan Tindakbalas Kontijensi dan kecemasan akan digerakkan.

SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL DI KAPIT

17. Tuan James Jimbun Punga minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementeriaannya berniat untuk mendirikan sebuah Sekolah Vokasional di Kapit, Bahagian Ketujuh, Sarawak tujuannya menolong memberi berbagai latihan kepada pelajar yang baru lepas dari bangku sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran memang merancang hendak membina sebuah

Sekolah Menengah Vokasional di Kapit. Walau bagaimanapun pembinaannya bergantung kepada adanya peruntukan yang mencukupi serta tapak yang sesuai.

INDUSTRI KECIL

19. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) setakat manakah sambutan yang diberikan oleh rakyat mengenai industri kecil;
- (b) adakah barang-barang yang dikeluarkan oleh industri-industri kecil mendapat pasaran yang utama di dalam dan luar negeri; dan
- (c) adakah pihak Kementerian melantik guru-guru atau tukang-tukang mahir untuk melatih generasi baru supaya lebih berminat kepada pertukangan tangan berhubung dengan industri kecil ini memandangkan keadaan sekarang sangat susah untuk mendapatkan pekerjaan sama ada dari swasta mahupun Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

- (a) Setakat ini, sambutan rakyat terhadap industri kecil adalah amat menggalakkan. Ini dapat dilihat dari segi bilangan industri kecil yang ada di negara ini jika dibandingkan dengan perusahaan besar. Dari banci yang telah dijalankan pada tahun 1981, terdapat 15,068 industri kecil atau 85% dari industri-industri yang ada di negara ini.

Sambutan rakyat terhadap industri kecil juga dapat dilihat dari segi penyertaan-penyertaan industri kecil dalam program-program yang dianjurkan oleh Kerajaan. Seramai 5,032 usahawan-usahawan kecil telah mengambil bahagian dalam berbagai program yang disediakan oleh Kerajaan untuk membangunkan industri kecil.

- (b) Barang-barang keluaran industri kecil memang mendapat pasaran yang utama di dalam pembelian-pembelian Kerajaan terutamanya barang-barang makanan, perabot kayu dan rotan. Pada tahun 1986 Kerajaan telah membeli sebanyak \$18 juta perabot kayu dan rotan dari industri kecil, \$4.2 juta bagi barang-barang makanan dan \$1.4 juta bagi perabot-perabot besi.

Di pasaran terbuka pula, barang-barang industri kecil telah dapat bersaing dengan barang-barang industri besar. Pada tahun 1986, Besta Distributors Sdn Bhd dan Pernas Edar Sdn Bhd telah dapat memasarkan sebanyak \$2.2 juta barang-barang makanan industri kecil.

Di luar negeri pula, banyak barang-barang industri kecil telah dieksport. Sebanyak 349 jenis barang termasuk getah pemadam, sarong batik, sos cili, serbuk kari, perabot rotan dan penghawa dingin telah dieksport ke negara-negara seperti Eropah, Singapura, Taiwan, Amerika Syarikat dan lain-lain lagi. Sebanyak 330 syarikat atau 16.5% yang berdaftar dengan Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) adalah terdiri dari industri-industri kecil. Sungguhpun angka ini adalah kecil tetapi kita perlu

berbangga ada industri-industri kecil yang sudah menembusi pasaran di luar negeri.

Bagi menjawab soalan (c) pula, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sememangnya melantik guru-guru atau tenaga pengajar yang mahir bagi melatih generasi baru supaya berminat di dalam industri pertukangan tangan. Meskipun demikian, perlantikan guru-guru atau tenaga pengajar tersebut adalah bergantung kepada keperluan kekosongan jawatan dan peruntukan kewangan yang ada.

SEKOLAH KEKURANGAN MURID

22. **Dato' Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sikap Kementerian Pelajaran terhadap Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang murid-muridnya hanya tinggal kurang dari sepuluh orang. Berapa banyakkah terdapat sekolah-sekolah yang sedemikian di seluruh negara. Apakah Kerajaan bercadang menutup sekolah-sekolah tersebut dan memindahkan murid-muridnya ke sekolah berdekatan bagi menjimatkan beban dan perbelanjaan Kerajaan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Sekolah kekurangan murid (sekolah kecil) adalah dibina untuk menampung murid-murid yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan terpencil yang menghadapi masalah perhubungan. Sekarang ini terdapat 19 buah sekolah di seluruh negara yang mempunyai murid kurang daripada 10 orang. Adalah menjadi amalan Kementerian ini untuk menutup sekolah-sekolah tersebut dan memindahkan murid-muridnya ke sekolah-sekolah lain yang berhampiran sekiranya perkara itu dipersetujui oleh ibu bapa dan masyarakat setempat.

BANK BUMIPUTRA/BMP— TINDAKAN SIVIL

23. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kes-kes saman sivil yang dimulakan setakat ini oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd. (BBMB) atau BMF berhubung dengan skandat \$2.5 billion BMF dengan memberi butir-butir lanjut mengenai setiap kes tersebut, tarikh kes tersebut difailkan dan kedudukannya kini.

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan 2 soalan lagi yang dijadualkan dijawab pada hari yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjung dan Rasah memandangkan perkara-perkara yang dibangkitkan adalah hampir-hampir sama.

Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) telah mengambil beberapa tindakan susulan baik di Malaysia mahupun di Hong Kong sebagaimana yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Penyiasat BMFL. Setakat ini sebanyak 9 tindakan sivil telah diambil, itu dalam tahun-tahun 1984 dan 1985, ke atas pihak-pihak yang terlibat. Daripada jumlah tersebut, 3 daripadanya diambil di mahkamah di Malaysia iaitu ke atas Lorrain Osman, Dato' Hashim Shamsuddin, Dr Rais Saniman dan Ibrahim Jaafar bagi mendapatkan kembali wang yang dikatakan telah diterima oleh mereka sebagaimana tercatat di dalam Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMF, manakala 6 tindakan lagi telah diambil di mahkamah di Hong Kong, iaitu ke atas Perak Pioneer Investment Ltd., Plessey Investment, Charis Limited, Eda Irwestments, Westlab Asia Ltd., George Tan dan Chung Ching Man. Kesemua kes-kes ini masih di peringkat perbincangan.

Di samping itu, Bank Bumiputra/BMFL juga sedang mengambil tindakan untuk mendapatkan kembali

pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh BMF menurut prosidur-prosidur yang lazim dilakukan oleh mana-mana bank.

PAKAR KAJI PENYAKIT (PATHOLOGIST)— KEKURANGAN

24. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah kekurangan Ahli Bedah Mayat atau "Pathologist" yang sangat-sangat mendadak di Negeri Sabah terutama sekali dalam beberapa bulan yang lalu.

Dato' K. Pathmanaban: Negara kita masih lagi menghadapi kekurangan Pakar Kajipenyakit (Pathologist). Pembahagian dan penempatan pakar Kajipenyakit adalah mengikut keperluan negeri masing-masing. Memandangkan ketiadaan Pakar Kajipenyakit di Sabah, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Semua slide berkenaan Histopathologi dihantar ke Pusat Penyelidikan Perubatan (IMR) Kuala Lumpur untuk laporan.
- (ii) Pembedahan mayat bagi kes-kes medico-legal yang kompleks akan dibuat oleh Pakar Kajipenyakit "forensic" dari Sarawak yang melawat ke Sabah dari masa ke semasa.
- (iii) Memberi galakan kepada pegawai-pegawai perubatan mengikut kursus lanjutan dalam semua bidang kepakaran termasuk Kajipenyakit.

**SYARIKAT PERUSAHAAN
PERKAPALAN MALAYSIA
(MSE)—PRESTASI**

25. **Tuan Mohd. Sam Sailan** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar dan puashati dengan prestasi kerja Syarikat Kejuruteraan Perkapalan Malaysia (MSE) setanding kalau tidakpun melebihi prestasi kerja Syarikat-syarikat Kejuruteraan Perkapalan negara-negara maju. Kiranya beliau puashati dan MSE benar-benar mempunyai prestasi yang setanding, mengapakah MSE gagal untuk mendapatkan beberapa tawaran projek-projek tempatan terutamanya tawaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan. Nyatakan jumlah dan nilai projek-projek Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang MSE gagal untuk mendapatkannya sejak 1983. Nyatakan juga jumlah dan nilai kerja yang 'MSE jalankan bagi tawaran-tawaran dalam dan luar negeri dalam jangka masa yang sama. Apakah rancangan Kerajaan agar pada masa-masa ke hadapan projek-projek tempatan terutamanya Kerajaan dan agensi Kerajaan ditawarkan kepada MSE.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian berpuashati bahawa prestasi kerja Syarikat Perusahaan Perkapalan Malaysia (MSE) adalah setanding dengan syarikat-syarikat kejuruteraan perkapalan yang setaraf dengannya di negara-negara maju. Ini jelas dilihat dari keupayaan MSE menghadapi keadaan kelembapan ekonomi dunia di mana banyak syarikat-syarikat kejuruteraan perkapalan di negara-negara lain yang terpaksa ditutup manakala MSE masih lagi dapat meneruskan operasinya.

Berkait dengan kegagalan MSE mendapatkan beberapa tawaran projek-projek tempatan, perlu saya

maklumkan bahawa sistem tender yang diamalkan oleh Kerajaan dan juga agensi-agensinya ialah sistem tender terbuka di mana faktor-faktor seperti kebolehan dan keupayaan serta harga yang ditawarkan oleh penender menjadi asas utama penilaian tender. Dari segi kebolehan dan keupayaan dalam bidang pembinaan kapal, kemudahan yang terdapat di MSE adalah terhad kepada kapal-kapal yang beratnya 5000 DWT sahaja. Dari segi harga pula, penyertaan MSE dalam tender-tender untuk pembinaan kapal-kapal kelas ini mendapat saingan hebat daripada limbungan-limbungan kapal dalam dan luar negeri. Bagi limbungan-limbungan kapal luar negeri, tawaran mereka ada kalanya lebih rendah daripada tawaran yang dibuat oleh MSE dan tawaran itu tidak boleh ditandingi oleh MSE atas sebab-sebab seperti kos kewangan MSE yang lebih tinggi dan sebagainya. Kadangkala tawaran-tawaran Syarikat luar negeri itu merupakan harga-harga "dumping" atau lambakan. Bagi kapal-kapal yang kecil pula, adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa peluang untuk membina kapal-kapal tersebut diberikan kepada limbungan-limbungan tempatan yang lebih kecil daripada MSE. Dalam bidang pembaikan kapal dan kerja-kerja kejuruteraan, kebolehan MSE adalah setanding dengan limbungan-limbungan di negara-negara lain dan kegagalan MSE mendapatkan tender-tender yang ditawarkan adalah semata-mata berasaskan harga tawaran.

Sejak tahun 1983, jumlah projek-projek Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang gagat diperolehi oleh MSE ialah 15 bernilai \$194.45 juta. Bagi tempoh yang sama, jumlah tawaran dalam dan luar negeri di mana MSE telah berjaya ialah 353 bernilai \$544.8 juta.

Mulai tahun 1985, Kerajaan telah pun mengarahkan supaya semua Jabatan Kerajaan dan Badan-badan

Berkanun menggunakan perkhidmatan limbungan tempatan termasuk MSE bagi kerja-kerja pembinaan, pembaikan dan penyenggaraan kapal. Kerajaan juga sedang mengkaji untuk menguatkuasakan peraturan tersebut kepada semua syarikat yang terlibat di dalam industri perkapalan bagi menggunakan kemudahan limbungan tempatan.

PERMOHONAN PROJEK PERKILANGAN

26. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa dalam pembentangan Belanjawan 1987 menyebut sektor swasta sebagai enjin pembangunan "(engine of growth)" justeru itu berbagai insentif pun diperkenalkan untuk menarik mereka. Jadi sila nyatakan:

- (a) berapakah banyak permohonan melabur modal sama ada dari dalam ataupun luar negeri yang telah diterima dan diluluskan; dan adakah bilangan ini bertambah ataupun berkurangan jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Kalau ia, apakah sebabnya;
- (b) pecahan mengikut peratus antara permohonan dari dalam dan luar negeri;
- (c) adakah antara yang diluluskan itu telah memulakan usahanya untuk melaksanakan projek mereka ataupun kelulusan itu hanya setakat atas kertas sahaja setakat ini; dan
- (d) adakah jumlah dilaburkan itu menepati sasaran (target) yang dianjurkan oleh Kerajaan sehingga kini.

Dato Kok Wee Kiat:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1986 sejumlah 447 permohonan untuk menubuhkan projek-projek perkilangan telah diluluskan. Berbanding dengan angka-angka tahun 1985 dan 1984, didapati jumlah permohonan yang diluluskan telah merosot. Dalam tahun 1985 bilangan permohonan yang diluluskan adalah berjumlah 625 dan bagi tahun 1984 ialah 749. Ini menunjukkan kemerosotan sebanyak 16.6 peratus dalam tahun 1985 dibandingkan dengan tahun 1984 dan 28.5 peratus dalam tahun 1986 dibandingkan dengan tahun 1985. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh kenaikan tahap had-had pengecualian untuk memohon lesen perkilangan sebanyak dua kali yang berkuatkuasa pada 12hb Disember, 1985 dan 24hb Oktober, 1986. Dengan kenaikan had-had pengecualian ini projek-projek perkilangan yang perlukan lesen perkilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (ICA) telah berkurangan. Akibatnya bilangan permohonan yang diluluskan juga telah berkurangan. Walau bagaimanapun, jumlah cadangan pelaburan modal dalam projek-projek yang diluluskan telah meningkat ke paras yang tinggi daripada \$3,801.1 juta dalam tahun 1984 kepada \$5,686.9 juta dalam tahun 1985. Dalam tahun 1986 jumlah cadangan pelaburan modal telah merosot sedikit kepada \$5,163.2 juta tetapi masih ditahap yang tinggi jika dibandingkan dengan tahun 1984. Jumlah cadangan pelaburan yang tinggi dalam projek-projek yang diluluskan

dalam tahun 1985 dan 1986 adalah disebabkan oleh kelulusan bilangan projek-projek besar yang melibatkan jumlah cadangan pelaburan modal sekurang-kurangnya 50 juta tiap-tiap satu.

- (b) Mengenai pecahan mengikut peratus bagi permohonan bilangan projek-projek yang diterima dari dalam dan luar negeri bagi tempoh 1984-86 didapati bahawa 53.4 peratus daripada bilangan permohonan yang berjumlah 1,923 projek dimiliki oleh warganegara Malaysia sepenuhnya, 6.7 peratus dimiliki oleh warganegara asing sepenuhnya manakala 39.9 peratus adalah projek usahasama.
- (c) Berdasarkan kepada soal selidik yang telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia setakat 30hb Jun, 1986. daripada 3,387 projek yang telah diluluskan bagi tempoh 1980-85, sejumlah 1,688 projek atau 49.8 peratus telah dilaksanakan, 1,268 atau 37.5 peratus adalah di peringkat awal pelaksanaan, manakala bakinya sebanyak 431 atau 12.7 peratus belum dilaksanakan.
- (d) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) pelaburan swasta telah dianggarkan berkembang sebanyak 10.7 peratus setahun. Oleh kerana terdapat pertubuhan ekonomi dunia yang lembab dan faktor-faktor lain seperti pelaksanaan strategi-strategi pembangunan industri yang terlalu ketat, industri dalam negeri yang tidak mempunyai daya persaingan dan kurangnya peluang-peluang pelaburan, maka pelaburan swasta telah berkembang sebanyak 1.8 peratus setahun dalam tempoh tersebut.

KAMPUNG ANGKAT DI LUAR BANDAR

27. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mewajibkan setiap anggota Kerajaan Kumpulan A di luar bandar mengambil satu kampung angkat, seperti yang dlrancangan oleh Kerajaan Negeri Selangor, dengan tujuan membangunkan fizikal dan mental kampung dan penduduk kampung berkenaan. Jika ya, bila akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang mewajibkan setiap anggota Kerajaan Kumpulan A mengambil sesebuah kampung sebagai kampung angkat kerana kebanyakan pegawai kumpulan ini tinggal di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan lain di Lembah Kelang. Jika rancangan ini dilaksanakan pada peringkat Persekutuan ianya sudah tentu melibatkan kos pengurusan dan pengangkutan yang besar. Oleh itu, adalah lebih wajar program seperti ini dihadkan pada peringkat negeri sahaja.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDIA

28. **Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan-tujuan lawatan beliau ke India baru-baru ini, dan apakah pencapaiannya, khususnya dari segi perdagangan bersama dan kerjasama kawasan:

- (a) adakah sebarang perjanjian perdagangan yang telah ditandatangani di antara India dan Malaysia;
- (b) sama ada India telah bersetuju membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia;

- (c) nama dan jawatan ahli-ahli rombongan ini, dan apakah peranan mereka di perundingan-perundingan; dan
- (d) jumlah perbelanjaan yang telah dihadapi oleh rombongan ini berkenaan dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pada dasarnya, tujuan lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India baru-baru ini ialah untuk memperbaharui serta menjalin dengan lebih erat lagi pertalian persahabatan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri India Tuan Yang Terutama Rajiv Gandhi. Kedua-dua pemimpin negara ini pernah berjumpa dan mengadakan perbincangan di Persidangan Commonwealth di Bahamas pada tahun 1985 dan di Persidangan Negara-negara Berkecuali di Harare pada tahun 1986. Dengan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India, sambil memperbaharui persahabatan mereka, kedua-dua pemimpin negara ini telah mengambil kesempatan meneruskan perbincangan mereka mengenai perkara-perkara dan isu-isu kepentingan negara bersama. Selain dari itu lawatan ini juga bertujuan untuk meneroka peluang-peluang baru bagi meningkatkan lagi hubungan dagangan serta kerjasama ekonomi Malaysia-India termasuk pelaburan untuk faedah bersama, seperti cadangan supaya kedua-dua negara mengkaji kemungkinan mengadakan kerjasama mengeluarkan alat-alat ganti dan komponen kereta.

Ditinjau dari segi hasil lawatan, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India boleh disifatkan sebagai berjaya dan berfaedah berasaskan kepada pencapaian berikut:

- (a) Lawatan tersebut telah dapat memupukkan suatu hubungan

yang lebih erat dan mesra di antara pucuk pimpinan Malaysia dengan pucuk pimpinan India;

- (b) Di perbincangan rasmi yang telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Tuan Yang Terutama Rajiv Gandhi dan di mesyuarat berasingan di antara delegasi kedua buah negara, suatu persefahaman yang menyicluruh telah dapat dicapai mengenai isu-isu antarabangsa, serantau dan hubungan duahala Malaysia-India;
- (c) Dari segi ekonomi, walaupun tidak ada sebarang perjanjian ditandatangani semasa lawatan, menerusi perbincangan dengan Perdana Menteri India serta perjumpaan dan dialog dengan pihak perniagaan dan perindustrian lawatan tersebut telah dapat menghasilkan minat mengenai peluang menambahkan perdagangan dua hala kedua negara serta peluang pelaburan yang ada di Malaysia. Di dalam konteks kerjasama ekonomi yang rapat Malaysia-India, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dapat memastikan bahawa India akan terus menjadi pasaran barang-barang mentah utama kita khususnya kelapa sawit di samping pasaran potensi bagi barang-barang keluaran siap dan separuh siap negara kita.
- (d) Ahli-ahli rombongan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdiri daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Ketua Setiausaha Sulit dan Setiausaha Penerangan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dua orang

pegawai kanan Wisma Putra. Tiap-tiap ahli rombongan ini mempunyai tugas-tugas tertentu iaitu untuk mewakili di dalam mesyuarat delegasi, mengambil rekod perbincangan, menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada ahli media massa dan perindustrian India serta melaksanakan atau mengambil tindakan susulan kepada perkara-perkara yang telah dipersetujui oleh kedua belah pihak semasa lawatan tersebut.

- (e) Jumlah anggaran permulaan untuk lawatan ini ialah \$110,000. Walau bagaimanapun, memandangkan semua ahli rombongan Malaysia telah diberi taraf tetamu Kerajaan oleh pihak India di mana penginapan, makan dan minum serta pengangkutan dalam negeri telah ditanggung oleh Kerajaan India, jumlah perbelanjaan sebenar jauh berkurangan dari jumlah di atas. Walau bagaimanapun angka sebenar pada masa ini belum dapat ditentukan lagi.

BANDUAN YANG DIKURUNG DALAM PENJARA

29. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan purata bilangan orang banduan yang dapat dikurung dalam satu sel penjara. Apakah purata bilangan orang banduan yang sebenarnya bagi setiap penjara di dalam negara.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat purata bilangan banduan yang dikurung dalam sebuah sel penjara ialah seramai 3 orang dan purata banduan bagi setiap penjara ialah seramai 969 orang.

PELABURAN TEMPATAN

30. **Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada pengecualian yang diberi kepada pelabur asing daripada menepati keperluan penyertaan 30 peratus bumiputera bagi tahun 1980-1990 itu boleh diperlanjatkan kepada pelaburan tempatan di Malaysia. Jika tidak, mengapa tidak.

Dato Kee Wee Kiat: Kerajaan menyedari pelaburan tempatan harus juga digalakkan. Oleh itu Kerajaan kini sedang mengkaji galakan-galakan untuk pelabur-pelabur tempatan, termasuk perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

RUMAH GURU DAN BILIK DARJAH

31. **Datuk Peter Tinggom Kamarau** minta Menteri Pelajaran memberi penjelasan berkenaan dengan peruntukan bagi 1987 untuk pembinaan bilik darjah dan rumah guru bagi menggantikan yang subpiawi yang ada sekarang untuk sekolah rendah bagi tiap-tiap negeri.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tahun 1987 sebanyak \$178.6 juta telah diperuntukkan bagi pelajaran rendah dan \$7.18 juta untuk rumah guru. Peruntukan yang diberi adalah bertujuan untuk membiayai pembinaan sekolah rendah yang baru, tambahan dan gantian. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima tidak terdapat projek gantian rumah guru kerana yang ada sekarang didapati masih boleh digunakan lagi. Dalam pada itu kawasan-kawasan yang belum mempunyai rumah guru atau yang memerlukan bangunan tambahan bagi memenuhi keperluan semasa akan tetap diselenggarakan.

**PERSIDANGAN PERTUBUHAN
NEGARA ISLAM (OIC)—
KERJASAMA**

32. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil-hasil positif yang dicapai dalam Persidangan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) di Kuwait baru-baru ini yang disertai oleh negara kita yang memberi faedah dan kebaikan kepada Malaysia serta juga ke arah memperkukuhkan kedudukan dan keberkesanan pertubuhan ini di mata dunia.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Pada keseluruhannya Sidang Kemuncak Ke 5 ini telah berjaya dalam usaha untuk memupuk kerjasama dan perpaduan dikalangan negara-negara Islam. Walaupun banyak masalah sensitif yang boleh mengakibatkan kerenggan malah perpecahan negara anggota namun ianya dibincangkan dengan penuh persefahaman untuk mengekalkan perpaduan dan kerjasama antara negara-negara anggota.

Mengenai isu Palestin, Sidang Kemuncak sekali lagi telah menekankan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO dan mana-mana usaha untuk mencari penyelesaian damai hendaklah menerusi penyertaan PLO serta perlunya diadakan dengan seberapa segera persidangan antarabangsa mengenai keamanan di Asia Barat di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu.

Masalah perang Iran-Iraq pada mulanya dijangka akan diberi keutamaan dalam Sidang Kemuncak dalam rangka usaha mencari penyelesaian damai secara aman. Walaupun dengan ketiadaan Iran, Sidang Kemuncak telah memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan menggesa supaya segala usaha dilaksanakan ke arah penyelesaian

oleh kerana ianya telah mengorbankan begitu banyak nyawa dan harta benda serta mengancam keamanan dan kestabilan di kawasan Teluk.

Jawatankuasa Damai Islam juga telah mengadakan mesyuaratnya semasa Sidang Kemuncak dalam meneruskan usaha-usahnya serta membincang keadaan semasa perang ini walaupun Jawatankuasa Damai tidak dapat melaksanakan usaha-usaha damainya oleh kerana pendirian Iran dan Iraq yang tidak dapat direkonsailkan. Dalam rangka ini Sidang telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha Jawatankuasa ini dan telah menggesa supaya negara-negara anggota bekerjasama untuk menamatkan peperangan.

Malaysia tidak pernah dilantik sebagai orang tengah mengenai perang Iran-Iraq. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah mengenai penubuhan kontek group atau kumpulan kecil dari negara-negara anggota Jawatankuasa Damai yang ditugaskan untuk mengadakan perbincangan dengan Iran dan Iraq. Jikalau ini dimaksudkan ianya tidak dapat dilaksanakan oleh kerana usaha-usaha untuk mengadakan lawatan ke Iran tidak dapat diterima.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia inginkan supaya peperangan ini ditamatkan dengan segera demi kepentingan perpaduan negara-negara Islam dan oleh sebab inilah Malaysia telah memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa Damai Islam. Malaysia juga mengambil berat tentang masalah penjualan senjata oleh kerana ianya membawa akibat yang lebihburuk kepada kedua-dua negara dalam mesyuarat yang lalu. Dalam rangka ini Malaysia telah menggesa negara-negara OIC yang berpengaruh bagi mengelakkan penjualan senjata oleh negara-negara pengeluar senjata.

Malaysia juga mengharapkan supaya kemajuan akan dicapai berikutan dengan usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Pengerusi OIC iaitu Baginda Amir Kuwait. Malaysia juga menyokong inisiatif Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan satu "Ad Hoc Committee" untuk mencari penyelesaian ke atas masalah ini.

Mengenai masalah Afghanistan, Sidang Kemuncak memandang serius terhadap pencerobohan tentera Soviet Russia dan menghargai langkah yang dibuat oleh Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu bagi mencari penyelesaian damai dan menggesa Soviet Russia supaya menarik balik tenteranya dari Afghanistan.

Dalam bidang ekonomi, Malaysia telah memainkan peranan utama bagi meningkat kerjasama antara negara-negara anggota memandang bahawa ini adalah merupakan satu faktor yang penting bagi mencapai kemajuan dalam bidang ini. Untuk mencapai tujuan ini adalah perlu bagi OIC sebagai pertubuhan utama mengadakan "infrastructure" untuk menggalakkan hubungan ini dengan menubuhkan beberapa badan bagi memajukan aktiviti-aktiviti perdagangan dan lain-lain. OIC juga telah menubuhkan skim "longer term trade financing" bagi membantu dalam bidang perdagangan.

OIC juga telah mengadakan rancangan khusus untuk meningkatkan kemajuan dan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sains dan teknologi bagi faedah-faedah negara-negara anggota.

Di samping ini Malaysia telah juga mengemukakan dua isu yang penting iaitu mengenai masalah dadah dan Antartika yang telah mendapat sokongan penuh di Sidang Kemuncak. Mengenai masalah dadah, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul

menggesa supaya negara-negara anggota bukan sahaja bekerjasama dalam membentasi penyalahgunaan dadah dan supaya negara-negara anggota mengambil bahagian yang aktif dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah yang akan datang. Mengenai masalah Antartika pula, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul supaya negara-negara anggota mengambil bahagian dalam usaha untuk menubuhkan satu regim baru mengenai Antartika untuk faedah manusia sejagat.

Malaysia menyokong penuh tindakan OIC dalam rangka untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang di kalangan negara-negara anggota dan telah memainkan peranan yang penting berasaskan kepada dasar kita terhadap pertubuhan ini. Selaras dengan ini Malaysia telah memberi sumbangan yang membina bukan sahaja bagi menentukan kejayaan usaha yang dilaksanakan oleh OIC bahkan juga dalam rangka untuk melicinkan pentadbiran pertubuhan ini supaya ianya menjadi lebih berkesan.

BARANG KELUARAN INDUSTRI KECIL

33. Dato' Dr Affifuddin Haji Omar minta Menteri Kewangan menyatakan banyak manakah pembelian dibuat oleh agensi dan jabatan Kerajaan ke atas barang-barang keluaran industri kecil desa seperti bidai buluh perabut kayu dan rotan semenjak arahan Perbendaharaan dibuat tidak berapa lama dulu; adakah pihak Perbendaharaan akan meningkatkan pembelian ini andainya nilai ini masih rendah, untuk memberi makna kepada usaha pembangunan industri tempatan dan dasar membeli barang-barang buatan Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan pembelian barangan

tempatan. Mengenai pembelian barang-barang ketuaran industri kecil seperti bidai buluh kayu, perabut kayu dan rotan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan adalah dilaksanakan melalui kontrak-kontrak Kementerian saya.

Dalam tempoh 1983-1986 nilai perolehan mengikut rekod Kementerian ini ialah bernilai lebih kurang \$41,242,000.00. Kerajaan memanglah menekankan keutamaan penggunaan barang-barang keluaran tempatan bagi meningkatkan lagi perusahaan perindustrian kecil.

ELEKTRIK BUATAN MALAYSIA KE SINGAPURA

34. **Tuan Nasruddin bin Alang Saidin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan yang akan diambil berikutan pengharaman pengimpotan barangan elektrik buatan Malaysia oleh Kerajaan Singapura baru-baru ini, dan berapakah nilai pengimportan barangan elektrik dari Singapura ke Malaysia.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengimportan barangan elektrik buatan Malaysia ke Singapura tidaklah diharamkan oleh Kerajaan berkenaan. Tetapi baru-baru ini beberapa jenama barangan elektrik buatan Malaysia seperti "switches, plugs, ballasts dan power transformers" tidak dibenarkan masuk ke negara itu kerana badan pemeriksaan di negara tersebut enggan menjalankan pemeriksaan keselamatan ke atas barang-barang itu.

Kerajaan telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak Singapura mengenai perkara ini dan pihak berkenaan telah pun menunjukkan keinginan untuk menyelesaikan perkara ini secepat mungkin.

CUKAI IMPORT/PERDAGANGAN

35. **Dr Patau Rubis** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula cukai import dan cukai perdagangan atas barang-barang dan bahan-bahan seperti baja-baja, cat-cat, mesin-mesin dan komoditi pembinaan yang belum disenaraikan di dalam kandungan kawalan cukai khas untuk meningkatkan hasil dan untuk mengurangkan penyelewengan tarif cukai dari penggunaan cara "under-declared value" bagi import-import.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Di dalam soalan yang dikemukakan Ahli Yang Berhormat telah menggunakan istilah "kawalan cukai khas". Untuk makluman, istilah berkenaan tidak pernah digunakan dalam perkara-perkara berkaitan dengan percukaian negara. Yang demikian adalah agak sukar bagi menjawab soalan yang dikemukakan. Berhubung dengan soalan yang kedua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula cukai import barang-barang bagi mengurangkan penyelewengan dari segi "under declaration" ke atas nilai barang-barang import. Ini adalah disebabkan pindaan kepada kadar cukai import bukanlah merupakan satu langkah yang boleh mengatasi masalah yang dibangkitkan.

DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH

36. **Tuan Haji Abdul Manaf Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya disiplin murid-murid di sekolah sekarang ini merosot. Adakah puncanya Maktab-maktab Latihan Guru sekarang ini gagal mengeluarkan pendidik-pendidik yang berjaya seperti guru-guru yang keluar dari MPSI Tanjung Malim dua puluh tahun dahulu. Apakah perancangan Kementerian Pelajaran mengenainya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya keadaan disiplin murid-murid adalah terkawal. Bilangan murid-murid yang bermasalah, iaitu yang melakukan kesalahan-kesalahan yang dianggap tidak berdisiplin, termasuk yang melanggar peraturan-peraturan sekolah, adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah murid yang ada di seluruh negara. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran tetap memandangkan berat masalah ini dan sedang berusaha memperbaiki mutu disiplin ke tahap yang lebih baik.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi mutu perguruan dan keguruan, Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pelajaran dan Maktab-maktab Perguruan telah mengadakan berbagai-bagai program latihan. Di antaranya ialah kursus dalam bidang kurikulum, ko-kurikulum, kursus-kursus pengkayaan dan Kursus Pendedahan Mengenai—Perkhidmatan Pelajaran. Program latihan perguruan telah dilengkapi dengan latihan yang menyeluruh itu tidak sahaja mementingkan kurikulum dan ko-kurikulum semata-mata tetapi juga dari segi fizikal dan spiritual. Dengan adanya latihan yang menyeluruh ini, guru-guru yang dikeluarkan dari Maktab-maktab Perguruan diharapkan tidak hanya mempunyai kemahiran dalam teknik mengajar semata-mata tetapi juga mampu menggunakan kebolehan intelektual masing-masing untuk mendidik, menyemai dan menanam nilai-nilai agama, moral dan sosial yang tinggi di kalangan murid-murid sekolah.

Walaupun bagaimanapun adalah tidak sesuai membuat perbandingan guru-guru lepasan M.P.S.I, 20 tahun dahulu dengan guru-guru sekarang kerana keadaan dan konteksnya sudah berbeza.

IBU PEJABAT POLIS DI KUDAT

37. **Tuan Joe Ojihin Supiring** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kementerian ini memulakan pembinaan Ibu Pejabat Polis di Kudat, di mana ianya telah dijadualkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam tahun 1987 tetapi terpaksa ditangguhkan oleh kerana keadaan kewangan negara tidak mengizinkan.

BANDUAN MENAHAN PEGAWAI KERAJAAN

38. **Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah punca berlakunya peristiwa di Penjara Pudu dan Kuantan baru-baru ini hingga banduan-banduan berjaya menahan kakitangan dan Pegawai Kerajaan yang bertugas sebagai tebusan. Siapakah yang harus memikul tanggungjawab ke atas keselamatan pegawai dan kakitangan yang bertugas di penjara di tiap-tiap negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak yang berwajib supaya peristiwa ini tidak berulang lagi di semua penjara termasuk Sabah dan Sarawak. Berkenaan dengan orang-orang tahanan yang berjaya melarikan diri seperti yang berlaku di Melaka baru-baru ini apakah langkah-langkah yang akan diambil supaya perkara ini dapat dielakkan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab yang membolehkan banduan-banduan menahan kakitangan dan pegawai Kerajaan adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan banduan yang ramai yang menyukarkan kawalan dibuat ke atas mereka.

- (b) Kecuaian segelintir pegawai-pegawai penjara yang mengawal banduan.

Ketua Institusi Penjara bertanggungjawab ke atas keselamatan pegawai dan kakitangan yang bertugas di penjara di tiap-tiap negeri.

Sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan untuk mengkaji masalah di penjara dan telah mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 28hb Januari yang lalu untuk mengkaji masalah kesesakan dan keselamatan di penjara secara mendalam. Jawatankuasa itu telah menubuhkan 2 buah Jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja mengkaji masalah Kesesakan dan satu lagi Jawatankuasa Kerja Mengkaji Masalah Keselamatan. Kedua-dua Jawatankuasa Kerja ini akan memperakukan kepada Jawatankuasa Khas mengenai langkah-langkah jangka panjang yang perlu diambil supaya masalah-masalah di penjara dapat di atasi.

Antara langkah-langkah bagi mengatasi kelarian orang-orang tahanan di lokap polis ialah seperti berikut:

- (a) Mengadakan penyeliaan dan pengawasan rapi ke atas anggota-anggota polis yang menjalankan tugas-tugas pengawalan dan tindakan tegas akan diambil ke atas anggota-anggota yang cuai dan lalai.
- (b) Mengadakan latihan bagi memastikan supaya anggota-anggota polis bersedia menghadapi sebarang percubaan orang-orang tahanan untuk melepaskan diri.

PERPADUAN KAUM

39. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar kedudukan perpaduan

kaum di negara ini yang membimbangkan kerana diakibatkan oleh fahaman chauvinisma setengah pemimpin-pemimpin kaum dan apakah langkah-langkah tegas supaya perpaduan dapat diwujudkan melalui dasar satu bahasa satu budaya dan satu negara.

Tuan Kasitah Gaddam: Kerajaan sedar bahawa suasana perhubungan kaum di negara ini telah tidak begitu menggalakkan tetapi keadaannya tidak sampai ke tahap yang membimbangkan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Keadaan perhubungan kaum yang tidak begitu menggalakkan, ini adalah disebabkan oleh tahaman chauvinism setengah-setengah pemimpin kaum. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi dan membendung keadaan supaya kesan masalah chauvinisma ini tidak akan berleluasa atau berpanjangan.

Perpaduan di negara ini sudahpun wujud, tetapi perlu dipupuk secara berterusan. Oleh itu untuk menentukan perpaduan kaum di negara ini dapat dimantapkan, Kerajaan sememangnya mempunyai langkah-langkah yang tegas dan melalui berbagai-bagai dasar yang kesemuanya bertujuan mencapai matlamat perpaduan nasional.

Dasar Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan rakyat telah pun digubal. Pelaksanaannya akan diteruskan, bukan sahaja melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan tetapi juga dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan.

Kerajaan juga telah menggubal Dasar Kebudayaan Kebangsaan di mana segala aspek budaya kaum tain juga diambilkira untuk melahirkan semangat perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Kesemua

dasar-dasar negara yang dibentuk oleh Kerajaan adalah bertujuan di antara lain untuk mencapai matiamat perpaduan kaum.

BANGUNAN PENCAKAR LANGIT

40. Tuan Haji Mohd. Sihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan setakat manakah Kementerian tersebut masih meluluskan projek-projek bangunan pencakar langit. Tidakkah Kementerian tersebut mempunyai hasrat bahawa setengah-setengah bangunan pencakar langit itu didirikan di luar Kuala Lumpur seperti di Kajang, Rawang dan ditanah lain menghala ke Seremban dan lain-lainnya seperti Bandaraya Tokyo, London, Rome dan lain-lainnya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Pada awal tahun 1986, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membekukan kelulusan permohonan perancangan bagi projek-projek bangunan pejabat berbilang tingkat di pusat bandar Kuala Lumpur. Ini adalah selaras dengan keputusannya untuk tidak menggalakkan pembangunan pejabat berbilang tingkat kerana terdapatnya lebih ruang lantai pejabat yang dialami sekarang.

Tindakan pembekuan ini adalah juga selaras dengan strategi perancangan Pelan Struktur Kuala Lumpur yang menentukan pembangunan sederhana di Kawasan Perancangan Pusat dan pembangunan yang lebih pesat di kawasan-kawasan luar. Pembangunan di kawasan luar yang dimaksudkan ialah Kawasan-kawasan Pertumbuhan Baru seperti berikut:

- (i) Wangsa Maju.
- (ii) Bandar Tun Razak.

- (iii) Bukit Jalil; dan
- (iv) Damansara.

Bagaimanapun, pembangunan di ke empat-empat Kawasan Pertumbuhan Baru tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan pesat disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak mengizinkan pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan di Wilayah Lembah Kelang, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah tertakluk kepada strategi perancangan Wilayah Lembah Kelang yang telah menentukan pembangunan Pusat-pusat Pertumbuhan seperti Bangi/Kajang, Kelang, Selayang/Gombak dan Shah Alam. Pembangunan ini adalah diselaraskan oleh Majlis Perancangan Wilayah Lembah Kelang yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

JURUBAHASA DAN JUDICIAL OFFICIALS—KEKURANGAN

41. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang serius iaitu kekurangan Jurubahasa (Interpreters) dan Judicial Officials yang dihadapi oleh Mahkamah-mahkamah di Sabah dan di seluruh Malaysia.

Dato' Oo Gin Sun: Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah yang dijadualkan untuk dijawab pada 13-3-87 kerana masalah yang ditanyakan adalah hampir sama. Menyedari tentang masalah kekurangan Jurubahasa dan juga Pegawai Undang-undang yang dihadapi oleh mahkamah-mahkamah, Kerajaan telah mengadakan urusan pengambilan calon-calon pada penghujung tahun lepas.

Tawaran jawatan Jurubahasa telah dibuat dalam bulan Disember 1986 kepada seramai 41 orang calon yang berjaya dalam urusan pengambilan itu.

Sementara itu untuk mengisi jawatan-jawatan Jurubahasa yang masih kosong Suruhanjaya Perkhidmatan Awam akan mengadakan urusan pengambilan calon-calon baru tidak berapa lama lagi.

Berhubung dengan kekurangan Pegawai Undang-undang (pegawai-pegawai kehakiman) pula, Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kini dalam proses terakhir urusan pengambilan calon-calon yang baru dan adalah dijangkakan perlantikan akan dibuat tidak berapa lama lagi. Dengan pengambilan-pengambilan ini adalah diharapkan ianya akan dapat mengatasi kekurangan Jurubahasa-jurubahasa dan pegawai-pegawai kehakiman.

LESEN MENGAMBIL ROTAN

42. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan potensi cerah pengeksporan kerusi, meja dan lain-lain perabot yang dibuat dari rotan di luar negeri. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya rotan yang ada di hutari kita di seluruh negara dikawal dengan baik. Adakah Kerajaan menjalankan kajian supaya jenis dan mutu rotan yang ada sekarang ini dipelbagai dan diperbaiki.

Menteri Perusahaan Utama (Dato* Dr Lim Keng Yaik): Langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk memastikan rotan di seluruh hutan negara ini terkawal dengan baik adalah:

- (i) mengawal pengeluaran permit atau lesen mengambil rotan, supaya tidak terlampau banyak dikeluarkan;

- (ii) mengawal pengeluaran kawasan-kawasan untuk mengambil rotan supaya tidak terlampau luas kawasan hutan yang boleh diambil rotannya;
- (iii) mengenakan syarat-syarat yang ketat di dalam permit/lesen mengambil rotan dan memeriksa setiap pemegang permit/lesen mematuhi syarat-syarat permit/lesen mereka;
- (iv) menjalankan penanaman mengaya dan rawatan silvikultur ke atas dirian-dirian rotan supaya rotan dapat tumbuh dan membesar bagi diambil pada pusingan akan datang;
- (v) memulakan menjalankan penanaman rotan di kawasan-kawasan hutan dan di kawasan penanaman getah pekebun-pekebun kecil.

Kerajaan juga ada menjalankan berbagai kajian untuk mempelbagai dan memperbaiki mutu rotan di negara ini. Kajian-kajian itu termasuklah kemungkinan menanam rotan sebagai tanaman sampingan di dalam kebun-kebun kecil getah, teknik tisu didik bagi pengeluaran benih rotan yang baik secara besar-besaran, teknik-teknik penyemaian, penanaman dan penjagaan tanaman rotan yang paling cekap, kajian genetik bagi menghasilkan benih rotan yang baik, teknik penyimpanan biji benih rotan supaya tahan lama dan teknik-teknik penggunaan rotan dalam mengeluarkan pelbagai jenis barangan.

RANCANGAN AGAMA DI TV

43. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Penerangan menyatakan apakah sebab rancangan bimbingan agama yang disiarkan pada sebelah malam selepas berita di

rangkaian pertama ditukar lebih awal pada sebelah petang.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Dalam sistem penjadualan baru TV, Kementerian Penerangan telah mengenal pasti waktu siaran bagi jenis-jenis rancangan yang sesuai berpandukan hasil kajian penonton-penonton bagi siaran-siaran dan waktu-waktu tertentu.

Bagi rancangan Agama, hasil penyelidikan menunjukkan bahawa adalah lebih bermanfaat rancangan-rancangan yang berbentuk "instructional" seperti Muqqadam, bimbingan agama dan lain-lain disiarkan dalam waktu yang sama supaya seisi keluarga dapat menontonnya. Sekiranya ada kemuskilan atau perbincangan, ketua keluarga dapat tolong memandu dan memberi penjelasan. Dengan menontonnya bersama perkara-perkara yang dibangkitkan juga dapat diterapkan oleh seluruh ahli keluarga, demikian menambah kekesanannya. Waktu yang baik untuk tontonan bersama ini ialah di waktu petang. Di waktu malam tentulah kanak-kanak yang bersekolah mahu membaca atau membuat kerja-kerja rumah sebelum tidur.

BERITA DALAM BAHASA MALAYSIA DI TV

44. **Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Penerangan menyatakan kenapa Berita dalam Bahasa Malaysia yang disiarkan serentak di kedua-dua rangkaian pada setiap malam jam 8.00 malam kini direntikan siarannya di rangkaian kedua.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Kementerian Penerangan membuat keputusan menyiarkan

Berita melalui Rangkaian 1 sahaja, mulai 1-1-87 setelah mengambil kira:

- (i) Jumlah penonton Berita di Rangkaian 2 adalah sedikit sahaja iaitu lebih kurang 100,000 orang. Tambahan pula Laporan Penyelidikan oleh Survey Research Malaysia (28-12-86 hingga 31-1-87) menunjukkan jumlah penonton Rangkaian 2 semakin berkurangan, manakala penonton Rangkaian 1 didapati bertambah. Ini bermakna penonton yang setia kepada Berita RTM telah berpindah ke Rangkaian 1.
- (ii) Masa antara pukul 8.00 hingga 9.00 malam (Rangkaian 2) boleh diisi dengan tayangan filem Inggeris yang dibuka kepada tajaan. Ini merupakan sumber pendapatan tambahan kepada Kerajaan.

Walaupun begitu RTM 2 akan menyiarkan Berita Perdana kembali untuk meliputi berita-berita penting dalam negeri, sesudah soal tajaan selesai disusun semula.

PERMIT KERETA SEWA

45. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan setakat ini berapa banyakkah permit-permit kereta sewa yang telah dipohonkan dan berapa banyak yang sudah diproses dan yang baki lagi. Apakah sebab-sebab sesuatu permohonan permit mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk diselesaikan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Bagi maksud pengumpulan perangkaan oleh LPPJ, perangkaan berkait dengan kereta sewa adalah disatukan dengan perangkaan bagi teksi-teksi. Jumlah permohonan yang telah diterima dan diproses oleh Lembaga-lembaga

Pelesenan Pengangkutan Jalan bagi tahun 1982 sehingga 31-12-1986 adalah seperti berikut:

Jumlah permohonan	44,276
Jumlah diproses ..	42,195
Jumlah baki yang belum diproses pada 31-12-86	2,081

Pada amnya, permohonan mendapatkan lesen-lesen daripada Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan atau LPPJ dapat diberikan keputusan dalam tempoh kurang daripada setahun. Purata masa yang diambil oleh LPPJ ialah 6 bulan. Cepat atau lambatnya satu-satu permohonan itu dapat diberikan keputusan banyak bergantung kepada lengkap atau tidaknya borang-borang permohonan diisi dan maklumat-maklumat tambahan yang diberi oleh pemohon baik yang disertakan dengan borang ataupun menerusi temuduga yang diadakan. Walaupun panduan mengisi borang ada diberikan bersekali dengan borang-borang permohonan tertentu dan penjelasan diberi oleh kakitangan-kakitangan LPPJ di kaunter, masih terdapat ramai pemohon-pemohon yang tidak mengisi borang permohonan masing-masing dengan sempurna. Ini memerlukan pertukaran surat menyurat yang banyak di antara LPPJ dan pemohon yang mengambil masa yang panjang. Untuk mengatasi masalah ini, LPPJ telah mengambil tindakan memulangkan semua borang permohonan yang tidak di isi dengan sempurna dan permohonan-permohonan yang tidak disertai dengan maklumat-maklumat yang cukup dengan memberikan panduan-panduan supaya mereka mengembalikan borang-borang yang lengkap diisi. Hanya permohonan-permohonan yang sempurna sahaja didaftarkan dan dipertimbangkan. Cara ini membolehkan LPPJ memberi tumpuan yang penuh kepada permohonan-permohonan yang patut

ditimbangkan sahaja dan dengan ini keputusan yang cepat dibuat.

HARGA BUAH KELAPA SAWIT

46. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pertanian menyatakan adakah beliau sedar bahawa harga buah kelapa sawit di antara negeri Sabah dengan Semenanjung Malaysia adalah berbeza; adakah pihak Kementerian akan mengambil tindakan agar harga buah kelapa sawit di seluruh negara dapat diselaraskan,

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Kementerian Perusahaan Utama sedar bahawa harga buah kelapa sawit, pada amnya, adalah lebih rendah di Sabah jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, harga buah kelapa sawit adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk:

- (a) harga minyak kelapa sawit mentah;
- (b) kos pengangkutan dari ladang ke kitarang;
- (c) kos pemerosesan; dan
- (d) imbalan di antara permintaan dan penawaran untuk buah kelapa sawit di satu-satu kawasan.

Sehubungan dengan ini, kedudukan berbagai faktor yang tersebut di atas di negeri Sabah, adalah seperti berikut:

- (a) Harga minyak kelapa sawit mentah adalah lebih rendah di Sabah jika dibandingkan dengan harga di Semenanjung. Salah satu sebab keadaan ini berlaku ialah ketiadaan sebarang kilang penapis minyak kelapa sawit yang beroperasi di Sabah, sedangkan di Semenanjung Malaysia terdapat

berlebihan kapasiti dalam sektor penapisan;

- (b) Kos pengangkutan buah kelapa sawit dari ladang ke kilang lebih tinggi di negeri Sabah, memandangkan kemudahan pengangkutan yang kurang maju, dan peladang-peladang dan pekebun-pekebun kecil persendirian biasanya terletak jauh dari kilang-kilang yang membeli buah kelapa sawit mereka;
- (c) Secara purata, kos pemerosesan adalah juga lebih tinggi di Sabah iaitu di antara \$28-\$45 se tan metrik, berbanding dengan kos di Semenanjung di antara \$20-\$35 se tan metrik, disebabkan oleh paras harga-harga yang pada amnya lebih tinggi di Sabah;
- (d) Kadar permintaan dari pengilang-pengilang di Sabah untuk buah kelapa sawit tidak sebegitu mendesak jika dibandingkan dengan di Semenanjung memandangkan sebilangan dari kilang-kilang di Sabah ditubuhkan oleh ladang-ladang sendiri, dan oleh itu ianya tidak memerlukan buah kelapa sawit dari peladang atau pekebun kecil persendirian untuk beroperasi.

Kementerian Perusahaan Utama tidak bercadang menetapkan harga buah kelapa sawit bagi menyelaraskannya di seluruh negara. Ini adalah berasaskan pendirian bahawa ianya harus ditetapkan secara bebas mengikut imbalan di antara permintaan dan penawaran. Namun demikian, Kementerian Perusahaan Utama sentiasa menjalankan usaha supaya setiap pihak mendapat harga yang adil. Mengenai kedudukan di Sabah, Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA), melalui Pejabat

Wilayahnya di negeri itu, dari masa ke semasa ada memberi penerangan kepada pihak pekebun-pekebun kecil, ladang-ladang, peniaga-peniaga dan pengilang-pengilang mengenai kaedah pemasaran dan pengiraan harga buah yang betul. Maklumat-maklumat juga adalah diedarkan melalui penerbitan-penerbitan seperti "Risalah Sawit".

AHLI LEMBAGA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN— LANTIKAN

47. Tuan Michael Asang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapakah Perlantikan Ahli Lembaga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah begitu memakan masa untuk dibentuk mahupun disahkan. Oleh kerana beribu-ribu pemohon berbagai jenis Permit daripada seluruh negeri terpaksa menunggu dan tidak kurang pula mungkin mendapat hasutan daripada pihak pembangkang yang telah membuat tuduhan yang tidak baik kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Sabah. Dan kalau belum dibentuk diminta supaya dapat dilaksanakan dengan seberapa segera.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Pertanyaan ini telah pun dijawab pada 10-3-1987 semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat kawasan Tawau.

PEGAWAI GIAT DALAM POLITIK

48. Tuan Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan kenapakah pegawai Kumpulan "A" ke atas di dalam Kerajaan dilarang berpolitik. Dalam keadaan negara yang memerlukan kumpulan mahir bergiat di dalam politik, kerana parti menguasai Kerajaan dan langkah itu dianggap terbelakang. Patutkah dilarang Pegawai Kerajaan yang mampu menjalankan dua tugas

serentak pentadbiran dan kemahiran pada masa yang sama.

Tuan Kasitah Gaddam: Pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A" dilarang mengambil bahagian cergas dalam politik bagi menjamin taat setia mereka kepada Kerajaan yang memerintah dan sebagai penggubal dasar serta perlaksanaannya mereka mestilah tidak dipengaruhi oleh fahaman atau ideologi politik yang berlainan daripada ideologi parti yang memerintah.

SISWAZAH YANG MENGANGGUR

49. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan bilangan siswazah yang masih menganggur di negara kita ini. Jika Kementerianya tidak mempunyai angka tersebut, bolehkah beliau menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji masalah pengangguran di antara siswazah-siswazah. Jika tidak, apa sebabnya.

Tuan Kasitah Gaddam: Jumlah sebenar siswazah-siswazah yang menganggur di negara kita pada masa ini belum dapat ditentukan dengan tepat. Walau bagaimanapun, mengikut senarai siswazah-siswazah yang telah mendaftarkan diri di Jabatan Perkhidmatan Awam, terdapat kira-kira 15,000 siswazah yang masih belum mendapat pekerjaan pada penghujung tahun 1986. Jumlah ini juga termasuk siswazah-siswazah yang bukan tajaan Kerajaan Persekutuan.

Mengikut Pendaftar Ikhtisas di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sehingga bulan Disember 1986 didapati kira-kira 4,208 orang siswazah telah pun mendaftar diri untuk mendapat pekerjaan. Walaupun jumlah ini merupakan satu anggaran sahaja, ianya dapat memberi satu gambaran yang baik mengenai

masalah pengangguran di kalangan siswazah pada masa ini.

Satu jawatankuasa khas telah pun ditubuhkan dianggotai oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk mengkaji masalah ini, dan mencadangkan kepada Jemaah Menteri langkah-langkah yang harus diambil untuk mengurangkan jumlah pengangguran ini.

Sementara itu Kementerian Buruh telah memperkenalkan satu program Pasukan Pekerja Sukarela Profesional di mana siswazah yang berdaftar dengan Kementerian Buruh diberi pekerjaan dalam apa-apa pembinaan projek-projek awam. Menerusi program ini adalah diharapkan pengalaman yang mereka perolehi akan dapat membantu mereka dalam mendapatkan pekerjaan tetap.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI

50. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) tentang kedudukan beberapa pindaan di dalam Akta Universiti dan Kolej seperti yang pernah diumumkan dahulu demi untuk memberi keselesaan kepada para pelajar di dalam memperkembangkan proses keilmuan di negara ini. Sejauhmanakah kemajuan persediaan untuk pindaan tersebut telah dibuat; dan
- (b) sejauhmanakah proses Islamiah telah diterapkan di dalam sistem pembelajaran di negara kita sehingga kini.

Tuan Anwar bin Ibrahim:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai pindaan Akta Universiti dan Kolej

Universiti, pihak Kementerian telah meneliti dan mendapatkan pandangan umum mengenai beberapa perkara dalam Akta tersebut sebelum pindaan terakhir dibuat. Walau bagaimanapun kuasa-kuasa tertentu telah diturunkan kepada Naib Canselor dalam proses menentukan agar kuasa-kuasa pentadbiran dan disiplin pelajar diselenggarakan oleh pihak Universiti sendiri.

(b) Sebagai permulaan Kementerian Pelajaran telah berusaha untuk—

- (i) menganjurkan majlis perbincangan antara pegawai-pegawai tingginya dengan ahli-ahli pemikiran Islam dalam dan luar negeri.
- (ii) mengadakan kursus Penerangan Nilai-nilai Islam di kalangan guru-guru dan murid-murid peringkat Sijil Tinggi Persekolahan.
- (iii) mengadakan kursus pendidikan Islam dan tamadun Islam di Maktab-maktab Perguruan.

Kementerian Pelajaran juga berusaha agar tidak ada unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam wujud dalam sistem pelajaran kebangsaan, kursus-kursus pengajian dan lain-lain teks.

ISTILAH JUALAN BARANG-BARANG

51. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan istilah jualan-jualan murah, jualan-jualan kebajikan, tawaran istimewa, tawaran Adilfitri, tawaran Deepavali, tawaran

Krismas, tawaran Tahun Baru dan jualan-jualan penghabisan oleh kedai-kedai dan pasaraya di negara ini di musim-musim tertentu. Apakah harga yang ditawarkan itu betul-betul murah atau istimewa atau sekadar menarik perhatian pelanggan, sedangkan harganya tetap mahal. Apakah langkah pengawasan oleh pihak penguatkuasa perdagangan, Apakah pernah ada rekod penyelewengan yang dilakukan. Kalau ada apakah tindakan yang sewajarnya dan berapa buah kedai dan pasaraya yang telah diambil tindakan.

Dato Kok Wee Kiat: Jualan murah, jualan kebajikan, tawaran istimewa, tawaran Adilfitri, tawaran Krismas, tawaran Tahun Baru dan jualan penghabisan adalah di antara perbincangan-perbincangan yang digunakan oleh para peniaga untuk kedai atau pasaraya mereka khususnya di musim-musim perayaan. Perbincangan-perbincangan ini memberi makna bahawa kedai atau pasaraya berkenaan menjual atau menawar untuk jualan barangan dengan harga yang lebih rendah daripada harga barangan itu yang ditawarkan dahulu.

Undang-undang tidak melarang seseorang daripada menggunakan perbincangan-perbincangan ini dalam menjalankan perdagangan. Dengan itu, para peniaga adalah bebas untuk menggunakannya. Walau bagaimanapun, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 jika perbincangan-perbincangan yang digunakan itu didapati palsu atau mengelirukan.

Sehubungan dengan ini, pegawai-pegawai Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa membuat pemeriksaan menjejut ke atas kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya yang menggunakan perbincangan sedemikian untuk menentukan bahawa harga yang ditawarkan adalah lebih murah

daripada harga yang pernah ditawarkan terdahulunya oleh pekedai dan mengambil tindakan undang-undang jika ada bukti-bukti yang cukup bahawa perbahasan yang digunakan itu palsu atau mengelirukan. Dari pemeriksaan-pemeriksaan yang telah dijalankan didapati ada penyelewengan yang telah dilakukan. Sehingga akhir tahun 1986, sebanyak 53 kes telah pun diambil tindakan. Pemeriksaan mengejut ini akan terus dijalankan dari masa ke semasa khususnya di musim-musim perayaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah mengetatkan lagi undang-undang yang ada satu undang-undang kecil sedang digubal khusus untuk mengawal selia aktiviti tawaran jualan murah. Namun demikian dalam usaha untuk membanteras aktiviti tawaran jualan murah palsu atau mengelirukan ini, keberkesannya besar bergantung kepada kerjasama pengguna-pengguna sendiri. Pengguna-pengguna hendaklah tidak mudah tertarik dengan tawaran-tawaran jualan murah yang dibuat oleh peniaga-peniaga, berhati-hati di dalam setiap pembelian dan hanya membeli barang-barang apabila barang-barang itu benar-benar perlu dan harganya berpatutan, dan melaporkan kepada pihak berkuasa setiap penyelewengan yang berlaku.

KOPERASI MENERIMA DEPOSIT—NAMA PEMINJAM

52. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak polis akan mengumumkan senarai dan nama peminjam-peminjam besar daripada 24 buah Koperasi Menerima Deposit (Deposit-taking Cooperatives DTCs); Pegawai Polis SAC S.S. Gill dalam pengumuman akhbar pada 1-1-1987 dilaporkan berkata senarai 300 orang peminjam besar akan dibuat dalam

tempoh masa seminggu dari tarikh itu, mengapa setakat ini pihak orang ramai telah terpedaya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Bukanlah tugas polis untuk menyiarkan nama-nama peminjam-peminjam besar daripada 24 buah Koperasi Menerima Deposit. Adalah tidak wajar jika nama-nama mereka disiarkan kerana penyiasatan sedang giat dijalankan dan sekiranya nama mereka disiarkan maka tindakan ini akan menimbulkan salah sangka dan adalah tidak adil kepada peminjam-peminjam yang tidak bersalah.

PESAKIT AIDS—SIASATAN

53. Dr Eng Seng Chai tinda Menteri Kesihatan menyatakan apakah hasil siasatan susutan yang dibuat apabila terdapat seorang ielaki China kewarganegaraan Amerika Syarikat dipastikan sebagai pengidap penyakit AIDS di Hospital Universiti, Petaling Jaya, pada 6-12-1986. Adakah bilangan orang yang mengidap penyakit AIDS meningkat di negara Malaysia sekarang.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian Kesihatan telah menjalankan siasatan susulan sebaik sahaja pesakit AIDS yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat dikesan. Hasil siasatan tersebut menunjukkan semasa beliau berada di Malaysia pesakit AIDS berkenaan hanya melawat ibunya yang uzur di Ipoh, Perak. Daripada makluman yang diberi oleh beliau kepada Pegawai Kesihatan yang menyiasat, beliau tidak mengadakan hubungan seks dengan sesiapa tidak menderma darah dan beliau bukan seorang penagih dadah. Ujian darah terhadap semua ahli keluarga dan mereka yang rapat dengannya telah pun dibuat dan didapati tidak ada mengandungi kuman AIDS. Pesakit ini telah pun kembali ke Amerika Syarikat.

Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga 10hb Mac 1987 hanya seorang pesakit AIDS sahaja yang telah dikesan di Malaysia. Lima orang pembawa kuman AIDS (atau carriers) telah juga dikesan.

ZON PERDAGANGAN/ PERINDUSTRIAN NEGERI- NEGERI

54. **Tuan Abdul Rahman Bakar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah dan rancangan Kementerian dalam usaha membangun zon-zon perdagangan dan perindustrian di Negeri-negeri yang mundur terutamanya Terengganu dan Kelantan; adakah Kerajaan akan mengkaji balik skim-skim Insentif/ taraf perintis yang diadakan sebelum ini bagi menarik lebih ramai pelabur pengusaha di kedua-dua negeri tersebut.

Dato' Kok Wee Kiat: Seseorang pelabur sebelum membuat keputusan mengenai penempatan projeknya, faktor-faktor seperti kemudahan infrastruktur yang tersedia di sesuatu kawasan seperti bekalan letrik, air, jalan raya, telekomunikasi, kemudahan mendapatkan tenaga pekerja dan bahan mentah akan diambilkira. Ini adalah kerana penempatan yang bersesuaian mempengaruhi kecekapan atau "cost effectiveness" sesuatu projek dan daya persaingan sesuatu industri.

Menyedari hakikat inilah, maka Kerajaan, berpandukan perakuan-perakuan di bawah Pelan Induk Perindustrian (PIP), akan menumpukan pembangunan perindustrian hanya di kawasan-kawasan perindustrian yang telah mempunyai kemudahan-kemudahan asas demi untuk meningkatkan kecekapan dan daya persaingan keluaran-keluaran kita di pasaran

antarabangsa. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh PIP untuk pembangunan perindustrian adalah tertumpu di kawasan-kawasan apa yang dinamakan "Western corridor" di sepanjang pantai barat dan "Mini corridor" di pantai timur Semenanjung serta kawasan-kawasan khas atau "enclaves" di Sabah dan Sarawak.

Dalam usaha Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur ke negara ini Kerajaan akan terus-menerus menjalankan kajian ke atas skim-skim insentif dan kemudahan-kemudahan yang ada untuk memastikan agar negara ini senantiasa berada dalam keadaan yang competitive, kalau tidak pun lebih menarik berbanding dengan negara-negara jiran kita di rantau ini.

PELANCONGAN DARI AMERIKA SYARIKAT

55. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapakah jumlah pelancong dari USA yang telah melakukan kunjungan ke Malaysia semenjak MAS mengadakan penerbangan ke Los Angeles. Setakat manakah sambutan yang telah diberikan terhadap kempen-kempen supaya pelawat-pelawat di negara berkenaan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Setakat ini bagaimanakah hasil pulangan yang telah dicapai oleh MAS dan TDC.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 45,701 pelancong dari Amerika Syarikat dianggar telah melawat Malaysia pada tahun 1986. Angka ini menunjukkan pertambahan sebanyak tujuh peratus (7%) berbanding dengan ketibaan pada

tahun 1985. Pelancong-pelanggan ini datang ke negara ini bukan sahaja menggunakan penerbangan MAS tetapi juga lain-lain syarikat penerbangan. Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia mengadakan beberapa program penggalakan setiap tahun di Amerika Syarikat. Tetapi dengan adanya penerbangan terus dengan MAS adalah menjadi lebih mudah bagi pelancong Amerika untuk melawat Malaysia.

Program-program penggalakan Perbadanan serta pelancaran perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia ke Los Angeles ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan. Sambutan tersebut dapat dilihat dari penambahan bilangan pertanyaan mengenai Mataysia daripada pengusaha-pengusaha pelancong dan pengguna-pengguna amnya melalui pejabat-pejabat luar negeri Perbadanan di San Francisco. Pada tahun 1986 sahaja sebanyak 9,636 pertanyaan telah diterima berbanding dengan 8,901 pertanyaan dalam tahun 1985, iaitu pertambahan sebanyak 1,555 atau 19.25 peratus. Di samping itu kesedaran rakyat Amerika Syarikat terhadap Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan telah meningkat dengan program-program dan penggalakan yang dijalankan oleh TDC dan MAS.

Walau bagaimanapun perlu dinyatakan bahawa hasil pulangan dari aktiviti-aktiviti penggalakan dan pengiklanan ini tidak dapat dilihat dengan serta merta. Ia mengambil masa sekurang-kurangnya setahun sebelum hasil pulangan dapat dinikmati. Namun begitu saya yakin bahawa di atas aktiviti-aktiviti dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh TDC dan MAS semakin banyak pelancong Amerika akan melawat negara ini.

KELAS TINGKATAN ENAM DI SABAH

56. **Tuan Bernard Giluk Dompok** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian boleh menimbangkan untuk memulakan kelas-kelas Tingkatan Enam di SMK Datuk Peter Mojuntin atau SMJK St. Michael, Penampang, Sabah memandangkan daerah tersebut kini mempunyai tiga buah sekolah menengah dan murid-murid yang telah tamat Tingkatan Lima serta lulus peperiksaan SPM terpaksa berpindah ke daerah-daerah lain untuk melanjutkan pelajaran.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Di Kota Kinabalu pada masa ini ada 4 buah pusat Tingkatan Enam termasuk sebuah di SMK Menggatal di mana terdapat kemudahan asrama. Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran berhubung dengan pembukaan pusat-pusat Tingkatan Enam memastikan bahawa pembukaan sebuah pusat yang baru tidak menjejaskan kelas-kelas Tingkatan Enam di pusat-pusat yang sedia ada. Daerah Penampang tidak jauh dari Kota Kinabalu, iaitu cuma kira-kira 8 km. Adalah dikhuatiri pembukaan pusat Tingkatan Enam di Penampang akan menjejaskan pusat-pusat di Kota Kinabalu.

HOSPITAL BARU SIBU

57. **Tuan Tiew Sung Seng** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pembinaan Projek Hospital Baru akan tetap dimulakan pada tahun 1988. Jika tidak, bilakah pembinaan itu akan tetap dimulakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Hasrat Kementerian Kesihatan adalah untuk mula membina Hospital Baru Sibu dalam tahun 1988. Walau bagaimanapun, selaras dengan urusan pemotongan peruntukan

pembangunan Rancangan Malaysia Kelima yang dijalankan baru-baru ini, peruntukan untuk membina projek ini dalam tahun 1988 tidak dapat disediakan buat masa sekarang. Peruntukan akan dipohon semula semasa penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelima kelak jika keadaan ekonomi negara mengizinkan.

PASPORT KEPADA RAKYAT FILIPINA DI SABAH

58. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar atau tidak bahawa adanya satu pasukan pegawai-pegawai Konsol dari Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur telah berada di Sabah pada bulan Februari ini dan mereka telah mengeluarkan pasporl kepada pendatang haram/pelarian Filipina di Sabah. Adakah perlakuan ini bersepadan dengan dasar-dasar Kerajaan dan sama dan mereka yang mendapat pasport melalui pegawai-pegawai Konsol Filipina ini boleh dipertimbangkan berada di Malaysia secara sah, jika tidak apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedar bahawa satu kumpulan Pegawai Konsol dari Kedutaan Filipina di Malaysia telah melawat Negeri Sabah mulai 4-2-1987 dan di dalam lawatan itu pasport-pasport Filipina telah dikeluarkan kepada sejumlah rakyat Filipina yang memasuki Negeri Sabah tanpa dokumen perjalanan yang sah. Kerajaan sedang mengkaji kesan-kesan pengeluaran pasport-pasport itu.

PULAU LABUAN— MEMAJUKAN

59. **Tuan Abdol Mulok Awang Damit** minta Menteri Wilayah Persekutuan tnyatakan apakah program-program

yang telah disusun dan akan diambil oleh Kerajaan untuk memajukan Pulau Labuan ini dan berapa banyakkah peruntukan yang telah disediakan dan yang akan diperuntukkan untuk rancangan ini.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Majlis Perbandaran Labuan buat masa ini telah mengadakan satu Pelan Induk Pembangunan Labuan dan cadangan untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan, yang merangkumi tiga (3) aspek seperti berikut:

- (i) pelancongan;
- (ii) peningkatan taraf kampung-kampung di Labuan; dan
- (iii) pembangunan perindustrian.

Dari segi pelancongan dan pembangunan perindustrian, Kerajaan akan memberi insentif-insentif dan kemudahan-kemudahan asas, tetapi ianya lebih banyak bergantung kepada penyertaan dari pihak swasta, terutama dari pengusaha-pengusaha tempatan yang perlu mengambil dayausaha dan peluang taraf Wilayah Persekutuan Labuan sebagai pelabuhan bebas.

Manakala program untuk menaikkan taraf kampung-kampung di Labuan ianya akan diusahakan dan dibiayai oleh Kerajaan. Kerajaan akan memajukan Labuan bukan sahaja dari segi infrastruktur, tetapi juga merangkumi aspek kerohanian melalui kemudahan-kemudahan asas yang disediakan seperti media massa, Radio Malaysia Labuan dan juga sekolah-sekolah agama yang didirikan semenjak Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1986 saja, sebanyak \$1.3 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung, dan juga projek-projek kecil yang terlibat. Di samping itu, Kerajaan juga

telah memberikan peruntukan berjumlah \$1.4 juta setiap tahun kepada Majlis Perbandaran Labuan untuk projek penyelenggaraan Bandar Labuan.

Pihak Kerajaan melalui Jabatan-jabatan Persekutuan yang ada di Labuan, juga merancang program bagi memajukan bidang pertanian, dan lain-lain program asas. Pada keseluruhannya program-program ini dijangka akan menelan kos perbelanjaan berjumlah \$376.5 juta.

Selain daripada itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak \$200 juta bagi melaksanakan rancangan pembekalan air dari Sabah ke Labuan dan juga pembekalan gas dari Labuan ke Sabah.

Di samping itu, projek kilat untuk menakung air di Sungai Benua dan Sungai Kina yang menelan kos sebanyak \$7 juta, sedang dilaksanakan bagi mengatasi kekurangan bekalan air di Labuan sekarang.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah besar wang bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang lain seperti jalan-jalan raya dan jambatan sebanyak \$44,470,020.00 juta, perparitan dan saluran najis sebanyak \$3 juta, dan rumah-rumah pekerja sebanyak \$2.4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, di antara lain-lain projek yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memajukan Labuan adalah seperti berikut:

<i>Projek</i>	<i>Kos</i>
(i) Projek Agama	\$8 juta
(ii) Pampasan Tanah ..	\$3 juta
(iii) Projek Pembinaan kompleks-komplek Kerajaan:	
(a) Pejabat dan Bengkel Jabatan Kerja Raya	\$6.5 juta

(b) Kompleks Kediaman Polis	\$6.6 juta
(c) Pembesaran Lapangan Terbang Labuan	\$29 juta
(d) Penubuhan Radio Malaysia Labuan (RML)	\$250,000.00

PENGAJARAN AGAMA ISLAM DI MASJID-MASJID

60. Tuan Muhammad Yusof bin Haji Abdul Latiff minta Perdana Menteri menyatakan adakah pelaksanaan pengajaran agama Islam di masjid-masjid oleh guru-guru agama Islam di bawah Jabatan Perdana Menteri dilaksanakan di semua negeri-negeri di dalam Malaysia; jika belum apakah sebab-sebabnya dan bilakah akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Jabatan Perdana Menteri tidak pernah melaksanakan pengajaran agama Islam di masjid-masjid oleh guru Jabatan ini, kerana bukan sahaja Jabatan ini tidak mempunyai guru-guru agama, bahkan adalah disebabkan urusan mengajar agama di masjid-masjid terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun sukalah dijelaskan bahawa Jabatan Perdana Menteri melalui Hal Ehwal Agama Islam, semenjak tahun 1985 ada menyediakan peruntukan bagi memberi bantuan kewangan kepada negeri-negeri untuk membayar saguhati kepada guru-guru sambilan yang dilantik mengajar dalam program kelas pengajian yang dirancangan untuk memakmurkan masjid-masjid di seluruh negeri. Program tersebut dinamakan Rancangan Takmir Masjid.

Program ini adalah dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri dan Jabatan Perdana Menteri menghantar seorang pegawai di tiap-tiap negeri yang telah melaksanakan program berkenaan untuk membantu melicinkan perlaksanaannya.

Setakat ini program tersebut telah dilaksanakan di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak, kecuali 2 buah negeri yang masih dalam proses perlaksanaannya yang akan dimulakan pada tahun ini juga.

UNIYERSITI TEMPATAN— KEMASUKAN PELAJAR

61. Tuan Maidon P. Pansai minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa salah satu daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada para pemohon biasiswa sama ada biasiswa Kerajaan Negeri atau biasiswa Yayasan Sabah ialah pemohon berkenaan haruslah mendapat tempat di Universiti Tempatan, malangnya bukanlah suatu perkara yang mudah untuk mendapatkan tempat di Universiti Tempatan. Apakah langkah positif Kerajaan demi untuk mengatasi masalah serupa ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemasukan pelajar-pelajar di Universiti Tempatan adalah berdasarkan merit pencapaian akademik dalam peperiksaan STPM. Walau bagaimanapun pertimbangan khas diberikan kepada pelajar-pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak.

PETRONAS MEMBANGUNKAN PERUSAHAAN PETROLEUM

62. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana PETRONAS telah

membawa faedah kepada negara dan setiap orang Malaysia sejak penubuhannya, pada hal ianya hanya menyelamatkan Bank Bumiputera Malaysia Bhd yang ditimpa oleh skandal BMF. Mengapakah ianya tidak tampil ke depan untuk menyelamatkan 24 buah Syarikat Koperasi. Berikan sebab-sebab mengapakah PETRONAS tidak diarahkan untuk berbuat demikian, memandangkan deposit depositor koperasi tersebut hampir semuanya terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Kasitah Gaddam: Sebagaimana termaklum PETRONAS telah ditubuhkan untuk membangunkan perusahaan petroleum di negara ini. Dengan berkembangnya industri petroleum ini, negara telah mendapat faedah melalui kemasukan tukaran wang luar dari eksport bahan tersebut pekerjaan kepada rakyat dan juga tertubuhnya industri sampingan yang berasaskan bahan-bahan petroleum. Bagi Kerajaan pula, cukai dan dividen yang dibayar oleh PETRONAS merupakan sumber yang penting untuk membiayai projek-projek dan program pembangunan.

Adalah tidak wajar bagi PETRONAS untuk terlibat dalam usaha menyelamatkan koperasi yang menghadapi masalah. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sendiri telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk membantu depositor-depositor koperasi yang terlibat. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia telah bersetuju untuk menyediakan pinjaman ringan (soft loans) kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang terlibat di dalam penyusunan semula koperasi berkenaan. Adalah dianggarkan bahawa sehingga \$400 juta mungkin diperlukan untuk memperkukuhkan kembali kedudukan koperasi-koperasi

ini. Langkah yang diambil dengan jelasnya menunjukkan bahawa Kerajaan sesungguhnya berusaha untuk membantu mereka yang terjejas akibat dari episod koperasi ini.

LAMAN PERTANIAN

63. Dato Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertanian menjelaskan secara lengkap tentang:

- (a) cadangan mengadakan laman Pertanian;
- (b) berapa negeri yang berminat setakat ini; dan
- (c) berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian tersebut untuk projek ini.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Secara amnya laman Pertanian ini merupakan satu taman tumbuh-tumbuhan atau aboretum yang mengandungi himpunan pelbagai jenis tumbuhan kayu-kayan, buah-buahan, tumbuhan perubatan (medical plants) dan sebagainya yang terdapat dari segenap pelusuk negara kita. Jenis-jenis tanaman/tumbuhan ini akan dikenalpasti dan dilabel dari segi nama saintifik dan nama amnya untuk pengetahuan dan pelajaran bagi orang awam, pelancong-pelancong, pelajar-pelajar dan ahli-ahli akademik dan pelawat ke taman ini. Selain dari tanaman/tumbuhan yang disebutkan juga diadakan tanaman bunga-bunga seperti orkid-orkid liar yang memerlukan keadaan atam naungan hutan. Kolam-kolam ikan, insectory taman burung-burung, kebun sayur-sayuran tertentu boleh juga diadakan. Pada asasnya segala "flora dan

fauna" negara dapat diadakan dalam taman ini.

Sebagai penarikan dan untuk keselesaan pengunjung-pengunjung maka taman ini perlu dirancang dengan teliti supaya terdapat infrastruktur-infrastruktur seperti jalan atau footpaths, tempat-tempat rehat atau berkelah, tempat jualan barang makanan, souvenir dan sebagainya.

Pada masa ini Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan persetujuan supaya kawasan simpanan di Bukit Cherakah seluas lebih-kurang 856 hektar (di utara Bandar Shah Alam) dijadikan sebagai laman Pertanian. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan agensi di bawahnya dengan kerjasama Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek-projek di taman ini dengan penyertaan bersama pihak swasta yang berminat.

- (b) Setakat ini terdapat dua buah negeri selain negeri Selangor yang berminat untuk mengadakan laman Pertanian iaitu negeri-negeri Kedah dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun setakat ini cadangan secara rasmi mengadakan laman Pertanian hanya dimajukan kepada Kerajaan Negeri Selangor sahaja yang telah pun mendapat persetujuan kerana memandangkan kawasan simpanan Bukit Cherakah berada di lokasi yang sesuai dan sangat berhampiran dengan Ibu Kota Kuala Lumpur.
- (c) Setakat ini Kementerian tidak memperuntukkan sebarang jumlah kewangan untuk projek

ini. Bagaimanapun buat permulaan, mana-mana infrastruktur asas yang boleh ditanggung oleh agensi-agensi berkaitan akan dilaksanakan sebagai satu program di bawah Jabatan/Agensi berkenaan. Sumber kewangan terbesar bagi melaksanakan projek ini akan didapatkan daripada para dermawan sama ada individu atau pihak swasta. Selain dari itu usaha-usaha juga akan dibuat untuk mendapatkan sedikit peruntukan di dalam peruntukan belanjawan yang akan datang daripada pihak Kerajaan.

KERTAS PEPERIKSAAN SPM 1986

64. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada laporan mengenai kesitapan dalam kertas peperiksaan SPM pada tahun 1986 benar. Jika benar, apakah Jangkah Kementerian untuk menentukan bahawa kesilapan itu tidak berlaku lagi.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Setakat yang diketahui tiada terdapat kesilapan dalam kertas peperiksaan SPM 1986. Sebarang "errata" telah pun dimaklumkan ke semua pusat peperiksaan yang berkenaan sebelum peperiksaan bagi matapelajaran berkenaan dijalankan.

JUALAN LANGSUNG

65. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan mengumumkan satu Garis Panduan (Code of Ethics) untuk Jualan Langsung (Direct Sales). Jika benar, menyatakan:

- (a) mengapa Garis Panduan itu mesti diadakan; dan

- (b) adakah ini akan bercanggah dengan kebebasan perusahaan (Spirit of Free Enterprises).

Dato Kok Wee Kiat: Aktiviti jualan langsung merupakan satu corak perniagaan di mana jurujual-jurujual menjual terus kepada pelanggan-pelanggan atau pembeli. Perniagaan cara ini kini telah menjadi amat terkenal di bandar-bandar dan di luar bandar. Oleh kerana perniagaan secara ini tidak dikawal secara khusus, beberapa masalah telah timbul seperti:

- (i) jurujual mengamalkan taktik-taktik penjualan yang tidak beretika;
- (ii) barangan yang dipesan tidak sampai;
- (iii) memberi barangan yang bukan dipesan; dan
- (iv) barangan yang dihantar tidak bermutu.

Memandangkan hal ini Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan mengujudkan satu undang-undang ataupun garis panduan untuk mengawal kegiatan jualan langsung ini. Undang-undang atau garis panduan ini tidak akan bercanggah dengan kebebasan perusahaan (spirit of free enterprise) kerana tujuannya ialah untuk mengawal tatacara kegiatan jualan langsung ini sahaja dan tidak untuk mencegah perniagaan yang sihat.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI—PRESIDEN SUHARTO

66. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri memberi satu laporan mengenai perbincangan beliau dengan Presiden Suharto dari Indonesia di Johor Bahru pada 5hb Februari 1987 dan sama ada perbincangan tersebut adalah bertumpu kepada masalah imigrasi dan keteguhan perpaduan ASEAN.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing pada 18hb Mac.

Lawatan singkat kerja Presiden Suharto ke Malaysia pada 5hb Februari dan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beliau dalam konteks perbincangan lanjutan yang sering diadakan bertujuan untuk bertukar pendapat dan tikiran mengenai berbagai masalah kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa. Berhubung dengan masalah dua hala, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertukar-tukar pendapat dengan Presiden Suharto mengenai perkembangan di kedua-dua negara, di samping usaha-usaha bersama untuk meningkatkan hubungan serta meluaskan kerjasama ekonomi. Dalam hal ini kedua-dua negara bersetuju untuk mencari jalan ke arah meningkatkan perdagangan dua hala serta kerjasama ekonomi yang lebih meluas.

Mengenai masalah pendatang haram persefahaman telah dicapai untuk mengatasi masalah ini melalui usaha-usaha mengukuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Indonesia memahami masalah yang kita hadapi dan bersedia bekerjasama mengatasinya. Indonesia juga bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Mengenai ASEAN, khususnya mengenai Persidangan Kemuncak Ketiga yang akan diadakan pada bulan Disember 1987, Malaysia dan Indonesia bersetuju akan perlunya pertubuhan ini meluaskan skop kerjasama ekonomi bagi menjamin kemakmuran negara masing-masing di

samping untuk mengukuhkan keutuhan rantau ini. ASEAN perlu menunjukkan sikap bersatu padu bagi membolehkan pertubuhan ini maju dan berjaya dalam kegiatan ekonomi.

Mengenai isu-isu di rantau ini, perbincangan tertumpu kepada perkembangan di Kampuchea dan Yietnam terutamanya pertukaran pucuk pimpinan Yietnam serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN dan lain-lain negara dalam mencari satu penyelesaian politik pada masalah Kampuchea.

Pada keseluruhannya perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto adalah begitu berkesan dalam konteks usaha memupuk persefahaman kedua-dua negara bagi meningkatkan perhubungan serta meluaskan kerjasama dua hala dan serantau.

PENAHANAN KENDERAAN OLEH POLIS

67. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapatnya banyak aduan-aduan bahawa motosikal-motosikal yang ditahan dan di bawah simpanan pihak polis, apabila dipulangkan kepada tuannya motosikal tersebut, didapati telah hilang bahagian-bahagian dari badan motosikal tersebut. Jika ia:

- (a) memberitahu Dewan yang mulia ini jika ada sebarang peraturan pentadbiran yang berkaitan dalam penahanan kenderaan-kenderaan berkenaan yang menyatakan keperluan tanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan kenderaan-kenderaan tersebut semasa dalam simpanan pihak polis; dan

(b) jika tiada terdapat sebarang peraturan demikian adakah Menteri berkenaan akan mengenakan peraturan-peraturan demikian bagi memastikan bahawa kenderaan-kenderaan bermotor yang ditahan dan di bawah simpanan pihak polis, apabila dipulangkan kelak kepada tuannya kenderaan tersebut tidak kehilangan bahagian-bahagian badan kenderaan tersebut dan dalam berkeadaan asal seperti semasa ianya ditahan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman Tetap Ketua Polis Negara telah memberi garis panduan mengenai prosidur penahanan dan penyimpanan barang-barang kes termasuklah barang-barang kes kecurian kereta motor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebaik sahaja pihak polis menahan atau merampas sesuatu kenderaan, satu laporan akan disediakan yang antara lainnya mengandungi butir-butir kenderaan tersebut. Kenderaan itu adalah menjadi tanggungjawab polis sehinggalah diserahkan kepada tuan empunya setelah mendapat perintah mahkamah. Sekiranya tuan empunya tidak berpuashati dengan keadaan kenderaan yang diperolehi itu maka beliau seharusnya membuat laporan polis sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kes kejadian kecurian kereta motor, hampir kesemua kereta-kereta motor yang diperolehi semula oleh polis itu kebanyakannya telah tidak sempurna lagi. Banyak bahagian-bahagian daripada kenderaan itu telah pun hilang. Mungkin oleh kerana inilah timbul dakwaan-dakwaan bahawa pihak polis yang bertanggungjawab di

atas kehilangan bahagian-bahagian berkenaan.

**BANK BUMIPUTRA/BMF—
TINDAKAN SIVIL**

68. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kes-kes saman sivil yang dimulakan setakat ini oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd (BBMB) atau BMF berhubung dengan skandal \$2.5 billion MBF dengan memberi butir-butir lanjut mengenai setiap kes tersebut, tarikh kes tersebut difailkan dan kedudukannya kini.

104. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Bank Bumiputra tidak mengambil apa-apa tindakan berasaskan penemuan dan perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat BMF yang diketuai oleh Ahmad Noordin ke dalam skandal pinjaman MBF. Jawatankuasa tersebut telah mengemukakan laporannya kepada Bank Bumiputra dalam bulan Disember, 1985 dan sehingga hari ini tiada tindakan diambil terhadap sesiapa. Apalah ini bermakna bahawa Bank Bumiputra telah membelanja \$1.2 juta ke atas jawatankuasa untuk mengeluarkan laporan 13 jilid itu semata-mata untuk disimpan dalam kabinet fail.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan 2 soalan lagi yang dijadualkan dijawab pada hari ini yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Rasah memandangkan perkara-perkara yang dibangkitkan adalah hampir-hampir sama.

Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) telah mengambil tindakan-tindakan susulan baik di Malaysia mahupun di Hong Kong sebagaimana yang telah disyorkan oleh

Jawatankuasa Penyiasat BMFL. Tindakan-tindakan yang dijalankan di Malaysia ialah mengambil tindakan sivil ke atas Lorrian Osman, Dato' Hashim Shamsuddin, Dr Rais Saniman dan Ibrahim Jaafar bagi mendapatkan kembali wang yang dikatakan telah diterima oleh mereka sebagaimana tercatat di dalam Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMF tersebut. Walau bagaimanapun, saya tidak dapat memberi maklumat-maklumat yang lebih lanjut mengenai perkara ini memandangkan ianya masih di peringkat perbincangan dan sedang dikaji dengan lebih mendalam lagi oleh BBMB.

Mengenai butir-butir lanjut ke atas peminjam-peminjam yang memperoleh pinjaman dan jualannya, saya tidak dapat memberikan maklumat tersebut kerana ia melibatkan rahsia bank.

INDUSTRI PELANCONGAN

69. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan apakah bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Pulau Pinang bagi membantu negeri ini mempertingkatkan industri pelancongan memandangkan pentingnya industri pelancongan ini kepada negara seluruhnya dan terutama sekali kepada negeri Pulau Pinang.

Dato Kok Wee Kiat: Pulau Pinang merupakan sebuah destinasi pelancongan yang termuka di rantau ini. Dalam mempertingkatkan industri pelancongan di Pulau tersebut Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pembangunan infrastruktur tertentu seperti Lapangan Terbang Bayan Lepas, Jambatan Pulau Pinang dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan telah pun meluluskan peruntukan memperbaiki sistem pembentungan di kawasan Pantai Utara di Pulau Pinang untuk menentukan pantai-pantai di kawasan utara sentiasa bersih bagi kegunaan pelancong.

Dari segi promosi Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah memberi perhatian yang utama kepada Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan dan Pulau tersebut telah diberi perhatian khusus dalam program-program pemasaran pelancongan. Pulau Pinang sentiasa diliputi di dalam iklan-iklan TDC di dalam dan di luar negeri.

DASAR KERAJAAN/ MEMBOCORKAN RAHSIA

70. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindak-tindakan Kerajaan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan pada hari ini yang banyak di kalangan mereka itu menentang Dasar Kerajaan dan di samping itu membocorkan rahsia-rahsia Kerajaan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Kasitah Gaddam: Jika sekiranya ada pegawai dan kakitangan Kerajaan menentang Dasar Kerajaan ia akan diambil tindakan tatatertib di bawah perintah Am Bab D. Bagi mereka yang membocorkan rahsia Kerajaan maka ianya akan dikenakan tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi Kerajaan.

ANAK MENTERI/TIMBALAN/ SETIAUSAHA PARLIMEN BELAJAR DI SEBERANG LAUT

71. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah bilangan Menteri, Timbalan Menteri

dan Setiausaha Parlimen yang mempunyai anak-anak yang belajar di seberang laut dan jumlah daripada mereka yang menerima biasiswa Kerajaan atau biasiswa-biasiswa yang ditaja oleh Kerajaan dan mengapakah mereka perlu belajar di seberang laut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran tiada menyimpan rekod anak-anak Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang belajar di seberang laut sama ada mereka menerima biasiswa Kerajaan atau tidak. Sebagai makluman, ibu bapa berhak menghantar anak-anak mereka belajar ke mana-mana institusi termasuk di seberang laut, jika mereka mampu membiayai kos pelajaran yang terlibat.

SAIZ PERKHIDMATAN/ SISTEM PENSWASTAAN

72. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan awam sehingga masa kini setelah Kerajaan memperkenalkan sistem penswastaaan dan Pembekuan serta pemansuhan beberapa jawatan dan adakah saiz perkhidmatan yang ada ini boleh menjamin kecekapan jentera pentadbiran kerajaan seperti yang dikehendaki.

Tuan Kasitah Gaddam: Jumlah kakitangan awam sehingga 30 September 1986 ialah 715,835 orang, yang terdiri daripada: 55,126 (Kakitangan Kumpulan A), 41,865 (Kumpulan B), 249,965 (Kumpulan C), dan 368,897 (Kumpulan D). Pada 1hb Januari tahun ini (1987) jumlah ini berkurangan sebanyak 23,003 orang dengan sebab penswastaaan Jabatan Telekom.

Saiz perkhidmatan awam seperti yang ada ini boleh menjamin kecekapan pentadbiran Kerajaan.

KESELAMATAN DI LOKAP BALAI-BALAI POLIS

73. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk mengkaji semula sistem keselamatan di Lokap Balai-balai di negeri ini bagi mengelakkan berulangnya kejadian melarikan diri dari lokap balai polis seperti yang berlaku di Melaka Tengah baru-baru ini.

Dato Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sememangnya memandang berat terhadap sistem keselamatan di lokap balai-balai polis dan kajian dibuat dari semasa ke semasa bergantung kepada keperluan dan keadaan. Jabatan Polis juga sentiasa mengawasi keadaan ini dan tindakan telah diambil bagi memperbaiki lokap-lokap polis dan juga mengarahkan anggota-anggotanya supaya menjalankan tugas dengan penuh disiplin dan bertanggungjawab.

GERAKAN KOPERASI

74. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa apakah rancangan-rancangan yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk memulihkan semula keyakinan rakyat jelata dalam pergerakan koperasi.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Daripada jumlah hampir 2,000 buah koperasi yang berdaftar di Semenanjung Malaysia hanya 24 buah koperasi yang menghadapi masalah yang berpunca daripada amalan menerima deposit secara berleluasa. Sungguhpun para pendeposit telah hilang kepercayaan kepada gerakan koperasi tetapi bagi ahli-ahli koperasi yang lain, kepercayaan mereka masih tidak terjejas.

Semenjak tindakan pembekuan ke atas 24 buah koperasi oleh Bank Negara dalam bulan Julai, 1986, sebanyak 182 koperasi lagi telah didaftarkan dengan beberapa buah lagi dalam proses penubuhan. Oleh yang demikian Kerajaan tidak merasakan perlu untuk menjalankan sesuatu rancangan bagi memulihkan semula keyakinan rakyat jelata terhadap gerakan koperasi kerana keyakinan ini tidak pernah terjejas. Kerajaan tidak menggalakkan orang ramai membuat deposit tetap dalam koperasi kerana Akta Koperasi tidak ada menyediakan peraturan-peraturan bagi mengawal kegiatan perniagaan kewangan seperti yang dilakukan oleh Bank Rakyat. Gerakan Koperasi memerlukan ahli-ahli yang sanggup dan mahu bekerja bersama-sama untuk mengatasi masalah akaun mereka secara bekerjasama dan bukan orang-orang yang melabur dalam koperasi dan mengharapkan keuntungan.

HUTANG PINJAMAN AJENSI-AJENSI KERAJAAN

75. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) wang pinjaman yang dihutang setakat 31-12-86 dan sama ada dikemaskinikan oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan yang berikut:
- (i) Heavy Industries Corporation of Malaysia,
 - (ii) Kedah Cement Sdn Bhd.,
 - (iii) Petronas Carigali Sdn Bhd.,
 - (iv) Perak Hanjoong (Cement) Sdn Bhd.,
 - (v) Proton Sdn Bhd.,
 - (vi) Perwaja Terengganu Sdn Bhd.

- (b) hasil penyiasatan berikutan pertanyaan yang dibangkitkan pada 25-11-86 semasa perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perusahaan Awam iaitu mengenai Perak Hanjoong (Cement) Sdn Bhd.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Pertanyaan ini akan saya berikan jawapan secara bertulis.

INNOVASI TEKNOLOGI

76. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil dan kesannya hingga kini untuk membangunkan kapasiti negara menerap, mengubahsuai dan usaha inovasi teknologi di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tindakan-tindakan yang telah diambil adalah berdasarkan kepada 2 strategi seperti berikut:

- (a) Strategi jangkamasa pendek untuk meningkatkan keupayaan sektor perindustrian seumpamanya dengan mengadakan pusat-pusat teknologi industri seperti Pusat Teknologi Plastik, Pusat Kemajuan Industri Logam, Pusat Seramik, Pusat Metrologi dan Institut Sistem Mikro-Elektronik (atau MIMOS) supaya dapat menyerap dan menyesuaikan teknologi yang diimport; dan
- (b) Strategi jangkamasa panjang di mana matlamat Kerajaan ialah untuk memberi perhatian yang lebih kepada usaha meningkatkan lagi aktiviti penyelidikan perindustrian supaya sektor perindustrian berupaya memajukan

teknologi-teknologi yang sesuai dan yang dicipta di dalam negeri.

Mengenai kesan ke atas usaha inovasi teknologi hingga kini, tidak ada kajian yang dibuat bagi memastikan kesan terhadap tindakan yang telah dijalankan. Bagaimanapun jika diperhatikan kepada Keluaran Negara Kasar (atau GNP) pada tahun 1985 dibandingkan dengan KNK pada tahun 1975, sektor pembuatan (atau perkilangan) menyumbangkan sebanyak 19.1% daripada KNK pada tahun 1985 berbanding dengan 14.4% pada tahun 1975. Dalam tempoh tersebut juga, didapati ada peningkatan dari segi kuantiti keluaran barangan sektor perkilangan dan juga dari segi mutu keluarannya. Dalam tempoh itu juga, lebih ramai orang telah dilatih dalam bidang-bidang kemahiran tertentu dalam sektor perindustrian.

BUMIPUTERA DALAM KEJURUTERAAN/PER- INDUSTRIAN/SAINS— PENCAPAIAN

77. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan pencapaian oleh kaum Bumiputera begitu rendah dalam sektor kejuruteraan, perindustrian dan sains, apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementeriannya dari awal-awalnya dalam sistem persekolahan dan institut-institut sederhana dan tertinggi untuk menaik taraf pencapaian oleh kaum Bumiputera dalam sektor-sektor tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Keraenterian Pelajaran sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki penyertaan oleh semua kaum, termasuk kaum Bumiputera, dalam sektor kejuruteraan,

perindustrian dan sains. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

1. Memperkenalkan pelajaran kejuruteraan dan Perindustrian dari peringkat awalan melalui mata pelajaran Kemahiran Manipulatif di sekolah rendah.
2. Mengadakan mata pelajaran pilihan seperti Seni Perusahaan di peringkat Menengah Rendah dan mata pelajaran-mata pelajaran Vokasional dan Teknikal di peringkat persekolahan Menengah Atas.

BAHASA MALAYSIA— KELULUSAN DALAM PEPERIKSAAN

78. **Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada beberapa murid-murid bukan Bumiputera yang telah berjaya mendapat Grade "A" dalam peperiksaan SRP, SPM dan STPM tetapi gagal mendapat kelulusan dalam Peperiksaan tersebut oleh kerana tidak berjaya dalam Bahasa Malaysia apakah sebab-sebabnya murid-murid yang begitu cerdik gagal dalam Bahasa Malaysia dan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawasi maka tidak ada apa-apa penyelewengan dalam perkara tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran memang sedar bahawa terdapat murid-murid yang gagal mendapat kelulusan dalam peperiksaan-peperiksaan disebabkan mereka gagal dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Keadaan ini bukan sahaja berlaku terhadap murid-murid bukan bumiputera tetapi juga kepada murid-murid Bumiputera sendiri. Kebolehan mereka dalam mata pelajaran lain tidak boleh disamakan dengan kemahiran mereka dalam

Bahasa Malaysia. Kurangnya tumpuan yang mereka berikan terhadap Bahasa Malaysia adalah faktor utama yang menyebabkan mereka gagal dalam mata pelajaran tersebut. Selain daripada itu ialah kelalaian atau kelemahan mereka dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan.

Setiap peperiksaan, pemarkahan dan pemeriksaan kertas-kertas jawapan adalah diawasi dengan rapi. Oleh itu soal penyelewengan dalam perkara ini adalah tidak timbul.

**PENCARUMAN KWSP—
PEMBIAYAAN PELAJARAN
ANAK-ANAK**

79. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk meminda Akta KWSP bagi membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan sebahagian simpanan mereka bagi maksud pembiayaan pelajaran anak-anak mereka dan membolehkan mereka memulakan perniagaan kecil memandangkan ramai orang menjadi penganggur atau diberhentikan kerja yang ingin menjalankan perniagaan sendiri bagi mencari penghidupan. Jika tidak, mengapa.

Dato Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman - Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji faedah-faedah baru yang boleh dilaksanakan untuk kebaikan ahli-ahli KWSP. Cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan skim pengeluaran untuk pembiayaan pelajaran anak-anak dan perniagaan kecil telah pun dikenalpasti. Kementerian Kewangan bersama-sama dengan KWSP sedang membuat kajian yang mendalam terhadap skim-skim tersebut untuk pertimbangan selanjutnya.

**PROTON SAGA—JUMLAH
JUALAN**

80. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Proton Saga yang telah dijual sehingga Januari 1987;
- (b) jumlah kerugian sehingga Januari 1987; dan
- (c) sama ada Kerajaan mampu menahan kerugian yang tersebut dalam masa Mataysia sedang mengalami "kemosotot". Kalau jawapannya ialah "tidak", apa langkah-langkah yang sedang diambil untuk mencegah kerugian yang akan datang.

Tuan Kasitah Gaddam: Jumlah Proton Saga yang telah dijual sehingga 31 Januari 1987 adalah sebanyak 32,385 unit. Ini termasuk 283 unit yang dijual ke luar negeri.

Berhubung dengan persoalan untung rugi Proton Saga, saya ingin menjelaskan bahawa atas sebab-sebab strategi perniagaan maka tidaklah wajar bagi saya mengumumkannya kerana soal tersebut, terutama sekali kedudukan kewangan tiap-tiap bulan adalah menjadi satu rahsia syarikat dalam memastikan Syarikat PROTON dapat mengatur langkah-langkah yang strategi dan mampu bersam dengan syarikat-syarikat kereta yang lain di pasaran.

Kerajaan sememangnya berusaha untuk mengelakkan sebarang kerugian dalam projek-projek yang diceburi. Walau bagaimanapun kerugian yang diamali dalam tahun-tahun permulaan operasi Proton Saga ini memang telah dijangkakan kerana projek industri ini melibatkan pelaburan yang besar dan pulangan yang lambat (long gestation period). Keuntungan operasi dijangka akan mengambil masa yang tebih lama daripada yang dijangkakan

disebabkan faktor seperti kelembapan ekonomi yang menjejaskan pasaran kereta dan dengan itu jadual pengeluaran kereta Proton Saga perlu dipinda semula serta kenaikan nilai Yen yang telah meningkatkan kos pengeluarannya. Untuk mengatasi masalah yang dihadapi, pihak PROTON telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) Mempergiatkan langkah mengeksport kereta ke luar negeri berikutan dengan merosotnya pasaran kereta penumpang di pasaran tempatan.
- (b) Mengurangkan import komponen CKD dari Jepun dan berusaha untuk membeli komponen-komponen kereta daripada negara tain seperti Taiwan, Korea dan Thailand.
- (c) Berusaha mengeluarkan komponen-komponen kereta untuk kegunaan sendiri dan syarikat-syarikat pemasangan kereta yang lain.

KLINIK PERGIGIAN DI IAJAR BANDAR

81. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan Klinik pergigian yang berada di luar bandar dan berapakah jumlahnya doktor pergigian yang sedang berkhidmat di luar bandar.

Cik Teng Gaik Kwan: Jumlah bilangan klinik-klinik Pergigian Kerajaan yang berada di luar bandar di seluruh Malaysia ialah 362.

Jumlah doktor-doktor Pergigian dalam perkhidmatan Kementerian Kesihatan adalah 459 orang. Lebih dari setengah mereka, iaitu hampir 250 daripada mereka sedang berkhidmat di Klinik-klinik di luar bandar.

RUMAH PANGSA UDA DI TANJONG TOKONG

82. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan kenapa rumah pangsa yang dibina oleh UDA di Tanjong Tokong, Pulau Pinang masih tidak didiami penduduk.

Datin Paduka Raddah Aziz: Projek Pembangunan Tanjong Tokong telah dirancang untuk dilaksanakan dalam empat fasa. Setakat ini Fasa-fasa I, II dan III telah disiapkan di mana Fasa I sahaja yang telah diduduki. Fasa II telah pun diberikan Sijil Kelayakan Menduduki (C.F.) pada 8 September 1986 manakala Fasa III masih lagi menunggu C.F.

Fasa II dan Fasa III ini telah dirancang untuk menempatkan penduduk-penduduk yang buat masa ini mendiami kawasan Fasa IV. Unit-unit di Fasa-fasa tersebut masih lagi belum diduduki kerana UDA telah merancang satu program perpindahan di mana seluruh penduduk di kawasan Fasa IV itu akan dipindahkan serentak sebaik sahaja C.F. bagi Fasa III diperolehi. Ini bertujuan memudahkan kerja-kerja pentadbiran perpindahan dan pelaksanaan kerja-kerja di kawasan yang telah dikosongkan. Di samping itu, perpindahan sebahagian sahaja daripada penduduk-penduduk ke Fasa II dikhuatiri mengakibatkan masalah di mana penduduk-penduduk dari kawasan lain masuk mendiami ruang-ruang yang telah dikosongkan oleh sebahagian daripada penduduk yang dipindahkan itu. Ini, jika berlaku, akan merumitkan lagi keadaan.

KESUSAHAN RAKYAT

83. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan apa tangkah yang sedang diambil untuk meringankan kesusahan yang dihadapi oleh rakyat disebabkan oleh keadaan

ekonomi yang merosot pada masa sekarang.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman:
Untuk makluman Yang Berhormat, dalam keadaan yang merunding ini, rakyat mestilah berganding bahu dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk meringankan kesusahan yang dihadapi olehnya. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (1) Meningkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi mengatasi pengangguran melalui:
 - (a) Pelaksanaan program-program tertentu seperti pembinaan rumah kos rendah, memberi peluang/insentif kepada syarikat swasta dan individu untuk melibat diri dalam pertanian, menggalakkan rakyat untuk mendirikan perniagaan sendiri melalui kelonggaran syarat-syarat pemberian lesen penjaja kecil, tapak dan penyediaan skim pinjaman khas.
 - (b) Pengurangan pembuangan pekerja menerusi perbincangan dengan majikan-majikan supaya memberhentikan pekerja hanya sebagai cara terakhir untuk mengatasi masalah kewangan mereka.
 - (c) Mewujudkan kumpulan pekerja yang terlatih, produktif dan mempunyai motivasi yang tinggi dengan tujuan meningkatkan permintaan, penawaran dan kemahiran tenaga pekerja di sektor perusahaan terpenting di mana masakini

menghadapi banyak kekurangan.

- (d) Latihan semula bagi mereka-mereka yang telah diberhentikan kerja.
 - (e) Mengurangkan persaingan dalam pasaran buruh melalui serbuan-serbuan pekerja-pekerja pendatang haram dan penguatkuasaan undang-undang buruh yang lebih ketat.
 - (f) Mengadakan beberapa program bagi siswazah yang menganggur.
- (2) Meningkatkan peluang-peluang perniagaan bagi sektor swasta melalui:
 - (a) Kelonggaran syarat/insentif pelaburan.
 - (b) Penyediaan sumber pembiayaan rancangan/projek yang dikenalpasti menerusi bank-bank tempatan dengan kadar faedah yang lebih rendah.
 - (c) Pemberian kontrak kerja, perkhidmatan dan bekalan kepada sektor swasta oleh sektor awam.
 - (d) Pengswastaan agensi/syarikat Kerajaan.
 - (e) Memberi perlindungan tarif kepada pengusaha-pengusaha tempatan dan membantu mereka mendapat pasaran antarabangsa.
 - (3) Meneruskan penyediaan kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, infrastruktur, perumahan dan lain-lain.

PINJAMAN UNTUK MEMBAYAR GAJI

84. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah jumlah wang yang terpaksa dipinjam untuk membayar gaji serta perbelanjaan mengurus setakat ini.

Dalo' Haji Sabbaruddin Chik: Kerajaan tidak pernah memperoleh pinjaman untuk membiayai gaji serta lain-lain perbelanjaan mengurus. Kerajaan hanya meminjam untuk membiayai projek-projek pembangunan.

Di samping itu pada tahun-tahun sebelum tahun 1986, kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan lebih dalam akaun semasa. Ini bermakna hasil Kerajaan Persekutuan adalah lebih daripada mencukupi bagi menampung perbelanjaan mengurus. Dengan ini, aset Kerajaan telah dapat dikumpulkan dan digunakan dari masa ke semasa untuk pembiayaan perbelanjaan pembangunan. Pada tahun 1986 Kerajaan telah mengalami defisit dalam akaun semasa dan defisit ini telah dibiayai dengan penggunaan aset tersebut.

PASPORT KEPADA WARGANEGARA FILIPINA DI SABAH

85. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil siasatan yang dijalankan ke dalam tuduhan bahawa pegawai-pegawai Kedutaan Filipina mengeluarkan pasport kepada pendatang-pendatang haram Filipina dan apakah tindakan yang akan diambil ke atas mereka yang terlibat dalam kegiatan ini.

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai Kedutaan Pilipina di Kuala Lumpur

telah ke Sabah atas urusan Konsular, yang mana merupakan salah satu tugas Kedutaan tersebut, memandangkan bahawa Filipina tidak mempunyai wakil Konsulate di Sabah.

Pengeluaran pasport oleh pegawai-pegawai dari Kedutaan Pilipina adalah dibuat kepada warganegara Pilipina yang berada di Sabah selaras dengan tugas Konsular, Kedutaan Filipina.

KAMPUNG BARU— MEMILIKI TANAH

86. **Dr Lim Ann Koon** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan kenyataan beliau di suratkhbar bahawa sekiranya penduduk kampung baru ingin memiliki tanah untuk memperluaskan kampung mereka, mereka perlu memenuhi 2 syarat:

- (i) tanah yang dikehendaki itu mesti dibeli dari ladang yang besar; dan
- (ii) kes pembukaan tanah tersebut perlu dibiayai oleh penduduk kampung baru tersebut.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Kekurangan tanah, baik untuk kediaman mahupun untuk tujuan pertanian atau perusahaan kecil merupakan satu masalah pokok yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kampung Baru. Bagi kampung-kampung baru yang terletak berdekatan dengan ladang-ladang yang besar, penduduk-penduduknya boleh secara berkelompok, memohon untuk membditanah daripada ladang-ladang besar tersebut dan kos pembelian tanah dibiayai oleh penduduk-penduduk sendiri.

Kedua-dua perkara yang disebutkan di atas bukan merupakan syarat tetapi garis panduan dan cadangan mengenai cara-cara untuk mengatasi masalah kekurangan tanah di Kampung-kampung Baru.

HUTANG LAPUK/HUTANG RAGU—PINJAMAN

87. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada pihak Bank Negara telah menyempurnakan proses meluluskan akaun-akaun institusi kewangan dalam negara bagi tahun 1985 atau tidak. Jika sudah, apakah jumlah pinjaman lapuk yang dihutangkan oleh:

- (i) individu;
- (ii) syarikat swasta; dan
- (iii) perbadanan atau syarikat Kerajaan.

kepada bank-bank perdagangan dalam negara. Jika proses meluluskan akaun-akaun masih belum seiesai, sila berikan maklumat setakat mana akaun-akaun sempat diteliti dan diluluskan serta bulan akaun-akaun tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Maklumat terperinci mengenai jumlah hutang lapuk sebagaimana yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat, belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu yang dihadapi oleh sistem bank pada akhir tahun kewangan 1985 ialah \$2,400 juta atau 3.3% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan.

IKLIM EKONOMI MENGALAKKAN PERTUMBUHAN PERUSAHAAN

88. **Dr V. David** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau bercadang mewujudkan iklim ekonomi yang akan menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan melaburkan modat mereka di

Malaysia, dan adakah beliau akan melonggarkan syarat-syarat bagi pelaburan mereka berdasarkan peruntukan mengikut kaum.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mewujudkan iklim ekonomi yang baik bagi menggalakkan pertumbuhan perusahaan-perusahaan di negara ini. Kerajaan baru-baru ini telah pun melonggarkan syarat-syarat berkaitan dengan hakmilik dan petesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Di samping itu Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk sokongan kewangan bagi membantu pelabur-pelabur tempatan membuat pelaburan.

Kerajaan juga telah mengadakan satu Jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk meneliti iklim ekonomi dan galakan-galakan pelaburan di negara ini dengan tujuan untuk memperbaiki iklim pelaburan supaya pelaburan swasta dapat dipertingkatkan lagi.

Sayugia dimaklumkan bahawa undang-undang yang berkaitan dengan pelaburan di Malaysia adalah untuk semua dan tidak berasas kepada keperluan sesuatu kaum. Undang-undang seperti Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perindustrian secara teratur untuk kepentingan jangka panjang negara dan mencapai matlamat penyusunan semula hakmilik serta corak pekerja-pekerja mengikut kautn bagi mencapai perpaduan negara keseluruhannya.

PELABUR LUAR NEGERI/ GALAKAN PELABURAN

89. **Dr V David** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai bilangan individu-individu dan

syarikat-syarikat luar negeri yang telah melabur di Malaysia bagi tempoh 1hb Januari, 1986 hingga 31hb Disember 1986:

- (a) jumlah modal yang telah dilaburkan di Malaysia bagi tempoh 1hb Januari, 1986 hingga 31hb Disember, 1986;
- (b) jumlah modal yang telah keluar dari Malaysia bagi tempoh 1hb Januari, 1986 hingga 31hb Disember, 1986; dan
- (c) adakah Menteri Kewangan mengharapkan kemasukan modal asing baharu bagi tahun 1987.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut butir-butir yang diperolehi, sebanyak 270 permohonan bagi projek-projek perkilangan yang disertai oleh rakyat dan syarikat-syarikat luar negeri telah diluluskan bagi tempoh 1hb Januari, 1986 hingga 31hb Disember, 1986.

Jumlah modal pelaburan langsung (direct investment) yang telah dibuat oleh pelabur-pelabur luar negeri di Malaysia dalam tahun 1986 pula ialah sebanyak \$258 juta. Sebaliknya, jumlah modal pelaburan langsung yang telah keluar dari Malaysia dalam tahun tersebut ialah sebanyak \$274 juta.

Kerajaan yakin dengan galakan-galakan pelaburan yang telah diberikan serta perubahan-perubahan terhadap dasar perindustrian, khususnya terhadap syarat penyertaan ekuiti pelabur-pelabur asing, yang telah dibuat, modal asing dijangka akan terus mengalir ke dalam negara kita pada tahun ini. Di samping itu, tanda-tanda pemulihan di dalam ekonomi negara kita dan juga ekonomi antarabangsa di jangka akan juga menguatkan lagi keyakinan pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Dalam bulan Januari 1987

sebanyak \$91 juta modal cadangan telah dipohon oleh pelabur-pelabur asing dalam sektor perkilangan. Ini adalah melebihi jumlah bagi tempoh yang sama pada tahun 1985 dan 1986 yang masing-masing bernilai sebanyak \$30 juta dan \$8 juta.

**PESAKIT DI HOSPITAL
PENGECUALIAN BAYARAN**

90. **Tuan Michael Asang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar betapa banyaknya laporan daripada penduduk-penduduk kampung yang tidak ada berkemampuan melaporkan bahawa Pegawai-pegawai Perubatan khususnya di rumah sakit besar di Sandakan dan Beluran tidak lagi melayan surat akuan daripada Ketua Kampung, Wakil Ketua Anak Negeri, Ketua Anak Negeri mahupun Badan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang menyatakan pesakit tersebut adalah petani atau nelayan biasa dan tidak mampu untuk membayar sebarang kos perubatan yang dikenakan oleh pihak Hospital; apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' K. Pathmanaban: Pihak Kementerian Kesihatan telah memberi kuasa kepada Penguasa Perubatan dan Pegawai Penjaga Perubatan Kanan di semua hospital di Negeri Sabah untuk mengecualikan pesakit-pesakit yang tidak mampu membayar yuran pesakit mengikut Perintah Fee (Perubatan) 1982. Pesakit-pesakit berkenaan adalah dinasihatkan membawa surat daripada Ketua Kampung, Pemimpin Masyarakat dan sebagainya yang menyatakan bahawa mereka tidak mampu, Apabila surat ini dikemukakan kepada pihak hospital, pesakit-pesakit tersebut diminta untuk mengisi dan menandatangani borang "Surat Pengakuan". Setiap "Surat Pengakuan" akan diteliti oleh pihak

hospital untuk menentukan yang hanya mereka yang benar-benar tidak berkemampuan dikecualikan dari pembayaran. Prosedur ini adalah diamalkan di semua hospital di Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kes di mana Ketua-ketua Kampung telah diberikan surat yang menyatakan pesakit-pesakit berkenaan adalah tidak mampu. Namun demikian, setelah pihak hospital menyemak dan meneliti "Surat-surat Pengakuan" tersebut, didapati pesakit-pesakit berkenaan adalah dari golongan orang yang berkemampuan.

Saya sedar, kes-kes seperti ini telah tidak diberi pertimbangan oleh pihak hospital.

BUNGA RAFFLESIA— PERLINDUNGAN

91. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa bunga yang terbesar di dunia "Rafflesia" yang mana susah didapati dan hanya terdapat di South East Asia (khususnya di kawasan Kinabalu National Park, Sabah) dikatakan akan lenyap disebabkan manusia tidak memperdulikannya. Sama ada Kementeriannya ada mengambil langkah-langkah untuk melindungi dan memelihara bunga ini yang mana ianya boleh menarik perhatian pelancong daripada seluruh dunia. Kalau tidak, mengapa.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Jenis bunga yang terbesar di dunia yang dikenali sebagai "Rafflesia" adalah satu spesies bunga yang jarang didapati dan akan pupus jika tidak diberi perlindungan. Adalah benar bahawa spesies bunga ini hanya terdapat di Negeri Sabah dan segala langkah untuk

melindungi spesies bunga ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerajaan Negeri yang berkenaan memandangkan Akta Taman-taman Negara 1980 tidak dipakai untuk Negeri Sabah. Walaupun demikian, Jabatan Perhilitan akan membawa hal ini untuk perhatian pihak-pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah.

PELANCONG NEW ZEALAND— KENYATAAN TDC

92. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan yang akan diambil ke atas Pegawai Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) di Singapura yang enggan memberi kerjasama kepada Puan Marianne Watkins lebih kurang dalam bulan November, 1986 semasa pelancong itu ingin mendapat maklumat pelancongan bagi kawasan Pantai Timur. Kenapa pula Encik Kamaruddin Ahmad (pada masa itu Timbalan Ketua Pengarah TDC) menyatakan pihak TDC tidak bertanggungjawab mengenai tempat-tempat pelancongan persendirian. Adakah sikap ini bercanggah dengan dasar Persyarikatan Malaysia. Sanggupkah TDC bertanggungjawab di atas kenyataan Timbalan Ketua Pengarah itu. Kalau tidak apakah tindakan yang telah diambil.

Dato Kok Wee Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah pun disiasat dan saya ingin menegaskan di sini bahawa aduan ini adalah tidak benar sama sekali, Sepanjang tahun 1986 Pejabat TDC Singapura menerima sebanyak 27,493 pertanyaan yang dikemukakan oleh orang ramai sama ada pertanyaan yang dikemukakan melalui surat, telefon atau berkunjung sendiri ke kaunter penerangan. TDC telah menerima banyak ucapan terima kasih dan penghargaan dari pelawat-pelawat yang datang di atas kerjasama dan

bantuan yang diberikan. Di dalam kes ini pelawat dari New Zealand Puan Marianne Watkins telah diberikan berbagai maklumat mengenai pelancongan termasuklah ramalan cuaca yang sentiasa dapat diperolehi dari radio dan suratkhabar.

Mengenai kenyataan bahawa TDC tidak bertanggungjawab memberi maklumat terhadap tempat-tempat pelancongan persendirian, ini adalah merupakan kenyataan yang ditimbulkan oleh pihak BERNAMA, dan tidak tepat. Sebenarnya apa yang dinyatakan adalah TDC, sebagai salah satu agensi Kerajaan yang bertanggungjawab, hanya dapat memberikan maklumat kepada para pelancong terhadap kemudahan penginapan yang berdaftar atau dilesenkan, dan didapati sesuai. Penjelasan mengenai perkara ini telah pun dibuat dalam akhbar bertarikh 24hb Disember 1986.

PETRONAS—TELAGA MINYAK

93. **Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah telaga minyak PETRONAS yang ada secara persendirian dan usahasama;
- (b) jumlah dan nama syarikat rakan perkongsian PETRONAS; dan
- (c) jumlah keluaran minyak mentah setahun dan nama negara-negara pembeli dan harga jualan setong.

Tuan Kasitah Gaddam:

- (a) Bilangan telaga minyak PETRONAS secara persendirian adalah sebanyak 16; manakala bilangan secara usahasama adalah sebanyak 696.

(b) Pada masa ini PETRONAS mempunyai lima (5) rakan perkongsian termasuk anak syarikatnya PETRONAS Carigali Sdn Bhd. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

1. Esso Production Malaysia Incorporated (EPMI).
2. Elf-Aquitaine/Jasa/Statoil/Delcom Services.
3. Sabah Shell Petroleum Company/Pecten.
4. Sarawak Shell Bhd.
5. Sarawak Shell Bhd. PETRONAS Carigali Sdn Bhd.

(c) Jumlah pengeluaran petroleum negara bagi tahun 1986 adalah sebanyak 183.4 juta tong atau kira-kira 502,000 tong sehari.

Negara-negara pembeli minyak mentah PETRONAS dalam tahun 1986 adalah seperti berikut:

1. Jepun
2. Korea Selatan
3. Filipina
4. Singapura
5. Thailand
6. Amerika Syarikat
7. Taiwan
8. Sri Lanka
9. Australia
10. Chile
11. China

Harga jualan purata wajaran setong (average weighted price per barrel) bagi tahun 1986 ialah US\$14.94 setong.

PETRONAS—UNTUNG BERSIH

94. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Perdana Menteri menyatakan, mengenai PETRONAS:

- (a) untung bersih tiap-tiap tahun mulai 1980 sehingga 1986; dan
- (b) jumlah simpanan tetap (fixed deposit) dan di mana disimpan.

Tuan Kasitah Gaddam:

Jumlah keuntungan bersih PETRONAS yang telah diaudit bagi tahun-tahun kewangan dari 1980 hingga 1986 setelah ditolak pembayaran royalti, duti eksport dan perbelanjaan pengurusan adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac	Jumlah Keuntungan	
	Sebelum Cukai (Juta Ringgit)	Sesudah Cukai
1980	3,950	2,207
1981	4,192	2,302
1982	4,204	2,304
1983	4,577	2,438
1984	5,202	2,922
1985	6,906	3,805
1986	6,516	3,848

- (b) Jumlah simpanan tetap PETRONAS pada 28-2-87 ialah M\$12,891.5 juta. Simpanan tetap PETRONAS yang dilabur datam negeri dan di luar negeri adalah seperti berikut:

	M\$ Juta
Simpanan dalam Negeri	9,087.10
— Institusi-institusi Kewangan yang ditubuhkan di Malaysia (yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia)	
Sekuriti Kerajaan Malaysia	3,707.70
(MGS)	12,794.80
Simpanan Di luar Negeri (Tukaran tertanggung ke Ringgit Malaysia)	% .80
	12,891.50

DASAR NEGARA DIPERSOALKAN

95. Tuan Abdul Rahman Bakar minta Perdana Menteri menyatakan semenjak kebelakangan ini beberapa pertubuhan siasah dan orang perseorangan sering mempersoalkan beberapa dasar negara yang telah dipersetujui bersama seperti DEB, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Hak-hak Istimewa Orang Melayu, Pribumi dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil beberapa langkah mengawal atau bertindak terhadap golongan-golongan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Negara ini mengamalkan dasar demokrasi berparlimen di mana rakyat bebas mengeluarkan pendapat tetapi tidaklah sehingga mempunyai kecenderungan untuk menghasut. Sekiranya kecenderungan demikian dikesan, Kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat di bawah undang-undang yang berkaitan.

BERITA TAMIL DI TV

% Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian beliau boleh menimbangkan untuk menggantikan siaran berita Tamil melalui TV Malaysia Rangkaian Kedua setiap petang dengan berita kawasan (Regional News) yang dipancar dari Kota Kinabalu untuk faedah penduduk-penduduk Sabah dan Sarawak memandangkan tidak terdapat ramai penduduk-penduduk kaum India di kedua-dua negeri tersebut dan oleh itu tidak ramai orang yang menontonnya.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Sepertimana yang sedia dimaklumkan TV Malaysia menyiarkan rancangan melalui dua rangkaian iaitu melalui RTM 1 dan

RTM 2. Berita Tamil disiarkan pada pukul 6.00 petang melalui RTM 2 dan pada masa yang sama RTM 1 menyiarkan rancangan dalam Bahasa Malaysia.

Adalah menjadi dasar Kementerian Penerangan supaya siaran rancangan berpunca dari Kuala Lumpur sahaja dan tidak dari kawasan-kawasan atau negeri-negeri tertentu. Ini adalah untuk memajukan integrasi nasional. Penyatuan berita itu adalah lebih penting dari segi keperluan integrasi nasional supaya masyarakat di seluruh Malaysia mendapat Berita dan liputan Berita yang sama sahaja.

Metnandangkan hal itu dan hakikat bahawa masyarakat keturunan lain di Malaysia perlu juga mendengar berita tanahair dalam bahasa mereka sendiri, adalah tidak wajar bagi berita Tamil digantikan dengan rancangan-rancangan lain.

GURU DI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH SABAH— KEKURANGAN

97. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak sekolah-sekolah Kerajaan di kawasan Pendalaman Sabah yang masih dibina dengan atap dan bambu dan apakah rancangan Kementerian beliau untuk mengatasi masalah ini dan juga kekurangan guru terlatih serta kelengkapan yang cukup demi untuk merapatkan jurang perbezaan di antara taraf pelajaran di Semenanjung dan negeri itu.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran memang menyedari masih banyak sekolah-sekolah rendah di kawasan luar bandar termasuk di kawasan pendalaman Sabah yang kekurangan kemudahan fizikal. Kementerian Pelajaran memang mempunyai rancangan untuk

memperbaiki keadaan fizikal dan lain-lain kemudahan sekolah-sekolah tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana peruntukan yang terbatas, penyediaan kemudahan hanya dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Pada keseluruhannya negara menghadapi kekurangan guru terlatih. Oleh itu memang terdapat sekolah-sekolah rendah termasuk sekolah-sekolah di Sabah yang tidak mempunyai bilangan guru terlatih yang cukup. Walau bagaimanapun Kementerian telah dan akan menjalankan langkah-langkah berikut untuk mengurangkan kekurangan guru-guru terlatih di negeri Sabah:

- (a) Menambah bilangan guru pelatih yang mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan.
- (b) Menghantar guru-guru terlatih dari Semenanjung ke Sabah.
- (c) Guru-guru sementara yang mengikuti Kursus Dalam Cuti juga diambil untuk nungtasi kekurangan guru di Sabah.

HUTANG LAPUK/KAEDAH TERGANTUNG—PINJAMAN

98. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah amaun hutang lapuk dan yang sedia ada dalam "Suspense Account" dari Bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan di Malaysia dari tahun 1984 hingga 1986 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mendapat balik semula semua pinjaman-pinjaman tersebut dan setakat mana perkara ini menjejaskan ekonomi negara.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Perangkaan mengenai jumlah peruntukan hutang lapuk dan faedah tergantung bagi tahun 1986 belum lagi diperolehi. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang lapuk

datam sistem bank pada akhir tahun 1985, berjumlah \$2,400 juta atau 3.3% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem bank, berbanding dengan \$1,300 juta atau 2.3% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan, pada akhir tahun 1984.

Tahun 1985 merupakan tahun kewangan pertama industri bank menggunakan sistem perakaunan seragam dalam mengambil kira faedah tergantung. Dengan itu, jumlah faedah tergantung bagi tahun 1985 tidaklah boleh dibandingkan dengan tahun-tahun kewangan sebelumnya. Jumlah faedah tergantung yang belum dijelaskan pada akhir tahun 1984 ialah \$633 juta atau 1.1% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Bagi tahun 1985, jumlah faedah tergantung ialah \$1,400 juta atau 1.9% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Pertambahan dalam jumlah faedah tergantung, bukanlah bermakna institusi kewangan akan mengalami kerugian sepenuhnya dari pinjaman-pinjaman yang tidak dibayar (non performing loan). Bagi pinjaman yang mempunyai cagaran yang mencukupi, pemulihan keadaan ekonomi, akan membolehkan faedah tergantung dibayar sepenuhnya.

Sungguhpun jumlah peruntukan hutang lapuk telah meningkat dalam tahun 1985, pengiktirafan sepenuhnya ke atas peruntukan ini dan juga penambahan modal baru bagi menutupi kerugian berkenaan, telah meletakkan institusi kewangan ditahap yang kukuh dan terjamin.

SYARIKAT ASIAN RARE EARTH—KESELAMATAN

99. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah Lembaga Pelesenan Tenaga Atomik (Atomic Energy Licensing Board) akan mementingkan keselamatan dan

kepentingan orang ramai dan mengarahkan supaya ARE Sdn Bhd akan memindah buangan-buangan radioactive yang:

- (i) masih tertanam di tasik-tasik lombong:
 - (a) yang terletak di belakang kilang tersebut yang telah ditanami dengan rumput;
 - (b) tersimpan di sebuah repository sementara;
- (ii) yang dibuang ke merata tempat oleh kontraktor-kontraktor semasa kilang itu masih dalam operasi dan sebelum repository itu dibina. Nyatakan sama ada penyimpan buangan-buangan radioactive itu mematuhi:
 - (a) syarat-syarat dalam perjanjian bertarikh yang ditandatangani oleh ARE Sdn Bhd dan Kerajaan Negeri Perak.
 - (b) standard antarabangsa.

berapa lamakah Lembaga Pelesenan Tenaga Atomik (Atomic Energy Licensing Board) membenarkan pihak kilang menyimpan buangan-buangan itu dalam repository kerana ianya terletak di kawasan berpenduduk padat di daerah Kinta.

Tuan Kasitah Gaddam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ditubuhkan untuk memastikan bahawa keselamatan orang awam, pekerja-pekerja atau alam sekitar tidak terjejas oleh mana-mana aktiviti yang menggunakan tenaga atom termasuk aktiviti pemerosesan monozite oleh Syarikat Asian Rare Earth. Oleh itu, saya yakin bahawa Lembaga Pelesenan Tenaga Atom telah mengutamakan keselamatan masyarakat umum, khususnya masyarakat di sekitar kawasan Bukit Merah, dalam

membuat sebarang keputusan terhadap Syarikat Asian Rare Earth.

Bahan-bahan yang dibuang ke dalam lubang (bukannya tasik-tasik lombong seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat) yang terletak di belakang kilang tersebut telah pun dikorek, dan dipindahkan oleh Syarikat Asian Rare Earth atas arahan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ini pada bulan Januari 1986 yang lalu. Setelah kerja-kerja mengorek dilakukan, Lembaga ini telah mengukur paras sinarnya dan telah dipastikan bahawa tidak ada lagi pencemaran bahan radioaktif yang wujud. Kerja-kerja ini telah dilakukan sebelum tempat itu ditanami dengan rumput.

Pada bulan November 1986 yang lalu, Lembaga ini juga telah membuat siasatan ke atas dakwaan bahawa terdapat banyak bahan radioaktif yang dibuang merta-rata tempat oleh kontraktor semasa kilang itu masih beroperasi. Dalam siasatan tersebut, pihak-pihak yang mendakwa mengetahui di mana bahan radioaktif telah dibuangkan hanya dapat menunjukkan 2 tempat sahaja, iaitu:

- (i) di belakang Syarikat Asian Rare Earth; dan
- (ii) di kawasan perindustrian Bukit Merah.

Longgokan bahan-bahan yang tercemar dengan bahan radioaktif di kedua-dua tempat di atas telah pun dibersihkan oleh Syarikat Asian Rare Earth, atas arahan Lembaga ini. Lembaga ini juga telah pun mengukur paras sinaran pada kedua-dua tempat tersebut setelah pembersihan dilakukan untuk memastikan bahawa tidak ada bahan radioaktif yang masih tertinggal,

Semua bahan yang dikorek daripada lubang di belakang Syarikat Asian Rare dan juga dari kawasan perindustrian Bukit Merah telah dimasukkan ke dalam tong yang sesuai

dan di stor di dalam stor sementara. Stor sementara itu telah dibina oleh Syarikat Asian Rare Earth atas arahan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom untuk menempatkan semua bahan radioaktif yang telah dihasilkan oleh syarikat tersebut semasa ianya beroperasi dahulu. Pembinaan stor sementara itu juga telah mengikuti semua spesifikasi yang ditetapkan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Perlu juga ditegaskan bahawa pembinaan stor sementara itu juga adalah selaras dengan saranan pakar-pakar IAEA yang telah diundang oleh Kerajaan Malaysia pada akhir tahun 1984 yang lalu. Bahan-bahan radioaktif yang ketika ini di stor dalam stor sementara tersebut, akan dipindahkan ke "repository" yang akan dibina oleh Syarikat Asian Rare Earth di satu kawasan di Banjaran Kledang. Lembaga Pelesenan Tenaga Atom juga telah menetapkan spesifikasi-spesifikasi yang ketat, mengambil kira juga standard-standard antarabangsa, dalam pembinaan "repository" tersebut.

Perjanjian yang telah ditandatangani oleh Syarikat Asian Rare Earth dengan Kerajaan Negeri Perak itu ialah perjanjian untuk membolehkan Syarikat Asian Rare Earth membina "repository" itu telah dibatalkan dan satu kawasan lain di Banjaran Kledang telah dikenatpasti. Oleh itu penempatan bahan-bahan radioaktif di stor sementara itu tidak tertakluk (binding) kepada syarat-syarat dalam perjanjian tersebut.

PEMINDAHAN TEKNOLOGI

100. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana negara kita telah mendapat faedah dalam bidang pemindahan teknologi dan dari segi kewangan akibat pelaksanaan Dasar Pandang Timur serta sama ada faedah yang diterima itu sepertimana yang dijangkakan dan

diingini sebelum melaksanakan dasar tersebut.

Tuan Kasitah Gaddam: Dasar Pandang Ke Timur adalah merupakan suatu dasar jangka panjang. Matlamat utama adalah untuk mencontohi etika kerja yang baik dan positif serta sistem organisasi dan pengurusan orang-orang Jepun dan Korea yang bersesuaian, untuk diserap dan dipraktikkan oleh rakyat Malaysia khususnya golongan pekerja. Langkah ini dipercayai boleh menyumbang ke arah kemajuan negara kita. Walau bagaimanapun proses ini akan memakan masa sebelum kejayaannya dapat dilihat.

Pelaksanaan dasar ini telah membuka banyak peluang latihan dan pengajian tinggi kepada rakyat Malaysia, di kedua-dua buah negara tersebut. Peluang-peluang latihan dan pengajian tinggi ini merupakan cara utama di mana nilai-nilai etika kerja, sistem organisasi dan pengurusan Jepun dan Korea dapat dicontohi dan diserapkan oleh golongan pekerja-pekerja Malaysia.

Semenjak dasar ini dilaksanakan dalam tahun 1982, seramai 1,928 orang pelatih dan pelajar telah dihantar ke Jepun dan Korea mengikut program-program latihan dan pengajian tinggi di kedua-dua buah negara tersebut. Berdasarkan maklumbalas dan kajian "impact" yang telah dijalankan setakat ini ke atas bekas-bekas pelatih perindustrian dan teknikal (latihan di loji) dan juga majikan-majikan mereka, menunjukkan bahawa program latihan tersebut telah memberi kesan yang baik dalam mencontohi etika kerja di samping mempelajari teknologi baru yang digunakan di negara-negara tersebut untuk dipraktikkan di Malaysia ini.

Dari segi kewangan, didapati semenjak tahun 1981 hingga Julai 1986, sejumlah \$426.7 juta cadangan

pelaburan daripada Jepun untuk melabur dalam 265 projek yang telah diluluskan. Manakala jumlah pelaburan daripada Korea pula adalah bernilai \$23.9 juta dalam 32 projek yang diluluskan. Jumlah pelaburan kedua-dua negara ini merupakan 21.8% daripada jumlah pelaburan asing di negara ini. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa jumlah pelaburan ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan Dasar Pandang Ke Timur yang dilaksanakan yang mempunyai falsafah dan matlamatnya yang terkhusus. Dasar Pandang Ke Timur bukanlah bererti meminta-minta dari orang Timur atau memindah tanggungjawab terhadap kemajuan Malaysia kepada negara-negara Timur. Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita sendiri.

PERTUBUHAN PELANCONGAN SEDUNIA—MENARIK DIRI

101. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk menyatakan sebab-sebab ke atas keputusan Kabinet supaya Malaysia menarik diri dari menyertai Pertubuhan Pelancongan-pelancongan Sedunia (World Tourism Organisation).

Dato Kok Wee Kiat: Malaysia telah menjadi ahli kepada Pertubuhan Pelancongan Sedunia semenjak tahun 1985. Walau bagaimanapun Malaysia telah memutuskan untuk menarik diri dari pertubuhan tersebut berpandu kepada sebab-sebab berikut:

- (i) Malaysia adalah ahli PATA yang aktif. Oleh hal yang demikian adalah lebih berfaedah sekiranya Malaysia menumpukan masa dan tenaganya kepada "business like bodies" seperti PATA di mana pihak Kerajaan dan sektor swasta boleh menyertai

aktiviti-aktivitinya dengan lebih berkesan.

- (ii) Yuran tahunan keahlian adalah dianggap terlalu tinggi dan telah bertambah sebanyak dua kali ganda dari tahun 1981 hingga 1986 iaitu dari sebanyak US\$19,000 kepada US\$40,000. Paedah yang diterima adalah tidak sejajar dengan jumlah yang dibayar.

PENKALAN TENTERA DI PULAU PINANG

102. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian ini akan memberi perhatian yang serius kepada cadangan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang bahawa pihak tentera seharusnya mengambil kira mengadakan satu pengkatan di Seberang Perai, dan jika ia, apakah rancangan-rancangan Kementerian ini telah memutuskan bagi menubuhkan pengkalan tersebut dan sama ada beliau akan mengambilkira supaya sebahagian dari kem-kem tentera yang pada masa sekarang berada di pulau ini diubahkan ke Seberang Perai.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Seberang Perai tidak ketinggalan dalam penempatan Pengkalan Tentera Pulau Pinang. Pengkalan Tentera Udara yang terbesar di Seberang Perai ialah TUDM Butterworth yang dikongsi dengan Tentera Udara Australia yang akan diambil-alih sepenuhnya oleh TUDM pada tahun 1988. Di Seberang Perai juga ada unit Tentera Laut Di Raja yang berpangkalan di Sungai Nyior Butterworth di samping beberapa lagi pengkalan di sekitar Seberang Perai seperti Pengkalan Tentera di Sungai Petani yang jaraknya tidak begitu jauh dari Pulau Pinang.

Dengan adanya pengkalan-pengkalan Tentera ini adalah ditikirkan masih tidak perlu untuk mengadakan pengkalan-pengkalan baru di Seberang Perai lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi negara sekarang.

PENJARA/LOKAP POLIS DIPERKETATKAN

103. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya telah dibuat ataupun arahan telah diketuarkan kepada Pegawai-pegawai Penjara Pudu dan juga Penjara Kuantan baru-baru ini dan begitu juga tentang terlepasnya banduan-banduan dari simpanan polis yang sekarang ini sering berlaku.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telah mengeluarkan arahan supaya langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya diperketatkan di penjara-penjara dan lokap-lokap polis.

(Soalan No. 104. Sila lihat jawapan No. 68)

PEGAWAI GIAT DALAM POLITIK

105. Tuan Liew Ah Kim minta Perdana Menteri menyatakan sehingga hari ini, berapa jumlah Pegawai Kerajaan yang bergiat dalam bidang politik dengan tidak mematuhi peraturan tetap yang telah menghadapi tindakan disiplin atau telah dipecat daripada jawatannya.

Tuan Kasitah Gaddam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 6 orang Pegawai Kumpulan "A" yang Lembaga Tatatertibnya di Jabatan Perkhidmatan Awam telah dikenakan tindakan tatatertib kerana bergerak cergas di dalam politik. Tiada pegawai yang telah dipecat kerana bergerak cergas di dalam politik.

KWSP—PENCARUM MENGELUARKAN SIMPANAN

106. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerianya bercadang untuk meminda Akta KWSP bagi membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan sebahagian simpanan mereka bagi maksud pembiayaan pelajaran anak-anak mereka dan membolehkan mereka memulakan perniagaan kecil memandangkan ramai orang menjadi penganggur atau diberhentikan kerja yang ingin menjalankan perniagaan sendiri bagi mencari penghidupan. Jika, tidak, mengapa.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa mengkaji faedah-faedah yang boleh dilaksanakan untuk kebaikan ahli-ahli KWSP. Cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan skim pengeluaran untuk pembiayaan pelajaran anak-anak dan perniagaan kecil telah pun dikenalpasti. Kementerian Kewangan bersama-sama dengan KWSP sedang membuat kajian yang mendalam terhadap skim-skim tersebut untuk pertimbangan selanjutnya.

MINUMAN AIR KELAPA MUDA

107. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) dalam menggalakkan "Minum Air Kelapa Muda" adakah rancangan untuk menjadikan minuman ini lebih komersial iaitu dari segi cara pengeluaran minuman ini dan pemasarannya; dan
- (b) apakah pandangan Kementerian terhadap masa depan industri kelapa negara ini kesan

dari kempen "Minum Air Kelapa Muda".

Tuan Luhah Wan:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang mempunyai rancangan untuk menjadikan minuman air kelapa ini masih komersial. Di dalam melaksanakan rancangan ini, Kementerian melalui FAMA telah mengadakan beberapa galakan bersama dengan pihak-pihak hotel antarabangsa, restoran, pasaraya dan sebagainya supaya dapat diperluaskan luang pasaran untuk air kelapa muda dan kelapa muda. Sambutan dari pihak mereka adalah sangat menggalakkan dan buat masa ini beberapa hotel antarabangsa, restoran-restoran, kelab-kelab dan pasaraya telah dan sedang mengadakan minuman air kelapa/kelapa muda untuk pelanggan-pelanggan.

Dari aspek pengeluaran, minuman saya difahamkan syarikat swasta tempatan telah mengadakan teknologi untuk membungkus air kelapa dalam TETRA-PACK untuk tujuan eksport ke luar negeri.

- (b) Dengan kejayaan kempen "Minum Air Kelapa Muda" industri kelapa dahulu yang dianggap sebagai satu industri yang "tiada harapan" kemungkinan menjadi satu industri yang "ada harapan" sekarang. Ini berdasarkan faktor-faktor berikut:
 - (i) Permintaan dan pasaran untuk kelapa muda yang dahulunya adalah terhad telah diperluaskan sekarang. Mengikut maklumbalas yang diterima melalui kajian yang dibuat oleh FAMA di sekitar

Lembah Kelang, tiga bulan lepas kempen dijalankan, bilangan gerai yang menjual air kelapa muda telah meningkat daripada 59 buah gerai sebelum kempen kepada 70 buah gerai atau penambahan sebanyak 18.6%. Purata belian kelapa muda oleh sesebuah gerai juga telah bertambah daripada 952 biji kepada 1,102 biji sebulan atau pertambahan sebanyak 15.7%. Pasaran di sekitar Lembah Kelang sahaja dianggarkan 56,168 biji sebulan sebelum kempen dan meningkat kepada 77,140 biji sebulan atau penambahan sebanyak 37%.

- (ii) Dengan penambahan permintaan seperti ini pekebun-pekebun kecil kelapa akan menerima taedah kerana luang pasaran kelapa muda telah bertambah dan ini akan dapat menambahkan lagi pendapatan pekebun-pekebun kecil kelapa dari segi hasil jualan mereka. Selain daripada itu kempen ini juga akan menggalakkan pengwujudan "industri membungkus air kelapa" untuk eksport atau dengan lain perkataan lebih "by product utilisation" untuk kelapa.

LAWATAN PERDANA MENTERI SINGAPURA KE MALAYSIA

108. Dato' Mohamed bin Rahmat minta Perdana Menteri menyatakan perkara-perkara yang dibincang semasa lawatan kerja Perdana Menteri Singapura Encik Lee Kuan Yew ke Malaysia pada pertengahan tahun lalu. Apakah persetujuan-persetujuan yang

telah dicapai dan sejauh mana persetujuan-persetujuan itu sudah dilaksanakan.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Lawatan kerja Encik Lee Kuan Yew ke Malaysia pada 23hb Ogos, 1986 adalah dalam konteks perbincangan informal yang sering diadakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Singapura dan beberapa ketua kerajaan ASEAN yang lain. Tujuan utamanya adalah untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkara-perkara kepentingan bersama. Dalam konteks hubungan dua hala, dua perkara utama telah dibincangkan iaitu masalah bekalan air dan penjualan gas ke Singapura. Berhubung dengan kedua-dua isu berkenaan, kerajaan belum lagi membuat keputusan muktamad dan kerajaan telah mengarahkan pegawai-pegawai di agensi-agensi yang terlibat membuat kajin terperinci berhubung dengan isu berkaitan.

JAMBATAN PULAU PINANG— BAYARAN TOL

109. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab kenapa bayaran tol baru bagi kegunaan jambatan Pulau Pinang masih dikurangkan.

Dato S. Samy Vellu: Buat masa ini bayaran tol jambatan Pulau Pinang belum lagi diturunkan dan Kerajaan masih lagi mempertimbangkan perkara ini.

INSURAN PENUMPANG KERETAPI/PERI

110. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab musabab pihak Keretapi Tanah Melayu dan Feri Pelabuhan Pulau Pinang tidak mahu menginsurankan

penumpang-penumpang mereka dan sama ada Kementerianya bercadang supaya peraturan-peraturan yang berkenaan dipinda untuk memastikan penumpang-penumpang dapat dilindungi oleh insuran.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Mengikut Ordinan Keretapi 1948, Keretapi Tanah Melayu tidak dikehendaki mengambil insuran untuk melindungi para penumpangnya.

Perkhidmatan penumpang KTM merupakan perkhidmatan yang disediakan sepenuhnya daripada peruntukan Kerajaan bahkan terdapat unsur subsidi dalam kadar tambang penumpang yang ada sekarang. Sekiranya unsur insuran kemalangan diwujudkan ianya akan membebaskan lagi Kerajaan dalam menyediakan pengangkutan penumpang yang berkenaan atau sekiranya unsur insuran itu dimasukkan dalam kadar tambang, kemungkinan ianya membebaskan orang ramai, sedangkan tujuan Kerajaan mengadakan perkhidmatan KTM untuk menyediakan sistem yang murah, selesa dan selamat. Pentadbiran KTM memang sentiasa memastikan perjalanan tiap-tiap tren penumpang dalam keadaan yang selamat, tetapi sekiranya kemalangan berlaku, ianya adalah di luar jangkaan.

Di bawah Undang-undang Kecil dan Peraturan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak bertanggungjawab atas penumpang-penumpang. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang juga dikecualikan dari segala tanggungan berhubung dengan sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan atau apa-apa kecederaan kepada seseorang, barangan atau binatang yang berlaku secara sebagaimana jua pun. Syarat ini dicetakkan di setiap tiket feri dan juga dipamerkan di papan-papan tanda di dermaga.

Walau bagaimanapun sekiranya dapat dibukti bahawa sesuatu kemalangan atau kecederaan yang berlaku itu timbul dari kecuaiian atau kelalaian pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang maka pampasan bolehlah dibayar di bawah skim insuran "Marine Hull and Liabilities".

PENGAMBILAN KAKITANGAN KERAJAAN

111. Puan Ling Chooi Sieng minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil supaya mencegah pengambilan kakitangan Kerajaan berasaskan atas satu kaumnya.

Tuan Kasitah Gaddam: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan langkah-langkah tertentu dalam hal ini kerana pengambilan kakitangan Kerajaan adalah terbuka kepada semua kaum dan dijalankan oleh Suruhanjaya yang bebas.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (10hb Mac, 1987)

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong. Yang Berhormat sudah bercakap kelmarin.

Tuan R. Karpal Singh: Saya belum habis, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat bercakap belum habis, kemudian saya rasa sebelum habis itu terpaksa keluar, maka saya rasa telah pun tidak dapat bercakap lagi.

Yang Berhormat dari Bakri.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, dalam semua peringkat atau dalam perbahasan ?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan yang No. 2 ini, iaitu bacaan yang kedua, yang ketiga boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Committee stage boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

3.37ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyertai perbahasan Akta Mahkamah Rendah (Pindaan), 1987.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian utama yang diberikan oleh para hakim, peguam dan orang ramai kepada mahkamah-mahkamah kita hari ini adalah keadaan kes-kes yang ditunda menimbun, dengan izin, backlog of cases. Masalah ini boleh menjejaskan nama baik negara amnya dan nama baik sistem pentadbiran keadilan kita khasnya. Penyelesaian perselisihan antara warganegara dengan warganegara, rakyat dengan negara dan sebaliknya demi meninggikan prestasi ekonomi negara untuk melicinkan perhubungan di dalam perniagaan dan perdagangan.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kluang iaitu justice delayed is justice denied, dengan izin.

Oleh sebab itu pada hari yang mulia ini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan atas Rang Undang-undang ini yang bermaksud, dengan izin, the streamlining sistem pentadbir keadilan negara kita, re-organisasi sistem tadbiran keadilan yang dilaksanakan melalui Rang Undang-undang ini secara mempertingkatkan bidang kuasa civil bagi mahkamah-mahkamah rendah, iaitu Mahkamah Sesyen dan Mahkamah majistret.

5

Fasal 4, dan 6 bertujuan meningkatkan bidang kuasa civil bagi Mahkamah Sesyen dari \$25,000.00 kepada \$100,000.00. Ini mewakili satu tambahan kuasa yang besar dan substantial, dengan izin. Begitu juga dengan Mahkamah Majistret di mana Fasal 10 bertujuan pula meningkatkan bidang kuasa civil bagi Mahkamah Majistret Kelas Satu daripada jumlah sekarang ini sebanyak \$10,000.00 kepada \$25,000.00.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan tindakan-tindakan tersebut, sekadar ia akan mempercepatkan penyelesaian kes-kes yang berkenaan, ini adalah kerana procedure di Mahkamah Rendah adalah lebih mudah berbanding dengan procedure di Mahkamah Tinggi. Dengan cara ini banyak kes-kes civil yang tuntutananya tidak melebihi \$100,000.00 dapat dibereskan dengan kos yang lebih rendah.

Keputusannya kes-kes yang dapat diselesaikan di Mahkamah Rendah lebih cepat diselesaikan berbanding dengan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi dengan kos yang lebih rendah. Akan tetapi yang ingin menekankan di sini bahawa Rang Undang-undang ini tidak dapat menyelesaikan kesemua masalah kes-kes Mahkamah yang ditunda. Malangnya, kesannya adalah terbatas.

Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada apa yang telah saya katakan tadi, saya berpendapat pada praktiknya Rang Undang-undang ini hanya memindah tanggungjawab menyelesaikan kes-kes civil daripada Mahkamah Tinggi kepada Mahkamah Sesyen dan dari Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Majistret. Ini hanya mengalirkan beban dari satu bahu ke bahu yang lain. Oleh sebab itu beban kerja kes-kes ini kekal seperti biasa. Bilangan Hakim, Presiden dan Majistret masih kekal seperti kini. Dengan itu pada praktiknya, jumlah orang yang sama masih bertanggungjawab mengendalikan beban kes-kes yang berbilang sama.

Oleh sebab itu cara penyelesaian yang praktikal terhadap masalah ini ialah memendekkan masa perbicaraan setiap kes. Akan tetapi cara penyelesaian ini tidak memuaskan. Ada bidalan dalam bidang perundangan yang mengatakan: "Justice hurried is justice buried."

Tuan Yang di-Pertua: Apa maknanya di dalam Bahasa Malaysia?

Tuan Chua Jui Meng: "Justice hurried is justice buried"—kalau pengadilan tergesa-gesa, dia di "buried", justice di "buried".

Tuan Yang di-Pertua: Dikebumikan.

Tuan Chua Jui Meng: Dikebumikan, dengan izin. Cara penyelesaian yang paling baik ialah meningkatkan bilangan Hakim, Presiden Mahkamah Sesyen dan Majistret, Penterjemah dan kakitangan Mahkamah. Oleh kerana pertambahan personnel Mahkamah, maka juga pertambahan dalam bilangan Mahkamah.

Baru-baru ini apabila Hakim Besar melawat ke Mahkamah Rendah di Jalan Duta, dia telah menyatakan bahawa keadaan yang sesak di Mahkamah itu adalah seperti di Jalan

Oxford, London. Adalah penting kita memperbaiki keadaan kes-kes yang ditunda, dengan izin, backlog of cases, secepat mungkin untuk memulih dan meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan dan asing dalam bidang kehakiman dan sistem ekonomi kita. Adalah penting peruntukan untuk bidang ini juga ditingkatkan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, adalah wajar untuk saya menyatakan di sini bahawa peningkatan bidang kuasa dan tanggungjawab Majistret dan Presiden tidak selaras dengan peningkatan pendapatannya. Biasanya peningkatan produktiviti diikuti bersama dengan peningkatan pendapatan. Status dan gelaran Presiden telah ditingkatkan dengan sewajarnya ke Hakim Mahkamah Sesyen, akan tetapi sayang sekali "style ada, wang tiada". Dengan itu saya dengan ikhlasnya berharap pihak Kerajaan akan menambahkan pendapatan Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen sekiranya keadaan ekonomi mengizinkan supaya dapat menarik minat mereka terus berkhidmat di dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu hingga sekarang masih terdapat kekurangan Majistret dan Presiden di dalam perkhidmatan kehaklman dan perundangan. Masalahnya ialah walaupun ada terdapat kekurangan di dalam perkhidmatan ini, orang-orang yang berkelayakan dan berminat penuh untuk berkhidmat dalam bidang ini tidak diambil masuk. Saya diberitahu oleh orang yang berkenaan bahawa pada tahun 1985, 50 siswazah undang-undang dari Universiti Malaya telah memohon untuk berkhidmat dalam bidang kehakiman dan perundangan. Saya difahamkan pada masa itu ada terdapat 120 kekosongan untuk jawatan tersebut, akan tetapi hanya 28 orang sahaja berjaya dipilih menjawat jawatan tersebut. Dari

keseluruhan 28 pemohon yang berjaya, 26 orang adalah daripada satu kaum tertentu dan hanya 2 orang sahaja yang bukan dari kaum tertentu itu. Daripada 22 orang yang tidak berjaya, 10 pemohon adalah dari kaum Cina dan 3 daripada mereka adalah pemegang biasiswa Kerajaan.

Kedaaan jurang perbezaan yang luas ini adalah jauh daripada memuaskn hati. Kedaaan ini sungguh menyedihkan dan merupakan satu kutukan terhadap polisi negara utama yang berusaha mencapai satu masyarakat yang berbilang kaum serta negara yang bersatu padu. Keadilan tidak mendiskriminasikan antara satu kaum dengan yang lain. Keadilan sepertimana yang diwakili oleh "Patung Keadilan" atau "Statue of Justice", dengan izin, di Mahkamah Old Bailey di London merupakan seorang wanita yang telah diselubungi matanya. Dalam perkataan lain, oleh kerana keadilan tidak melihat, maka ia tidak boleh membeza-bezakan antara manusia dari berbilang kaum dan kebudayaan yang berbilang. Saya berharap Kementerian Kehakiman merupakan tempat terakhir wujudnya ketidakadilan.

Tuan Yang di-Pertua, atas nama perpaduan negara, saya berharap pihak Kementerian akan mengambil perhatian yang serius dalam hal ini dan pada masa hadapan lebih banyak jawatan tersebut perlu diisi oleh siswazah-siswazah undang-undang bukan bumiputera untuk mengimbangi komposisi kaum dalam bidang perkhidmatan kehakiman dan perundangan.

Dengan kata-kata di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.48ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Keluang dan Yang Berhormat dari Bakri. Yang Berhormat dari Keluang menyatakan mengenai cadangan pengambilan pegawai-pegawai kehakiman supaya dapat dengan penyusunan semula nanti pihak Kehakiman akan mengkaji semula tempat-tempat yang memerlukan penambahan Presiden dan Majistret selepas diambil kira bilangan kes-kes akibat daripada penyusunan semula tersebut.

Mengenai penggunaan komputer di Mahkamah-mahkamah, suka saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sebagai langkah permulaan, seunit komputer telah dibekalkan kepada tiap-tiap Hakim Mahkamah Agung dan juga kepada tiap-tiap Hnkim Mahkamah Tinggi di seluruh Malaysia.

Mengenai Yang Berhormat dari Bakri bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai kehakiman, seramai lebih kurang 84 orang pegawai telah diambil berkhidmat di antara tahun 1984 hingga 1986. Kekosongan jawatan pegawai-pegawai kehakiman adalah kecil dan pada tahun ini tindakan akan diambil bagi mengisi kekosongan tersebut. Mengenai

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Oo Gin Sun: Tidak payah, nanti di Committee Stage dia boleh capak.

Tuan Yarig di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Oo Gin Sun: Committee Stage boieh cakap.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, orang lain ada berucap, saya tidak dapat peluang. Sekarang tidak boleh dapat peluang untuk

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana apa?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanya dialah!

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu, Tuan Speaker, tetapi tentu ada sebab.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan. Sila teruskan.

Dato' Oo Gin Sun: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Mengenai jawatan di mana bukan bumiputera tidak dapat mengisikan, Kementerian saya mengambil perhatian mengenai perkara ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Panji bangun, hendak bagi jalan?

Dato Oo Gin Sun: Tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bagi.

Dato Oo Gin Sun: Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua jawapan saya, Akhirnya saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli, Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan pindaan ini.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada hendak bagi jalan?

Dato' Oo Gin Sun: Tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bagi. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato* Oo Gin Sun: Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya berkenaan dengan pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 13—

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Pasal 8. fasal 8 bertujuan memasukkan satu seksyen baru 78A yang menurutnya perlantikan Majistret Kelas Satu hendaklah dibataskan kepada anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin bangkitkan dalam fasal yang saya merujukkan tadi, pengaruh (influence) Peguam Negara dalam badan, dengan izin, and Legal Service Commission. Kalau saya boleh bacakan dalam

bahasa Inggeris apa yang ada dalam Perlembagaan, Tuan Pengerusi:

"(1) There shall be a Judicial and Legal Service Commission, whose jurisdiction shall extend to all members of the judicial and legal service.

(2) The Judicial and Legal Service Commission shall consist of—

- (a) the Chairman of the Public Service Commission, who shall be Chairman;
- (b) the Attorney General or, if the Attorney General is a member of Parliament or is appointed otherwise than from among members of the Judicial and Legal Service, the Solicitor General; and
- (c) one or more other members who shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, after consultation with the Lord President of the Federal Court, from among persons who are have been or are qualified to be a judge of the Federal Court or a High Court or shall before Malaysia Day have been a judge of the Supreme Court."

Tuan Pengerusi, mengikut Perkara 138 Perlembagaan, Peguam Negara jadi seorang ahli dalam badan ini. Badan ini ialah badan yang menimbang pegawai-pegawai untuk kenaikan pangkat. Pegawai-pegawai itu, Tuan Pengerusi, termasuklah Majistret-majistret dan Presiden-presiden Sesyen dan juga Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah Kerajaan bercadang untuk pecah Judicial and Legal Service Commission kepada dua bahagian—satu bahagian the Judicial Service Commission dan lagi satu the Legal

Service Commission. Apa yang ada sekarang ialah the "fused" syatem, dan oleh kerana itu pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, Peguam Negara boleh pengaruhi atau influence Majistret-majistret dan Presiden-presiden Mahkamah Sesyen. Apa yang berlaku sekarang dalam satu kes di Mahkamah Majistret Melaka

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat jangan sebutkan kes itu oleh kerana

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana sub-judice?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi kalau Tuan Pengerusi tidak benarkan saya sebutkan perkara itu oleh kerana sub-judice, barangkali saya boleh beri satu contoh yang lain. Tidak berapa lama dahulu, Tuan Pengerusi, dalam satu perkara di Seremban jikalau saya tidak silap di mana seorang Majistret namanya Tuan Zaini Abdul Rahman, jikalau saya tidak silap, dalam satu kes Majistret itu ada berkata dia takut oleh kerana Peguam Negara boleh pengaruhi atas beliau oleh kerana beliau adalah menjadi seorang anggota dalam Judicial and Legal Service.

Tuan Pengerusi, dalam kes Malek bin Su vs. Public Prosecutor 1984, MJL, muka surat 311, Yang Arif Hakim Hashim Yeop Sani ada berkata seperti ini, dengan izin:

"The authority which exercises jurisdiction over the officers of this service in matter of promotions and discipline is the Judicial and Legal Service Commission established under Article 138 of the Constitution of which the Attorney-General is on a member. There is nothing in law to say that the Attorney-General is head of the service."

Itu saya bersetuju, Tetapi oleh kerana, Tuan Pengerusi, badan ini ada "fused" bukan, dengan izin, separate, oleh kerana itu Peguam Negara walau bagaimanapun tidak menjadi head of the Judicial Service tetapi dalam perkara kenaikan pangkat beliau menjadi seorang anggota dalam badan ini, yang ada disebutkan dalam Perkara 1983 Perlembagaan. Adakah Kerajaan, Tuan Pengerusi, bercadang apa yang saya katakan tadi, dipecahkan badan ini ke dua bahagian, satu Judicial Service Commission dan lagi satu Legal Service Commission. Itu satu perkara yang saya hendak bangkitkan.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, dengan meluaskan bidang kuasa Majistret-majistret dan Presiden-presiden Mahkamah Sesyen apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keluang kelmarin backlog yang ada sekarang boleh dengan lantikan—bukan lantikan, Tuan Pengerusi, tetapi memperluaskan bidang kuasa Presiden Mahkamah Sesyen backlog ini barangkali boleh dihapuskan. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar, pertama, ada satu pekeliling oleh Peguam Negara yang telah dihantar kepada semua Mahkamah-mahkamah Majistret dan Mahkamah-mahkamah Sesyen dalam negara ini dan dalam pekeliling ini ada satu arahan, Tuan Pengerusi, di mana Timbalan Pendakwaraya ada dipaksa oleh kerana apa yang ada dalam pekeliling itu untuk membuat rayuan dalam semua kes di mana mahkamah bebaskan orang yang dituduh. Tidak kira ada isi dalam rayuan itu atau tidak, tetapi satu arahan bulat terus, apabila mahkamah menjatuhkan hukuman bebas atas seseorang yang dituduh, Pendakwaraya terus memaksa untuk membuat rayuan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di atas dasar, perkara itu

tidak bersangkutan dalam Committee Stage, itu atas dasar.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh jadi dasar Tuan Pengerusi, tetapi saya tidak diberi peluang tadi, jikalau diberi peluang Tuan Pengerusi, tidak ada

Tuan Pengerusi: Bukan saya yang tidak beri peluang, Yang Berhormat yang merosakkan peluang itu.

Tuan R. Karpal Singh: Timbalan Speaker yang merosakkan peluang itu, Tuan Pengerusi, bukan saya.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Tuan Pengerusi, selepas Timbalan Menteri beri jawapan atas apa yang saya ada ucapkan tadi, barangkali saya boleh bangkitkan perkara lain sekejap lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Peguam Negara, hanya seorang ahli dari jumlah 4 Hakim Mahkamah Tinggi, 2 Hakim Besar Malaysia dan Borneo dan seorang A.G. dari Sarawak.

Saya berpendapat beliau tidak boleh mempengaruhi keputusan Commission. Berkenaan dengan separation of Judicial and Legal Service, pada masa ini tidak ada cadangan bagi memisahkan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ini. Setakat ini saya ingat Kementerian saya tidak ada keputusan awal diambil.

Mengenai kenaikan pangkat Pegawai Kehakiman dan Perundangan adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya dan bukan kuasa Peguam

Negara. Pertukaran pegawai di antara Jabatan adalah dibincang dan dipersetujui oleh Hakim Besar dan Peguam Negara.

Sekian sahaja jawapan saya mengenai teguran Yang Berhormat dari Jelutong.

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987 bagi bacaan kali kedua.

Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955. Tujuan pindaan yang dibentangkan ini iaitu untuk mengadakan beberapa peruntukan di dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 bagi membolehkan aktiviti-aktiviti di pelabuhan tersebut diswastakan memandangkan buat masa ini Akta tersebut tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan sedemikian.

Pindaan ini adalah untuk menyediakan peruntukan undang-undang dalam Akta berkenaan supaya penswastaan boleh dijalankan dengan licin, apabila Kerajaan membuat keputusan untuk menswastakan pelabuhan ini kelak, dengan bertikata lain tindakan ini akan memastikan bahawa pelaksanaan penswastaan di masa hadapan adalah berasaskan kepada peruntukan-peruntukan perundangan yang sah.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan dibuat melalui Rang Undang-undang ini adalah hampir serupa dengan pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Lembaga Pelabuhan-pelabuhan (Pindaan) 1986. Apabila Lembaga Pelabuhan Kelang diswastakan dahulu, pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah dengan mengadakan beberapa seksyen baru dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Seksyen baru 25A bertujuan memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak hak padanya bagi maksud-maksud Persekutuan. Peruntukan ini adalah selaras dengan Artikul 86 Perlembagaan Persekutuan.

Seksyen baru 33A adalah bertujuan untuk membolehkan syarikat-syarikat atau mana-mana orang yang diberi lesen di bawah Akta ini untuk menjalankan aktiviti pelabuhan mengemukakan memorandum kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk mengubah segala bayaran yang sedia ada.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Seksyen baru 59A pula adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Suruhanjaya dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bagi melesenkan

syarikat-syarikat atau mana-mana orang untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti di pelabuhan. Ini adalah untuk membolehkan syarikat swasta itu menjalankan aktiviti yang mengikut undang-undang. Kuasa untuk Suruhanjaya menceburi dalam apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan dan sebagainya dengan mana-mana orang atau untuk menubuhkan atau menggalakkan penubuhan dan perkembangan mana-mana syarikat adalah diberi di bawah seksyen baru 59e. Kuasa ini diberi dengan kelulusan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan dengan mendapat persetujuan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Seksyen baru 70B adalah bertujuan untuk memberi kuasa khas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa khusus olehnya untuk mengambilalih aktiviti yang telah diswastakan itu apabila berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam. Untuk tujuan pengambilan alih tersebut pampasan yang munasabah akan dibayar.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penswastan pelabuhan-pelabuhan telah bermula dengan penswastan Terminal Kontena di Pelabuhan Kelang pada awal tahun lepas.

Bagi penswastan Pelabuhan Pulau Pinang pula, di samping meminda Akta Pelabuhan Pulau Pinang, tindakan sedang diambil bagi melantik sebuah bank saudagar swasta untuk menjalankan kajian cara-cara yang sesuai sekali bagi penswastan pelabuhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1987 ini tidak melibatkan perbelanjaan wang bagi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

4.11 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Saya berasa dukacita sungguhpun dalam Rang Undang-undang ini ada beberapa seksyen baru telah masuk ke dalam Akta itu, tetapi satu seksyen yang lebih penting dan lebih menjaga keselamatan orang ramai tidak di masuk ke Akta itu. Maksud saya adalah untuk menjaga keselamatan penumpang-penumpang dan kereta-kereta yang mengguna feri Penang tidak terdapat jaminan keselamatannya apabila mereka menggunakan feri itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang setiap hari ada beribu-ribu anak negeri Pulau Pinang menggunakan feri Penang tetapi pada masa sekarang dalam Akta itu kita tidak terdapat sebarang peruntukan di mana kalau terjadi apa-apa kejadian kemalangan, mereka tidak dapat pampasan. Oleh kerana itu, mungkin sampai masanya Kementerian ini untuk menimbang memasukkan satu seksyen baru supaya setiap penumpang feri Penang dapat terjamin oleh kerana

tidak beberapa hari lalu ada kejadian seperti satu feri kena tidak begitu elok dan kejadian seperti Keretapi Tanah Melayu telah menjadi satu kejadian di Kulai. Jadi, kita tidak mahu kejadian seperti ini berulang berlaku lagi. Oleh kerana itu, saya cadang supaya kita masukkan satu seksyen baru untuk menjaga keselamatan orang awam yang menggunakan feri Penang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Sila Yang Berhormat.

4.13ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil sedikit perbincangan di atas Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 yang mana telah dibentang dan diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang mana keseluruhan yang saya fahami, iaitu huraian bertujuan hanya saya nampak untuk dijadikan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini pada satu masa akan diswastakan, sebagaimana yang telah berlaku di Bahagian Terminal Pelabuhan Kelang.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu sebentar tadi juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun ada menjawab soalan berhubung dengan penswastakan yang berlaku keadaan di dalam negara kita ini yang banyak, umpamanya Telekom Malaysia sekarang sudah pun dijadikan Syarikat Telekom Malaysia, ini telah juga diswastakan. Oleh itu, dalam masalah ini saya rasa kita memanglah mengalu-alukan kerana dengan keadaan negara kita sekarang ini ekonomi meleset, kita berkehendak mengurangkan perbelanjaan dari segi perbelanjaan Kerajaan kita untuk meringankan beban yang ada pada hari ini dan kita mempelawa syarikat-syarikat untuk mengambilalih dan

untuk diswastakan. Saya mengharapkan apabila Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini sebagaimana diterangkan akan diswastakan dan begitu juga tentang masalah melupakan apa-apa kepentingan mengenai tanah dan sebagainya, ini juga sepatutnya mendapat pandangan dan juga

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yang Berhormat, tunggu sebentar.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Hendak apa?

Tuan Hu Sepang: Atas point of order di bawah S. O. 13, kita tak ada mencukupi kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Saya faham begitu juga. Setiausaha kira dahulu. Bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih, saya menyambung semula ucapan saya tadi. Dan kita mengharapkan kepada pihak yang berkenaan supaya menjaga kepentingan-kepentingan awam berhubung dengan tanah dan sebagainya supaya tidak menjadikan masalah kepada mereka yang terlibat nanti.

Dalam soal yang lain berhubung dengan swasta ini, sebagaimana kita ketahui tetekom telah pun diswastakan, saya mengharapkan siapa-siapa sahaja yang dapat untuk

menjadi taukeh atau sebagainya besok, kita mengharap sebagai Telekom Malaysia. Baru-baru ini umpamanya telefon saya di rumah rosak, saya telefon kepada Operator Telekom Malaysia mengatakan dia tidak boleh betulkan malam itu kerana tidak ada overtime, dahulu boleh bila-bila masa sahaja dia datang, tetapi sekarang tidak boleh. Saya takutkan masalah ini juga akan berlaku. Apabila pelabuhan ini diswastakan nanti, mereka yang bekerja akan mengikut masa dan sebagainya, kalau tidak feri dan sebagainya apa yang bersangkutan tidak akan berjalan oleh kerana mereka ini tclali diswastakan, menunggu masa dan seterusnya mereka akan balik. Ini kita hendakkan supaya dipastikan benar-benar apa sahaja, sama ada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ataupun apa sekalipun supaya dapat dijaga dengan baik.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pelabuhan Pulau Pinang iaitu apa yang kita dapat tahu sekarang feri yang ada sekarang ini masih digunakan oleh kenderaan lori dan sebagainya untuk menyeberangi ke Pulau Pinang, sedangkan jambatan telah pun sedia ada yang telah beratus-ratus juta hnggit telah disediakan, tetapi kenderaan-kenderaan masih juga banyak menggunakan feri yang ada sekarang ini. Tadi ada kita dengar daripada wakil yang berucap sebelum saya tadi mengatakan berhubung dengan kemalangan akan berlaku.

Di sini saya mengharapkan juga supaya feri yang ada sekarang ini supaya pihak kerajaan agar mencari jalan supaya tidak membenarkan lagi kereta-kereta, kenderaan-kenderaan hanya kepada penumpang-penumpang sahaja bagi mengelakkan supaya lori-lori ataupun kenderaan-kenderaan supaya dapat menggunakan melalui jambatan yang ada sekarang ini. Oleh

itu rasa saya tidak ada lagi perkara-perkara ini akan berlaku, umpamanya tidak mendapat sambutan, kerugian, sedangkan pembayaran untuk jambatan pulau pinang itu tidak mencukupi tiap-tiap bulan sebagaimana yang diharapkan untuk mendapatkan bayaran tol dan sebagainya.

Dalam masalah ini, saya mengharapkan, oleh kerana Akta ini juga tidak menyebut panjang lebar dalam masalah ini, hanya berhubung dengan Seksyen-seksyen yang telah disebutkan oleh Yang berhormat tadi, oleh itu dalam masalah ini saya sama-sama menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Yijandran): Yahg Berhormat dari Pasir Mas.

4.22 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum tujuan yang tersirat di sebalik pindaan Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini dengan tujuan mungkin untuk diswastakan sepertimana yang telah disebutkan oleh sahabat saya dari Lembah Pantai. Sehubungan dengan ini, suka saya menyebut beberapa perkara yang saya kira perlu diambil perhatian oleh pihak Kerajaan dalam menentukan Pelabuhan Pulau Pinang yang merupakan satu perkhidmatan feri yang begitu penting bagi kegunaan ulang alik rakyat di antara tanah besar dan Pulau Pinang itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengira bahawa keindahan Pulau Pinang yang menarik banyak pihak pelancong ialah terletak kepada feri itu sendiri. Walaupun kita sudah mempunyai

jambatan yang panjang, yang tersergam indah tetapi sebenarnya keindahan dan kenikmatan yang dapat kita lihat di Jambatan Pulau Pinang itu adalah terletak apabila kita berada di atas feri itu sendiri. Sebab di waktu kita menaiki Jambatan Pulau Pinang, kita tidak merasakan seolah-olah kita berada di atas jambatan, ianya tidak lebih daripada kita berada di sebatang jalan raya. Manakala apabila kita berada di atas feri menyeberangi ke George Town, dengan izin, di situlah kita dapat menggambarkan keindahan Jambatan Pulau Pinang. Inilah saya berpendapat bahawa walaupun kita mempunyai Jambatan Pulau Pinang, rakyat masih lagi suka mengguna Pelabuhan Feri Pulau Pinang. Oleh kerana kesukaan dan minat rakyat mengguna Pelabuhan Feri Pulau Pinang inilah, di dalam kita meminda Akta Suruhanjaya ini harus diambil kira kepentingan-kepentingan rakyat bagi mengguna pelabuhan ini buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah barang tentu ada dua aspek yang kita ingin lihat terhadap Pelabuhan Pulau Pinang ini jika ianya diswastakan; bukan sahaja sesudah diswastakan, kita harap perkhidmatan Pelabuhan Pulau Pinang ini akan lebih baik, lebih berkesan, lebih indah, tetapi juga pada masa yang sama ianya tidak dibebankan ke atas rakyat jelata. Di sinilah di antara dua konflik. Kita perlu kepada perkhidmatan yang baik tetapi pada masa yang sama juga kita tidak dapat menanggung kos yang besar oleh kerana rakyat jelata di negara kita ini masih belum mampu lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang. Kita percaya seperti Pelabuhan Pulau Pinang, terutamanya perkhidmatan feri, banyak lagi boleh diperbaiki dari segi perkhidmatannya, bukan sahaja dari segi keindahan feri-feri yang digunakan. Kita dapati ianya masih ada lagi kekotoran, sanipah sarap malah kadang-kadang kita lihat apabila kita berada di atas feri tersebut

ianya tidak menggambarkan bahawa hasrat kita untuk menarik seramai boleh pelancong-pelancong daripada luar. Ini tidak dapat kita nafikan. Malah dari segi rupa bentuk feri saya tidak tahu berapa lama sekali feri itu dicat dengan warna yang indah seperti putih dengan diadakan lampu-lampu di sekelilingnya, seperti yang kita telah lihat di setengah-setengah negara betapa indahnya feri kita di Pulau Pinang. Ini harus dilakukan, dan dibuatkan, kalau pun Pelabuhan Pulau Pinang ini terpaksa diswastakan nanti.

Bagi pandangan saya, sama ada swasta atau tidak, bukan menjadi perkara pokok. Betul dari segi satu sudut, bahawa Kerajaan terpaksa mengurangkan beban dari segi tanggungan yang terpaksa kita hadapi sekarang ini supaya projek-projek ataupun Pelabuhan Pulau Pinang sebagai contohnya, wajar diswastakan seperti Jabatan Telekom. Tetapi pada pandangan saya, dalam pada itu kita mempunyai obligasi, kita mempunyai komitmen kita kepada rakyat untuk menentukan bahawa pengangkutan-pengangkutan ataupun keperluan-keperluan yang digunakan oleh rakyat seperti Telekom, Keretapi, Pelabuhan dan lain-lain adalah satu keperluan asas yang tidak boleh kita nafikan sama sekali. Maka sebab itulah jika berlakunya penswastakan terhadap Pelabuhan Pulau Pinang ini, kita harus juga menentukan bahawa perkhidmatan ini tidak terjejas. Kita bimbang nanti apabila diswastakan, mereka yang tidak boleh menggunakan jambatan yang agak jauh, mungkin bagi setengah pihak tidak berkemampuan, manakala Pelabuhan Pulau Pinang itu nanti akibat diswastakan, dan kita ingin lihat pelabuhan itu elok, maka digunakan pula alasan itu, untuk menaikkan tambang. Maka di sinilah orang-orang yang dhaif, orang-orang yang tidak mampu akan terjejas akibat daripada rancangan-rancangan yang kita hendak jalankan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara ini saya menyebut supaya apa-apa keputusan kita buat, saya kira sesudah kita mencapai kemerdekaan 30 tahun yang lalu dan sama ada dalam soal kita mengurus ekonomi negara kita, kita mengurus apa juga yang ada hubung kait dengan kepentingan rakyat negara kita, kita sudah banyak pengalaman. Pengalaman-pengalaman yang lalu dalam apa jua bidang, kalau kita menceburi dalam bidang perniagaan, kita menubuhkan agensi, kita buat itu dan buat ini, sudah banyak pengalaman. Ada yang baik, ada yang berjaya, tetapi tidak sedikit juga yang menerima kegagalan. Maka sebab itulah apa jua yang berlaku, prinsip yang utama ialah perkhidmatan kita kepada rakyat teiutamanya rakyat yang banyak yang memerlukan seperti perkhidmatan Pelabuhan Pulau Pinang ini. Lebih-lebih lagi Pelabuhan Pulau Pinang ini juga tidak sedikit menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita. Hal-hal seperti ini, saya kira jika ianya nanti diswastakan, bukan sahaja pekerja-pekerja yang ada sekarang ini yang sudah lama berkhidmat dengan pelabuhan ini diberi faedah, diberi manfaat sebanyak yang mungkin di atas pengorbanan dan kesetiaan mereka kepada Pelabuhan Pulau Pinang ini, tetapi juga masa depan mereka harus juga diambil kira. Kita tidak mahu sepertimana kita dengar tadi, Jabatan Telekom yang baru sahaja diswastakan yang kita dengar sebelum itu ada juga jaminan-jaminan tertentu, tetapi belum apa-apa pun, ramai yang sudah menerima bil-bil tambahan depositnya.

Saya kira apabila ianya diswastakan nanti, bagi pihak swasta, ia tidak boleh lari daripada dijadikan projek-projek seperti ini ke arah "commercialised," dengan izin. Sudah tentu tidak ada siapa yang ingin mencebur diri teiutamanya pihak swasta mengambh alih sesuatu projek kalau tidak

mendapat keuntungan. Tetapi oleh kerana keuntungan itu tadilah yang kita kira mesti ada garis pemisahan di antara kepentingan rakyat dengan keinginan untuk memperolehi keuntungan yang sebanyak mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu sahajalah pandangan sedikit sebanyak yang saya hendak kemukakan dalam perbahasan ini mengenai dengan pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, tetapi sebelum itu kita berharap apa pun selepas pindaan Akta ini diswastakan ataupun tidak, yang kita ingin lihat ialah Pelabuhan Pulau Pinang ini dipindahkan lagi seperti mana yang kita lihat sekarang ini, di mana ruang-ruangmasih lagi boleh kita membaharui dari segi perkhidmatan, kecantikan, keindahan, kegunaan-penggunaan dan sebagainya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, diucapkan berbilang-banyak terima kasih dan saya turut menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuantan.

4.30ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mendapat peluang untuk bersama-sama berhujah di dalam soal suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1985. Sekali lalu saya membaca pindaan Akta ini ia memberikan tiga gambaran yang nyata iaitu yang pertama, dengan izin, apa yang disebut dalam Bahasa Inggeris kemungkinan berlakunya assets stripping, yang kedua, kemungkinan berlakunya keadaan darurat sehingga satu-satu langkah bol h diambil oleh pihak Kerajaan dan yang ketiga ialah soal fulus, soal wang.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta ini adalah satu pindaan yang penting. Sungguhpun ianya penting, saya rasa agak terkilan juga kerana Yang Berhormat Menteri berkenaan nampaknya tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini ketika kita memberi, menunjukkan sikap yang begitu penting terhadap pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu saya dapat kesani apa yang dibimbangi oleh Ahli-ahli dari Lembah Pantai dan juga Ahli dari Pasir Mas iaitu jika dibandingkan dengan penswastan yang telah berlaku kepada Syarikat Telekom Malaysia, mereka ini bimbang kalau-kalau langkah penswastan itu akan juga merangkumi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini dan keraguan itu ada asasnya kerana kesannya apa yang dilakukan oleh STM ataupun Syarikat Telekom Malaysia itu menimbulkan sedikit riak rasa tidak puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sama-sama sedar bahawa kos untuk menampung sebuah pelabuhan seperti Pelabuhan Pulau Pinang itu dengan segala implikasinya adalah satu kos yang amat tinggi dan kerana itulah Kerajaan memberikan perhatian yang utama terhadap pengaliran wang masuk dan wang keluar. Jadi, dengan adanya pindaan Akta ini, mengesahkan rasa ragu itu kerana keraguan itu yang saya katakan tadi berkaitan dengan wang. Jadi, dengan Akta ini kita rasa ada satu-satu maksud yang tersirat supaya Pelabuhan Pulau Pinang ini mendapat aliran wang yang lebih banyak menerusi asset stripping sepertimana yang dapat kita kesani dari Fasal 2 yang terkandung di dalam Akta pindaan ini iaitu memberi kuasa kepada pihak Persekutuan untuk membuat apa sahaja tentang pemilikan tanah di dalam- kawasan Pelabuhan Pulau Pinang itu. Jika

sekiranya ini berlaku, saya rasa lama-kelamaan sedikit demi sedikit Pelabuhan Pulau Pinang itu mungkin hanya tinggal shell sahaja ataupun kulitnya sahaja, sedangkan banyak harta, banyak asetnya ditanggalkan satu persatu untuk mendapat wang bagi menampung operasi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang nyata di dalam pindaan Akta ini ialah ianya tidak langsung memperkatakan tentang peranan, tentang apa yang harus sebuah Pelabuhan lakukan dalam keadaan yang begitu mencabar pada waktu ini. Apakah kemudahan yang harus kita berikan, apakah galakan yang harus kita tawarkan kepada pengusaha-pengusaha kapal di dunia supaya lebih banyak lagi kapal datang berlabuh dan menggunakan kemudahan-kemudahan port di Pulau Pinang itu. Tetapi apa yang kita dapat baca, apa yang dapat kita kesani sepertimana yang saya katakan tadi ialah peruntukan-peruntukan yang tidak ada kaitan langsung dengan operasi sebuah pelabuhan. Ia lebih memperkatakan tentang bagaimana untuk membuat duit daripada harta tetap, harta yang tidak bergerak yang masih dipengangi oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Selain daripada itu, apa yang kita kesani ialah dalam Fasal 5 sudah nyata satu peruntukan iaitu satu gambaran, satu keraguan takut kalau-kalau Pelabuhan Pulau Pinang itu didatangi malapetaka, didatangi emergency ataupun darurat ataupun didatangi kekacauan sehingga ianya berada di luar kawalan pihak-pihak berkuasa di Pulau Pinang ataupun di sekitarnya sehinggalah Perdana Menteri terpaksa menggunakan kuasanya ataupun penurunan kuasa kepada pegawai-pegawai di bawahnya untuk membuat sesuatu menjaga keselamatan, mungkin juga dengan mengisytiharkan darurat umpamanya supaya keadaan Pelabuhan Pulau Pinang itu terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, keraguan bahawa Pelabuhan Pulau Pinang ini akan diswastakan adalah satu keraguan yang berasas kerana mengikut trend, mengikut aliran pemikiran sekarang ini sebarang pihak berkuasa, sebarang badan berkanun apabila menghadapi tekanan kos dari segi kewangan, satu jalan yang lebih wajar untuk mendapat tampungan kewangan haruslah dijumpai dan trend sekarang iaitu merupakan satu fesyen atau, dengan izin, merupakan satu benda yang fashionable sekarang ialah penswastakan ataupun privatisation seolah-olah kita boleh katakan apa yang berlaku di England, di Britain itu lambat laun akan berlaku juga di sini. Kita tahu bahawa apa yang berlaku di England banyak port di sana telah diswastakan, sedangkan telekom sendiri telah diswastakan 3 tahun lebih dahulu daripada penswastakan Telekom di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memberikan keutamaan kepada hal-hal kewangan untuk menampung sebuah pelabuhan seperti Pelabuhan Pulau Pinang ini, kita jangan lupa sepertimana yang dikatakan oleh ahli dari Pasir Mas ini terhadap wajah, terhadap muka-muka mereka yang bekerja selama ini bertahun-tahun bukan sahaja secara langsung di Pelabuhan Pulau Pinang tetapi mereka yang ada kaitan yang secara tidak langsung dengan Pelabuhan Pulau Pinang. Sekiranya Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai 5,000 orang pekerja sebagai angka hypothesis, saya rasa tentu sekali multiplier effectnya ataupun cetusan pendarapannya sekurang-kurangnya 20,000 ataupun 30,000 mungkin 50,000 orang. Memang benar apabila kita menswastakan sesuatu sesuai dengan nama swasta itu motivasi yang pertama, ialah keuntungan. Keuntungan tidak mengapa, asalkan perkhidmatan yang diberikan adalah selaras dengan apa-apa bayaran yang

dikenakan terhadap pihak-pihak yang menggunakan perkhidmatan itu.

Saya takut kalau-kalau sekiranya diswastakan nanti apabila tidak ada persaingan, perkhidmatan yang diberikan di pelabuhan (port) itu tidak memadai ataupun tidak lebih baik daripada yang telah ditunjukkan selama ini sejak pelabuhan itu ditubuhkan berpuluh tahun dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu, saya sedar bahawa sebuah Pelabuhan Pulau Pinang ini di samping ianya membuat duit daripada segi memberi khidmat sebuah pelabuhan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sebuah pelabuhan ia juga memberikan peluang perniagaan bagi pihak-pihak lain. Dari segi memberi tabungan kepada bank dan juga dari segi premium kepada pihak insurans. Sebuah Pelabuhan Pulau Pinang ini, saya rasa daripada jangkaan kasar saya ia memberikan lebihkurang agaknya sejuta ringgit setahun daripada segi premium insurans, saya rasa kalau tidak salah. Jadi, benda yang macam ini kos seperti ini tentu sekali merupakan satu kos yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun sekiranya ada satu pemikiran yang menyeluruh, yang wajar, yang boleh dipertahankan, pihak Kementerian berkenaan, Kementerian Pengangkutan bolehlah membuat satu rangka, satu struktur supaya wang premium insuran ini boleh diconsolidatekan, disatukan dengan semua pelabuhan-pelabuhan di Malaysia ini dan dijadikan satu Tabung Pusat sekiranya apa-apa berlaku kemalangan. Sekiranya apa-apa berlaku kebakaran dan sebagainya wang daripada Tabung Pusat itu boleh menampung segala kerugian yang timbul daripada satu masa ke satu masa, bukan sahaja di Pelabuhan Pulau Pinang tetapi Pelabuhan Kelang, Pasir Gudang, Kuantan, Kemaman dan di Bintulu serta pelabuhan-pelabuhan lain.

Kita tahu kos kita menghantar premium keluar negeri begitu tinggi dan dengan adanya satu tabungan khas yang saya sebutkan sebagai Tabung Pusat itu kita dapat menyelamatkan aliran wang keluar dalam bentuk premium insuran itu dan sekiranya berlaku kita sendiri yang menampung. Kita tahu insurance premium itu selalunya ialah seperti khairat juga kita tabungkan daripada beberapa pihak dan akhirnya tabungan itu membawa keuntungan kepada pihak yang dianggap sebagai insurer itu, insurer dan re-insurer. Jadi saya harap pihak Kementerian dapat memberi pertimbangan yang serius terhadap satu aspek daripada segi wang premium insuran ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara ialah mengenai pelesenan sepertimana yang boleh kita baca di dalam salah satu fasal di dalam pindaan Akta ini. Kita takut kalau-kalau pelabuhan ini apabila ia berkurangan di dalam memberikan perkhidmatan pelabuhan sekiranya berlaku keadaan itu, jangan pula ianya lebih merupakan satu badan pelesen. Pelesen memberi lesen untuk orang yang berniaga sahaja. Kita tidak mahu ianya menjadi pelesen seperti mengeluarkan lesen teksti, pelesen yang mengeluarkan lesen getah dan pelesen-pelesen lain kerana kalau kita terlalu sangat kita tekankan sangat, kita memberi terlalu sangat serious consideration kepada hal-hal pelesen itu, tentu sekali akhirnya kita seolah-olah lupa bahawa peranan utama sebuah pelabuhan itu ialah untuk memberi kemudahan kepada perkapalan dan dengan kerana kita tidak begitu berjaga-jaga kita akan dapat ditohmah atau dianggap sebagai badan yang lebih banyak mengeluarkan lesen-lesen untuk mendapat kadar duit daripada pengeluaran lesen itu dan akhirnya kita bermaksud untuk mendapat cukai daripada mereka yang mendapat lesen

daripada pelabuhan seperti pelabuhan Pulau Pinang ini.

Jadi, saya rasa pindaan dalam hal-hal untuk mendapat kuasa untuk memberikan lesen itu harus juga kita terima, harus juga dipandang dengan berhati-hati dengan waspada supaya tujuan asal sebuah pelabuhan itu tidak diatasi dengan tujuan semata-mata untuk mendapat wang walaupun tujuan yang kedua itu tidak mengenai secara langsung dengan aktiviti dan tujuan asal sebuah pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang saya lihat di sini ialah kemungkinan pelabuhan ini menjadi satu pihak peniaga yang benar-benar, satu pihak yang akan memikirkan soal-soal keuntungan daripada segi untuk memasuki joint-venture.

Peruntukan seperti ini saya rasa tidak perlu atau tidaklah patut sangat-sangat digalakkan kerana kita takut pihak-pihak lain yang ada di dalam negara kita ini, yang ada kepentingan untuk membuat joint-venture akan mendapati diri mereka itu berasingan dengan pihak seperti Suruhanjaya Pulau Pinang ini. Ini bukan bererti kita jangan ada fungsi ataupun ada peranan langsung untuk memasuki joint-venture tetapi kita jangan extendkan sangat, dengan izin, kecederungan ini takut-takut kalau-kalau pihak-pihak yang ada kepentingan, pihak-pihak rakyat dan pihak-pihak peniaga yang hendak kita galakkan berniaga itu terasa terkilang kerana peluang mereka untuk memasuki joint-venture di dalam aktiviti yang berkaitan dengan pelabuhan seperti pelabuhan Pulau Pinang ini akan terjejas. Kalau kita tidak memberikan kuasa untuk menubuhkan joint-venture tetapi kita hanya menggalakkan pihak-pihak tertentu mengambil inisiatif mengadakan joint-venture dan berpakat sahaja dengan pihak pelabuhan dan ditubuhkan suatu

syarikat ataupun beberapa syarikat untuk mengendalikan sesuatu aktiviti yang ada di dalam pelabuhan Pulau Pinang ini.

Jadi saya rasa kecenderungan untuk memasuki secara langsung di dalam joint-venture dari pihak pelabuhan Pulau Pinang ini haruslah kita break sedikit, haruslah berhati-hati sedikit sepertimana saya katakan tadi ia tidak menumpukan inisiatif pihak-pihak swasta, pihak-pihak orang individu untuk mencari rezeki daripada segi joint-venture sesama mereka dengan tidak melibatkan pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya rasa itulah sahaja hujah-hujah yang boleh saya kemukakan dan dengan mengulangi lagi supaya pihak Kementerian memberi pertimbangan yang sewajarnya, bukan sahaja terhadap rakan-rakan kita, yang bercakap terdahulu daripada saya tetapi juga kepada hujah yang saya sebutkan tadi dan saya akhiri dengan tentunya memberi sokongan terhadap pindaan ataupun terhadap pindaan yang diberi nama suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955 ini. Jadi dengan itu saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Ledang.

4.47 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun untuk membahaskan satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pulau Pinang 1955.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ialah berkaitan dengan beberapa perkara. Yang pertamanya ialah untuk memberi peruntukan di dalam Akta ibu supaya pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

boleh menyerahkan kepentingan yang ada padanya terhadap tanah kepada sesiapa jua atau kumpulan yang tertentu untuk kepentingan Persekutuan.

Dan yang keduanya ialah untuk memberi peruntukan supaya sesiapa jua yang memajukan memorandum kepada pihak Suruhanjaya untuk memberi cadangan perubahan kepada kadar-kadar yang baru supaya dapat dikaji dan ditentukan sama ada wajar ataupun tidak untuk diterima.

Dan yang ketiganya ialah untuk memberi kuasa kepada pihak Suruhanjaya untuk memberi, menyerahkan lesen kepada mana-mana syarikat ataupun individu untuk mewujudkan kegiatan-kegiatan perniagaan yang berkaitan dengan pelabuhan Pulau Pinang dan seterusnya kemungkinan dan peruntukan untuk perkongsian keuntungan ataupun usahasama di antara individu ataupun kumpulan tertentu dengan pihak Suruhanjaya dan akhirnya ialah peruntukan yang diberikan kepada Perdana Menteri supaya mempunyai kuasa yang khusus untuk mengatasi masalah-masalah yang mungkin wujud di pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang melihat perkara ini dalam konteks yang luas sedikit. Yang pertama kita melihat pindaan Akta ini dalam konteks arus untuk mengswastakan kemudahan-kemudahan Kerajaan termasuklah Pelabuhan Pulau Pinang.

Kita sedia maklum bahawa arus ke arah penswastaan ini mempunyai matlamat untuk mengurangkan saiz sektor awam di negara kita ini. Malaysia merupakan satu daripada contoh yang agak unik dalam dunia ketiga bahkan dalam dunia keseluruhannya bahawa saiz sektor awam agak begitu besar dibandingkan dengan keluaran kasar negara.

Untuk selama 30 tahun kita merdeka ini satu fenomena yang tidak dapat dielakkan Kerajaan sewajarnya memainkan peranan yang agak luas sedikit demi sedikit, dalam sepanjang sejarah kemerdekaan, kita untuk memenuhi keperluan-keperluan dan matlamat-matlamat tertentu. Tetapi telah tiba masanya untuk kita memikirkan cara yang paling cekap, lebih berkesan lagi supaya perkhidmatan yang biasanya dilaksanakan oleh Kerajaan dapat diteruskan oleh pihak yang lebih berupaya sama ada dari segi menampung kos yang lebih efficient ataupun perkhidmatan yang lebih cekap.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya usaha untuk mengurangkan saiz sektor awam ini diteruskan satu implikasi ialah kos yang ditanggung oleh Kerajaan dapat dikurangkan. Kita maklum bahawa dari segi peruntukan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan seperti begini kalau sekiranya tidak dikurangkan mungkin menghadapi masalah yang besar pada masa hadapan berbanding dengan sumber-sumber pncapaian yang wujud pada hari ini.

Akhirnya kita juga menekankan arus ke arah penswastaaan ini dalam konteks bahawa kita mestilah meningkatkan kecekapan ataupun efficiency perkhidmatan yang ada sekarang ini, dengan andaian bahawa jika sekiranya pihak yang mengendalikan perkhidmatan tersebut terpaksa membandingkan antara kos pembiayaan dengan faedah atau hasil daripada usaha mereka maka kita akan dapat satu perkhidmatan yang lebih cekap lagi untuk dinikmati oleh pihak pelanggan ataupun pihak masyarakat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima semangat pindaan Akta ini dalam konteks arus penswastaaan yang

cuba kita laksanakan dari masa ke seraasa dan daripada satu jenis perkhidmatan kepada satu jenis perkhidmatan yang lain ataupun dari satu industri kepada satu industri yang lain. Apabila kita melihat arus penswastaaan ini ianya bukanlah satu perkara yang agak ganjil. Seperti yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lalu bahawa ianya adalah merupakan sebahagian daripada pemikiran di peringkat antarabangsa iaitu telah tiba masanya untuk saiz Kerajaan dikurangkan dan lebih wajar untuk pihak swasta untuk mengendalikan bidang-bidang yang difikirkan boleh dikendalikan oleh pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat pindaan Akta ini dalam konteks peranan sesuatu pelabuhan. Tadi dalam konteks penswastaaan, sekarang dalam konteks peranan sesuatu pelabuhan. Kalau kita lihat sejarah negeri Jepun ataupun sejarah yang agak lebih dekat sedikit iaitu negeri Taiwan, bahawa kemajuan negara-negara seperti Jepun ataupun Taiwan banyak kaitan dengan wujudnya infrastruktur yang lengkap sama ada dalam bentuk jalan raya ataupun sekolah dan kemudahan awatn yang lain termasuklah pelabuhan. Satu kemudahan yang merata dari segi kewujudannya di negara Jepun ialah pelabuhan. Dan satu kemudahan yang merata di negeri Taiwan yang merupakan peninggalan kepada sejarah penjajahan Jepun ialah pelabuhan. Daripada utara hingga ke selatan ataupun barat ke timur di negara Taiwan berselerak pelabuhan-pelabuhan yang diwujudkan oleh pemerintahan Jepun semasa mereka memerintah Taiwan.

Dalam penyelidikan yang dibuat untuk menerangkan mengapa Taiwan mudah maju ialah peninggalan infrastruktur yang lengkap termasuklah pelabuhan. Oleh yang demikian, kita melihat pelabuhan

Pulau Pinang ini dalam konteks yang sama. Saya menyarankan supaya pindaan ini hendaklah dilihat dalam konteks bahawa pelabuhan itu mempunyai peranan yang besar untuk memajukan sesebuah ekonomi dan sesebuah masyarakat.

Apabila kita melihat pelabuhan di Pulau Pinang maka dengan secara spontan yang sewajarnya kita fikirkan ialah di manakah "hinterland", dengan izin, Pelabuhan Pulau Pinang itu. Kita boleh katakan bahawa "hinterland" untuk Pelabuhan Pulau Pinang ialah selatan negeri Thai dan utara Semenanjung Malaysia. Kalau kita lihat Pasir Gudang maka ianya sewajarnya merangkumi kepulauan Melayu termasuklah Singapura dan selatan Semenanjung Malaysia. Kalau sekiranya Pasir Gudang mempunyai "hinterland" yang begitu luas sama ada merangkumi "hinterland" yang mengeluarkan getah dan kelapa sawit di seluruh negeri Johor ataupun termasuklah Negeri Sembilan dan termasuklah Pahang dan juga kepulauan Melayu dalam kawasan Indonesia maka potensi yang wujud di Pasir Gudang adalah begitu besar sekali.

Saya melihat Pasir Gudang sebagai satu contoh kerana ianya merupakan satu pelabuhan yang agak muda sedikit dari segi umurnya jika dibandingkan dengan Pelabuhan Pulau Pinang. Kalau sekiranya Pulau Pinang itu merupakan pelabuhan yang umur dan sejarahnya begitu lama sekali maka tidak sewajarnya kita mengatakan bahawa potensinya telah dioptimumkan hingga kini. Rasa saya banyak lagi perkembangan dan kemajuan baru boleh dirasakan oleh siapa juga yang bertanggungjawab untuk mengendalikan Pelabuhan Pulau Pinang pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, "hinterland" untuk Pelabuhan Pulau Pinang termasuklah utara negeri Perak, seluruh negeri Kedah, negeri Perlis

dan oleh kerana ada jalan daripada barat ke timur dan timur ke barat maka sewajarnya termasuklah sebelah barat negeri Kelantan dan sebelah selatan negeri Thai. Keluaran dan hasil daripada "hinterland" tersebut termasuklah keluaran bahan mentah sama ada dalam bentuk pertanian ataupun dalam bentuk perlombongan. Dan potensi yang lebih besar sekali ialah jika sekiranya kita dapat mewujudkan satu sektor perindustrian yang besar lagi dan rasa saya kemungkinan untuk meluaskan "hinterland" ini dalam bidang perindustrian adalah besar sekali jika sekiranya kawasan perdagangan bebas dapat diperluaskan semoga pada suatu hari nanti Pulau Pinang akan berkembang sebagai satu kawasan yang juga maju dalam bidang perindustrian. Jadi, rasa saya tidak sewajarnya kita melihat Jambatan Pulau Pinang sebagai satu hasil kepintaran manusia untuk membina satu struktur yang indah sahaja bahkan sewajarnya Jambatan Pulau Pinang merupakan satu alat yang amat berguna sekali untuk mengembangkan "hinterland" Pelabuhan Pulau Pinang ini.

Rasa saya kita membazir dari segi usaha untuk membina jambatan tersebut jika sekiranya kita tidak dapat meluaskan hinterland Pelabuhan Pulau Pinang ini. Saya menyeru supaya usaha untuk menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang ini lebih besar lagi, terletak juga kepada mereka yang bertanggungjawab untuk mengendalikan selepas daripada pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya dilaksanakan penswastan untuk pelabuhan ini, maka kita terpaksa melihat bahawa pelabuhan ini adalah satu bentuk perkhidmatan yang dibandingkan dengan pelabuhan-pelabuhan yang lain, sama ada pelabuhan dalam negeri kita ataupun dibandingkan dengan pelabuhan yang

ada di peringkat antarabangsa. Ianya mestilah competitive dari segi harga ataupun kadar yang dikenakan kepada pengguna-pengguna dan pelanggan-pelanggan pelabuhan tersebut. Kita terpaksa membandingkan kemudahan yang ada di Pelabuhan Pulau Pinang dengan kemudahan-kemudahan yang lebih tinggi dari segi taraf dan kecekapannya yang mungkin wujud di pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Saya ingin menyeru di sini bahawa jika sekiranya wujud penswastan maka hendaklah berusaha ke arah menjadikan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai satu pelabuhan yang competitive di peringkat antarabangsa. Yang competitive ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja berdasarkan kepada kadar-kadar pembayaran ataupun fees yang dikenakan, dengan izin, bahkan juga dari segi kualiti perkhidmatan dan sejauhmana perkhidmatan itu boleh diharapkan dan sejauhmana perkhidmatan itu adalah dikatakan menepati dari segi masa dan sebagainya. Kita sedia maklum bahawa apabila kita melihat peranan pelabuhan ini, ianya adalah aspek yang pertama sekali ditemui oleh masyarakat perdagangan di peringkat antarabangsa yang menggunakan industri perkapalan. Jadi jika sekiranya perkhidmatan pelabuhan adalah tidak cekap, ataupun tidak reliable, dengan izin, ataupun tidak menepati masa dan sebagainya, maka ianya tidak boleh bertanding di peringkat antarabangsa dan menjejaskan pembangunan di kawasan hinterland pelabuhan tersebut.

Satu lagi perkara yang hendak saya sebutkan di sini ialah apabila sesuatu perkhidmatan Kerajaan diambil alih oleh pihak swasta, maka timbul banyak masalah. Kalau sekiranya ada perasaan curiga sebelum diswastakan dan selepas diswastakan kecurigaan tersebut terbukti, maka kita terpaksa

menjelaskan keadaan yang mungkin berlaku di mana jua apabila sesuatu perkhidmatan Kerajaan itu diswastakan. Perkhidmatan di bidang tertentu yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan, biasanya kadar bayaran itu diletakkan, ataupun penyelidikan saya kos ataupun sesuatu yuran itu ataupun sesuatu tahap yang rendah dari kos pembiayaan.

Kalaupun sekiranya dijumlahkan maka kos adalah lebih tinggi daripada hasil dan kalaulah kita nilaikan dari segi kos setiap satu unit maka kos itu lebih tinggi setiap unit dibandingkan dengan hasil setiap unit kerana ada terkandung di dalamnya ciri-ciri subsidi yang biasanya diberikan oleh pihak Kerajaan. Jadi kalau sekiranya di sektor Telekom kebelakangan ini deposit dinaikkan, ini adalah satu-dua perkara yang mungkin tidak dapat dielakkan kerana pihak swasta terpaksa mengimbangkan hasil dan kos.

Oleh yang demikian, dalam soal penswastan Pelabuhan Pulau Pinang iri, saya menjangka dan siapa juga menjangka, pihak yang akan mengendalikan Pelabuhan Pulau Pinang ini akan terutama sekali mengimbangkan hasil dengan kos, bahkan lebih wajar lagi apabila ianya terpaksa meletakkan hasil itu lebih daripada kos pengendalian supaya menepati dengan matlamat mereka untuk mendapatkan faedah daripada usaha yang dibuat oleh mereka tersebut.

Satu lagi perkara yang sering disebut di sini ialah apabila kita hendak menswastakan sesuatu industri Kerajaan ataupun sesuatu perkhidmatan yang dikendalikan oleh Kerajaan, maka soalnya ialah kepada siapa, untuk siapa.

Petang tadi Yang Amat Berhormat menyebutkan kalau sekiranya ada kumpulan tertentu yang memajukan cadangan dan saranan dengan

membuat penyelidikan yang panjang lebar yang terpaksa dibiayai dengan kos yang tinggi, maka sewajarnya pihak Kerajaan mengambil kira bahawa usaha dan penyelidikan yang dibuat oleh kumpulan tersebut dan adalah tidak adil sekiranya Kerajaan tidak memberi kesempatan kepada kumpulan tersebut untuk menerima, mengambil faedah daripada rancangan menswastakan industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Pelabuhan Pulau Pinang ini, saya menyarankan semoga pihak Kementerian mengambil kira ciri-ciri seperti berikut dalam usaha penswastakan. Ada kandungan profesionalisme untuk mereka yang ingin mengambil bahagian di dalam penswastakan ini, sama ada mereka itu sudah terlibat dalam bidang ini begitu lama sekali, sama ada mereka terlibat dalam industri perkapalan, mentadbirkan pelabuhan, industri insuran, industri yang ada kaitan dengan freight atau cargo dan sebagainya. Jadi sewajarnya ada kandungan-kandungan profesionalisme yang berkait rapat dengan pelabuhan.

Selain daripada itu kita menekankan supaya ada ciri pengalaman dalam bidang-bidang yang berkaitan dan kita juga mengambil kira supaya bukan sahaja mereka itu datangnya daripada kumpulan pemodal yang tertentu yang kaya dari segi modal daripada sumber-sumber mereka sendiri, dan kalau sekiranya kita mengambil MAS sebagai satu contoh, maka ada peraturan yang tertentu untuk diperuntukkan kepada masyarakat ramai yang bersama-sama mungkin mempunyai keyakinan dan kepercayaan terhadap penswastakan Pelabuhan Pulau Pinang ini. Oleh yang demikian saya percaya bahawa tidak timbul rasa curiga ataupun tohmah-tohmahan bahawa program penswastakan ini adalah untuk kepentingan tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya tekankan di sini ialah kalau sekiranya kita terlibat dalam soal mentadbir dan mengusahakan Pelabuhan Pulau Pinang ini, kita bukanlah sahaja sewajarnya menghadkan perspektif kita kepada pelabuhan sahaja. Kita sewajarnya melihat pelabuhan ini dalam konteks industri yang lebih luas lagi. Industri-industri yang ada kaitan dengan pelabuhan, ialah industri insurans, industri yang berkaitan dengan kargo dan juga dengan freight. Industri yang besar berkaitan dengan pelabuhan ialah industri perkapalan dan melatih dan mengembangkan tenaga manusia yang ada kaitannya dengan industri-industri yang saya sebutkan tadi.

Saya tidak bercadang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang supaya mempunyai peranan yang lebih daripada yang sewajarnya, tetapi saya berpendapat bahawa siapa jua yang mengendalikan sesuatu pelabuhan, ia sewajarnya mempunyai dan memainkan peranan yang tertentu untuk mengembangkan bersama industri-industri yang saya sebutkan di atas.

Sebagai satu contoh, industri perkapalan di negara kita ini. Kalau kita lihat syarikat-syarikat seperti PNSL ataupun syarikat-syarikat MISC ataupun syarikat-syarikat perkapalan swasta, mereka memerlukan kemudahan-kemudahan yang tertentu daripada pihak pelabuhan dan mereka juga mempunyai peranan yang besar dari segi mengurangkan pengaliran tukaran wang yang berbentuk "invisible", dengan izin. Oleh yang demikian saya percaya bahawa adalah lebih berkesan lagi jika sekiranya industri-industri yang ada kaitan antara satu dengan yang lain ini dapat duduk bersama dan bekerjasama, sama ada ianya datang daripada bidang perkapalan ataupun bidang

insurans ataupun bidang kargo, bahkan mereka yang mentadbir dan mengusahakan pelabuhan dapat bekerjasama supaya tukaran asing yang begitu besar, yang ada kaitannya dengan industri yang saya sebutkan ini dapat kita kurangkan dan pertelagahan dan pertelingkahan yang wujud sekarang ini di antara sesama mereka sama ada di antara mereka dalam industri perkapalan ataupun industri insurans akan dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa pihak Kementerian Pengangkutan maklum tentang perkara ini dan saya harap bahawa pihak Kementerian berhasrat dan juga berupaya melihat perkara ini daripada perspektif yang agak luas sedikit yang saya cadangkan itu.

Seterusnya saya ingin mencadangkan supaya Pelabuhan Pulau Pinang ini sewajarnya dilihat dalam konteks pelabuhan-pelabuhan yang ada dalam dunia ini kerana pelabuhan-pelabuhan ini mempunyai persatuan dan perjanjian antara satu dengan yang lain. Mereka mempunyai persatuan-persatuan mereka, mempunyai perjanjian-perjanjian di peringkat antarabangsa. Dengan demikian saya mengharapkan supaya Pelabuhan Pulau Pinang pada masa-masa yang akan datang akan terus dapat memainkan peranannya di peringkat antarabangsa bukan sahaja sebagai salah satu daripada keahlian persatuan antarabangsa pelabuhan-pelabuhan, bahkan juga mengambil kesempatan sepenuhnya supaya dapat meningkatkan taraf Pelabuhan Pulau Pinang kepada tingkat yang lebih tinggl lagi dan boleh diterima di peringkat antarabangsa sebagai salah satu daripada pelabuhan yang mempunyai keupayaannya sendiri.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut peruntukan yang diberikan kepada Perdana Menteri

dalam pindaan ini. Kalau kita lihat di negara-negara lain, kesatuan-kesatuan sekerja yang paling kuat yang sering menjadi masalah kepada sesebuah Kerajaan ialah apa yang dipanggil the Stevedoring Union, kesatuan-kesatuan pekerja yang ada kaitannya dengan pelabuhan. Sebagai contoh di Australia ataupun di England, dengan izin, mereka cenderung ke arah memadukan kekuatan mereka sebagai satu kesatuan dan sering membuat tindakan untuk mogok dan sebagainya, maka timbullah masalah untuk mengendatikan sesuatu pelabuhan.

Saya mengalu-alukan peruntukan ini kerana saya fikirkan amat perlu kerana walaupun di negara kita tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak pekerja-pekerja di pelabuhan-pelabuhan yang ada di Malaysia pada hari ini tidaklah mencurigakan kita, tetapi oleh kerana ianya mungkin diswastakan pada satu hari nanti, dan apabila kita melihat sejarah Stevedoring Union, dengan izin, di merata dunia, maka peruntukan dari segi kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri adalah amat wajar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan-pandangan daripada saya. Saya dengan sukacita menyokong Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

5.18 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahar di bawah satu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, 1955.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan pemindaan yang telah dibuat kepada Dewan yang mulia ini oleh Kementerian bericenaan, tetapi ingin membawa ke perhatian Kerajaan semua pemindaan harus digunakan untuk membaiki keadaan bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga untuk menaikkan kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Pulau Pinang dan juga rakyat di seluruh negara kita.

Di bawah ini saya ingin menyentuh di atas tiga aspek. Yang pertama ialah berkaitan dengan kadar pembayaran untuk perkhidmatan feri yang diadakan dan telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini. Apabila Jambatan Pulau Pinang telah dimulakan untuk pembinaan, rakyat Pulau Pinang dan juga seluruh negara kita telah berharap kadar pembayaran untuk perkhidmatan feri boleh diturunkan tetapi sebenarnya apa yang telah berlaku ialah kadar yang dibayar masih dikekalkan dan boleh jadi dengan pemindaan Akta Jni satu kenaikan kadar ini boleh dilakukan.

Apa yang saya ingin membawa kepada Kementerian berkenaan sebenar-benarnya kita harus mengkaji bagaimana kita boleh mengurangkan kadar pembayaran di atas perkhidmatan feri oleh kerana sepertimana kita telah dimaklumkan sebenar-benarnya kadar ini ialah satu kadar yang tertinggi di dalam seluruh negara kita. Dan untuk mengurangkan kadar pembayaran di atas perkhidmatan, saya rasa kita harus mengkaji bagaimana kita boleh menaikkan pendapatan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini.

Saya ingin membawa kepada perhatian Kerajaan, kuasa yang telah diberi dalam Akta ini untuk menggunakan tanah dan lain-lain perkara berkaitan dengan pelabuhan ini harus digunakan untuk menaikkan pendapatan Suruhanjaya ini.

Sebagai contohnya, saya ingin membawa kepada Kerajaan sebagaimana Pelabuhan di Hong Kong telah digunakan untuk menaikkan pendapatan pelabuhan itu. Di sana terdapatlah satu perkhidmatan berkaitan dengan floating restaurant ataupun floating hotel. Di sini misalnya saya boleh beri cadangan kepada Kerajaan untuk menggunakan feri-feri lama yang boleh ditukar kepada floating restaurant ataupun floating hotel di mana petancong boleh ditempatkan untuk memberi lebih faedah kepada pelabuhan kita.

Yang kedua, saya ingin juga memandangkan iaitu kuasa yang telah diberi kepada Kerajaan haruslah digunakan untuk menggunakan tanah terbiar di dalam kawasan pelabuhan ini sebagai satu kawasan perindustrian kecil di mana kita boleh gunakan tanah itu untuk mendirikan industri-industri kecil yang memberi peluang untuk eksport keluar negeri.

Yang ketiga, tanah yang ada di dalam pelabuhan ini boleh digunakan untuk mendirikan satu kawasan perniagaan di mana semua pejabat-pejabat ataupun perniagaan-perniagaan berkaitan dengan perkhidmatan feri ataupun perkhidmatan pelabuhan ini boleh ditempatkan untuk menaikkan pendapatan Suruhanjaya kita. Inilah cadangan saya yang boleh diberi perhatian sementara Kementerian yang berkenaan juga boleh mengkaji lain-lain cara untuk menaikkan pendapatan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang ini untuk menjalankan tugasnya dengan lebih cekap dan semasa itu juga untuk mengurangkan kadar pembayaran di atas perkhidmatan feri yang telah dilakukan.

Seterusnya saya suka juga membawa kepada perhatian Kerajaan iaitu semua aspek berkaitan dengan pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau

Pinang harus dikaji sampai ke satu masa di mana pekerja-pekerjanya tidak dibuang daripada perkhidmatan mereka dan boleh sampai ke satu peringkat di mana pendapatan pekerja-pekerja yang bertugas dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang boleh dinaikkan. Saya rasa pekerja-pekerja yang ada pada masa ini telah berkhidmat kepada Suruhanjaya ini beberapa tahun dan Kerajaan harus membawa kepada mereka satu keputusan yang baik berkaitan dengan perkhidmatan dan pendapatan dan juga di masa akan datang bagaimana mereka akan menjalankan tugasnya dan juga perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah cadangan saya untuk membaiki perkhidmatan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan saya berharap Kementerian yang berkenaan boteh menjawab di atas perkara ini. Dengan itu saya menyokong Akta Pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.24 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahrnah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan). Saya fikirkan tadi tidak ada orang berminat untuk membahaskan sehingga loceng berbunyi. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah saya lihat ramai yang begitu berminat kerana ini satu-satunya pindaan yang amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat memahami tujuan tersirat dalam pindaan Rang Undang-undang ini iaitu untuk membuat persediaan peruntukan undang-undang dalam Akta berkenaan supaya penswastan itu

boleh dijalankan dengan baik dan terjamin. Ini merupakan satu peruntukan sebagai satu persediaan apakala Pelabuhan Pulau Pinang akan diswastakan, maka sudah ada peruntukan undang-undang dalam Akta itu yang membolehkannya. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan sedikit jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan.

Pertama, kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang membangkitkan masalah jaminan ke atas penggunaan feri. Sebenarnya Kementerian ini sedang mengambil satu tindakan untuk meminda peruntukan lain di bawah Akta ini secara berasingan dalam soal pengguna feri ini. Walau bagaimanapun, berkaitan dengan jaminan kepada pengguna-pengguna feri, mereka sebenarnya boleh membuat tuntutan pembayaran sekiranya kecederaan berlaku atau timbul dah kecuaiian atau kelalaian pihak Suruhanjaya. Sebenarnya, Suruhanjaya ini mempunyai satu skim insurans yang dinamakan "Marine Haul and Liabilities". Jadi, perkara ini jika dibangkitkan dan ada satu dua Ahli Yang Berhormat tadi yang telah membangkitkan soal keselamatan pengguna-pengguna feri itu saya harap akan diambil perhatian.

Yang Berhormat daripada Lembah Pantai telah mengatakan mengenai perkhidmatan feri itu untuk mengangkut orang-orang awam dan tidak pula mengangkut kenderaan. Maka sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum apabila pembinaan jambatan dibuat, Kerajaan tidak bertujuan untuk menutup perkhidmatan feri. Orang ramai adalah diberikan satu pilihan (option) untuk menggunakan jambatan ataupun feri. Dengan yang demikian adalah terpulang kepada orang ramai sama ada hendak menggunakan jambatan ataupun feri Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan dan berharap perkhidmatan di Pelabuhan Pulau Pinang apabila diswastakan tidak membebankan rakyat. Saya juga berpendapat demikian. Sungguhpun perkhidmatan ini akan diswastakan, semua permohonan untuk menaikkan kadar bayaran bagi mana-mana perkhidmatan masih perlu mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri. Dengan yang demikian, Kerajaan masih mengawasi kadar sama ada dinaiki ataupun diturunkan demi kepentingan rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuantan telah membawa beberapa cadangan yang baik yang sewajarnya dipertimbangkan. Satu daripadanya ialah soal asset stripping. Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan sedang diambil untuk melantik sebuah bank swasta agar mengkaji cara mana pelabuhan ini akan diswastakan kelak. Skop kajian ini meliputi perkara-perkara berkaitan dengan assets dan liabilities. Tindakan penswastakan akan diambil berdasarkan kepada kajian ini kelak.

Berkaitan dengan teguran Yang Berhormat dari Kuantan juga ada menyebutkan, tidak ada peruntukan mengenai operasi pelabuhan bagaimana untuk menarik banyak lagi kapal-kapal singgah ke pelabuhan. Peruntukan yang diadakan adalah untuk membolehkan Pelabuhan Pulau Pinang diswastakan dan dia tidaklah mengenai operasi pelabuhan, cara-cara untuk menarik lebih banyak lagi kapal singgah ke Pelabuhan Pulau Pinang akan dijalankan oleh syarikat yang mengendalikan pelabuhan itu nanti.

Beliau juga menyentuh berkenaan dengan lesen tidak membebankan orang awam. Lesen yang akan dikeluarkan adalah untuk membolehkan syarikat swasta itu menjalankan aktiviti di pelabuhan

sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, jadi lesen yang dikeluarkan itu adalah merupakan satu keperluan di bawah undang-undang bagi membolehkan satu-satu syarikat itu menatangkan aktiviti yang kita maksudkan di dalam penswastakan itu.

Berhubung dengan pekerja-pekerja seperti yang terdapat dalam penswastakan Pelabuhan Kelang, pekerja-pekerja akan diberikan peluang untuk menyertai syarikat baru dengan tidak mengalami apa-apa kerugian dari segi pendapatan. Ini merupakan satu jaminan yang dibuat oleh Kerajaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Yang Berhormat dari Ledang menyebutkan berkenaan dengan membangkitkan usaha menjadi hinterland Pelabuhan Pulau Pinang lebih luas lagi dan dia menyentuh berkenaan dengan insurans yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan hinterland ini, sebenarnya Yang Berhormat, Kerajaan sedang menjalankan satu kajian yang bernama Kajian Pelabuhan Kebangsaan (National Board Policy) yang akan tamat kajiannya akhir tahun ini. Kajian ini dapat mengemukakan cadangan ke atas perkembangan pelabuhan-pelabuhan di negara ini dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk menambahkan prestasi di setiap pelabuhan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Pasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

HARI THAIPUSAM SEBAGAI CUTI AM

5.35ptg.

Tuan P. Pato (Ipoh): Tuan Speaker, saya bangun untuk membawa satu usul atas nama saya yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa Hari Thaipusam hendaklah diisytiharkan sebagai cuti am bagi seluruh negara mulai 1988 oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Hari Thaipusam adalah satu hari kebesaran bagi penganut-penganut agama Hindu dan Hari Thaipusam dalam negara kita sudah pun menjadi satu perayaan kebangsaan di mana terdapat perayaan ini di hampir semua bandar-bandar besar di mana terdapat kuil-kuil Hindu dan juga di bandar-bandar kecil dan di luar bandar, estet dan sebagainya di mana terdapat kuil-kuil Hindu dan penganut-penganutnya.

Tuan Speaker, negara kita sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang agama, budaya dan bahasa. Dan dengan mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti am, maka kita dapat mencerminkan betapa bebas kita terhadap penikmatan kebebasan

agama untuk rakyat dalam negara kita dan kebebasan agama terjamin dalam Parlimen dan dengan meluluskan usul ini, maka kita akan menekankan sekali lagi bahawa Kerajaan memegang teguh kepada apa yang tercatat dalam Perlembagaan kita.

Tuan Speaker, perayaan Hari Thaipusam ini boleh dikatakan perayaan Thaipusam yang terbesar dalam dunia, oleh kerana di mana juga terdapat penganut-penganut Hindu khususnya keturunan Dravidian sama ada di Tamil Nadu di India atau di Kerala, di Andhra Pradesh ataupun di Singapura atau di Fiji, di Mauritius, di Sri Lanka, kalau kita bandingkan perayaan Thaipusam, maka Malaysialah teragung sekali bagi perayaan Thaipusam.

Setiap tahun dalam masa lampau bekas Perdana Menteri pun pernah menghadiri dan berucap kepada khalayak ramai pada hari Thaipusam di Batu Caves dan Batu Caves adalah nama yang teragung apabila disebut perayaan Thaipusam, diikuti oleh Pulau Pinang, Ipoh dan bandar-bandar besar yang lain. Memandangkan ini, iaitu nama negara Malaysia bersabit dengan Thaipusam sudah pun tercatat di dunia dan kita juga mendapati dalam brosur-brosur yang digunakan oleh persatuan-persatuan pelancongan yang menggalakkan pelancong-pelancong masuk ke dalam Malaysia menggunakan Thaipusam sebagai salah satu bahan untuk menarik pelancong dan biasanya pada hari Thaipusam kita dapat nampak pelancong-pelancong daripada luar negeri yang juga datang untuk menyertai dalam perayaan ini. Pada hari ini kita boleh mengatakan bahawa perayaan hari Thaipusam tidak terhad kepada cuma kaum Hindu sahaja, malah orang-orang yang bukan beragama Hindu juga melibatkan diri, melainkan mereka yang tidak mempercayai kepada agama Hindu.

Di samping itu juga, kita dapati bahawa desakan-desakan daripada orang ramai yang sering meningkat untuk meminta pihak Kerajaan mengumumkan atau mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai cuti am. Dengan berbuat demikian, dengan pihak Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan hari Thaipusam sebagai cuti am mulai 1988, maka negara kita boleh menuju ataupun boleh mengambil satu lagi langkah menuju ke arah, dengan izin, "a model multi religious state" bagi dunia luar. Kini kita dapati bahawa 4 buah negeri, bukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri memutuskan untuk menjadikan hari Thaipusam sebagai cuti am bagi negeri-negeri itu sahaja, iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Oleh kerana terdapat perayaan ini diraikan di negeri-negeri lain di mana terdapat orang-orang Hindu dan juga terdapat orang-orang Hindu yang terpaksa mengambil cuti untuk datang ke Pulau Pinang, Perak atau Selangor untuk merayakan hari ini, maka sudahlah menjadi wajar bagi Dewan ini untuk mengambil ketetapan bahawa hari Thaipusam ini hendaklah diisytiharkan sebagai cuti am bagi seluruh negara.

Di samping itu juga, saya mengingatkan Kerajaan Persekutuan bahawa baru-baru ini saya dapat tahu bahawa di Wilayah Persekutuan Labuan ada satu cadangan untuk memansuhkan kedua-dua hari ataupun mengurangkan 2 hari kepada 1 hari bagi, dengan izin, "Harvest Festival" di Labuan supaya membolehkan hari Deepavali dijadikan sebagai hari cuti am. Saya rasa percubaan untuk memansuhkan 2 hari cuti am bagi Harvest Festival di Labuan supaya Deepavali boleh menjadi cuti am adalah satu langkah yang tidak adil bagi penduduk-penduduk di Labuan. Malah apa yang patut dibuat iaitu untuk menambah cuti am bagi Labuan dengan menambahkan Deepavali sebagai cuti am dan bukan untuk

menafikan penduduk-penduduk di Labuan yang selama ini meraikan Harvest Festival itu. Dan tambahan pula apabila Thaipusam diisytiharkan sebagai cuti am mulai tahun depan, saya harap pihak Kerajaan Persekutuan tidak akan menarik balik 2 hari cuti am bagi Harvest Festival di Labuan itu demi kepentingan rakyat dan demi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, agama, budaya dan bahasa.

Dengan itu, Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

5.46ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong):
Tuan Speaker, saya menyokong usul itu.

Tuan Speaker, usul yang dicadangkan oleh rakan saya dari Ipoh jadi satu usul penting, satu usul mustahak bagi pihak orang beragama Hindu dalam negara kita. Malangnya apabila usul ini ada dibentangkan hari ini untuk perbahasan, bagi MIC ada satu Ahli Yang Berhormat sahaja dalam Dewan ini. Inipun tentu, dengan izin, "when it comes to brass tacks" tidak boleh berdiri oleh kerana "he has got soft knees" atas perkara ini. Mana pemimpin utama Menteri Kerjaraya, mana dia sekarang? Inilah masa, Tuan Speaker, masa apabila pemimpin-pemimpin MIC tentu hadir di Dewan ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas usul ini.

Tuan Speaker, masa dahulu dalam Dewan yang mulia ini ada satu Ahli Yang Berhormat namanya "Wan Najib", ketika beliau dalam Dewan yang mulia ini berucap dalam satu masa, beliau ada cakap "apabila lihat satu orang India dan seekor ular, pukul India dahulu" (*Ketawa*). Dan baru-baru ini juga di Kelang apabila ada satu perkahwinan sepasang Hindu dalam satu sekolah, jikalau saya tidak silap, ataupun dalam satu "community hall", dengan izin, iaitu balairaya saya ingat

bagi orang Islam atau satu kolej, apa yang penting ialah apa yang terjadi dalam satu majalah. Dalam perkara ini satu laporan polis ada dibuat oleh Presiden MHYC baru-baru ini. Dalam majalah itu ada perkataan seperti ini, "agama Hindu jadi musuh agama Islam, orang Hindu jadi infidels". Laporan itu ada dibuat dalam Balai Polis Kelang, saya ingat 4 hari dahulu dan atas laporan itu dalam akhbar New Straits Times baru-baru ini ada satu laporan juga. Dalam laporan itu OCPD bagi Balai Polis Kelang ada kata, "Apa ada dilapor sudah dihantar kepada pihak-pihak tertentu untuk diambil keputusan". Siapa pihak-pihak itu? Polis tentu jadi pihak yang ambil tindakan. Bukankah apa yang terjadi apabila Wan Mohd. Najib ada dalam Dewan yang mulia ini melafazkan perkataan-perkataan seperti apa yang saya katakan tadi, "jika lihat orang India dan ular, pukul India dahulu". Masa itu mana pemimpin besar MIC? Mana dia masa itu? Dan masa itu juga, Tuan Speaker.....

Puan Ling Chooi Sieng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang minta penjelasan?

Puan Ling Chooi Sieng: Minta penjelasan.

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, boleh. Perempuan pun kami tidak takut. (*Ketawa*)

Puan Ling Chooi Sieng: Adakah Yang Berhormat dari Jelutong sedar, dengan izin, "if you see an Indian and a snake, kill the Indian", itu merujuk kepada "Red Indians". Di zaman dahulu di Amerika "Red Indians" (*Boo!*) lebih berbahaya daripada rattler.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ini orang India di Amerikalah?

Tuan R. Karpal Singh: Apa itu "grandmother story". (*Ketawa*). Grandmother story, I tell you that.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Ahli dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Inilah apa yang dikatakan membuang masa (*Ketawa*). Grandfather story, that is what apa yang dicakapkan tadi.

Tuan Speaker, masa itu Wan Mohd. Najib bukan merujuk kepada "Red Indians" di Amerika Syarikat tetapi orang Hindu di sini. Bolehkah ini dinafikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan sekarang? Jikalau beliau berani, berdiri, jikalau boleh. Tidak. Masa itu pun, tiada apa-apa bantahan yang ada dibuat dalam Dewan ini oleh mana-mana pihak MIC masa itu.

Seorang Ahli: They are "Red Indians" (*Ketawa*)—MIC punya "Red Indians".

Tuan R. Karpal Singh: Baru-baru ini hari jadi pemimpin MIC, ada banyak.

Dato* K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat minta penjelasan?

Dato' K. Pathmanaban: Point of order 36.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan berapa?

Dato' K. Pathmanaban: Ya, relevance. Apa kena mengena perkara-perkara ini semua dengan usul yang dibawa mengenai cuti Thaipusam?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Peraturan berapa?

Dato' K. Pathmanaban: 36 (6), 36 (2), minta maaf. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: 36 (2) pun tidak ada

Dato' K. Pathmanaban: 36, relavent. Usul ini tidak kena mengena. Membuang masa. Dia kata Yang Berhormat dari Keluang membuang masa. Ini berapa kali membuang masa, bukan sahaja membuang masa tetapi menghina Dewan di sini. Tetapi saya minta Tuan Yang di-Pertua jangan membenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan P. Patto: Point of order. Point of order yang disebutkan 36(2) adalah berbunyi. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Ipoh duduk. . . .

Tuan P. Patto: . . . tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan P. Patto: . . . sekira-kira pada timbangan Pengerusi harus merosakkan kepentingan-kepentingan pihak yang berbicara itu. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh, duduk. Sila duduk Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan P. Patto: 36 (2). My god!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Jelutong, sila teruskan dengan menumpukan perbahasan kepada usul yang tertentu.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, lerdahulu daripada saya menyambung ucapan saya, apa yang

dikatakan oleh rakan saya dari Ipoh kelmarin, Menteri ini bukan Menteri "Buruk" tetapi Menteri tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jelutong, kita membincangkan. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Bukan "buruk", "tidak baik".

Dato K. Pathmanaban: Apa yang berlaku ini saya rasa kurang ajar. Mesti dikeluarkan lagi sekali. . . .

Seorang Ahli DAP: Tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, kedua-dua sila duduk.

Tuan P. Patto: Perkataan "Kurang ajar". . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk, sila duduk. Yang Berhormat sila duduk.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya kata sila duduk.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sila duduk. Tidak ada tarik ini. Saya minta Yang Berhormat sekalian menumpukan perbahasan kepada usul yang dibahaskan mengenai dengan "Hari Thaipusam" sahaja. Sekiranya Yang Berhormat Yang Berhormat menyebut nama-nama lain dalam Dewan ini, saya tidak akan benarkan ucapan diteruskan. Silakan Yang Berhormat dari Jelutong teruskan.

Tuan P. Patto: Point of order 36(4)—adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap. Saya dapati. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya tidak layan.

Tuan P. Patto: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan P. Patto: Point of order. Saya rasa Tuan Speaker tidak ada jalan lain melainkan mendengar apa point of order itu dan Tuan Speaker boleh mengambil keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk.

Tuan P. Patto: Tadi Yang Berhormat itu menggunakan perkataan kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk dahulu.

Tuan P. Patto: Baik. Kami akan gunakan perkataan itu terhadap dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Saya membuat keputusan tadi, sebelum perkara ini dibawa, bahawa Yang Berhormat dari Jelutong teruskan ucapannya. Saya tidak akan layan apa-apa perkara lain lagi. Sila Yang Berhormat dari Jelutong teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas point of order. Dan di bawah Peraturan Mesyuarat, sesiapa boleh berdiri atas point of order bila-bila masa. Itulah Peraturan Mesyuarat untuk menjaga ketenteraman dan peraturan dalam Dewan yang mulia ini dan apabila ada

sesiapa yang mengeluarkan bahasa yang biadap, kita sekarang di sini mahu minta satu ruling dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua, sama ada "kurang ajar" boleh dipakai, sama ada "kurang ajar" parliamentary dan kalau Yang di-Pertua membuat satu ruling bahawa "kurang ajar" parliamentary, boleh dipakai, kita mematuhi. Tetapi kalau itu tidak parliamentary, tidak boleh dipakai, kita minta bahawa Yang di-Pertua menjalankan kuasa, tanggungjawab, tugas dalam tangan Yang di-Pertua mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat untuk mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tarik balik bukan sahaja perkataan "kurang ajar" tetapi kalau dia enggan, untuk menghalaukan daripada Dewan yang mulia ini (*Tepuk*), oleh kerana tatatertib patut dikenakan kepada sesiapa, tidak kira baikpun dia Timbalan Menteri atau dia MIC, itu tidak mustahak. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, apa yang berlaku semasa saya menjalankan tugas saya sebagai Pengerusi Majlis ialah supaya perjalanan mesyuarat kita teratur. Tetapi kadang-kadang perkataan-perkataan biadap dikeluarkan sewenang-wenangnya untuk mengelirukan keadaan dalam Dewan ini. Saya tidak akan benarkan lagi hujah-hujah ataupun perkataan-perkataan yang digunakan dengan sewenang-wenangnya, dan dalam pada itu saya tidak dengar perkataan "kurang ajar" disebut oleh mana-mana pihak—(*Boo*). Oleh itu, saya memutuskan bahawa Ahli dari Jelutong teruskan ucapan beliau.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang mustahak. Kita semua ada di sini, semua ada dengar. Baikpun kita terima Yang di-Pertua tidak dengar, tetapi saya percaya Yang Berhormat

Timbalan Menteri seorang yang jujur, ikhlas, bukan seorang pembohong, dia akan mengakui dia ada mengeluarkan kenyataan. Kalau dia menafikan, itu tain hal. Benarkan dia membuat satu penjelasan sama ada dia ada mengeluarkan atau tidak perkataan-perkataan itu. Kalau dia kata dia tidak buat begitu, kita pun terima, kita terima penafian dia. Tetapi kita semua tahu apa dia sudah buat. Saya rasa kita tidak boleh lari daripada satu perkara yang mustahak. Oleh kerana kalau boleh buat begitu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya katakan saya tidak dengar perkataan "kurang ajar" disebutkan. Sekiranya ada di antara ahli-ahli yang menyebutkan perkataan itu, sila bangun dan beritahu saya.

Dato* K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti. Saya hendak tahu, mana-mana ahli yang ada menyebutkan perkataan "kurangajar", silabangun. Sebab saya tidak dengar, saya buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada dengar.

Ahli-ahli DAP: (*Bangun*) Kami di sini semua dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta ahli dari Jelutong teruskan.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, oleh kerana orang yang menggunakan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum habis. Point of order belum dthabiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, duduk. Saya kata saya tidak dengar perkataan biadap disuarakan, Saya minta mana-mana ahli yang menyebutkan perkataan "kurang ajar" itu bangun.

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Ahli-ahli DAP: Ya.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi penjelasan.

Seorang Ahli: Sudah cakap.

Dato' K. Pathmanaban: Diamlah! Apa lagi. Saya sudah diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti-nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Satu perkara, mahu akui atau tidak akui?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, beri peluang kepada beliau untuk bercakap, beri peluang.

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah. Dia minta penjelasan, saya beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan sedemikian. Selepas itu akui atau tidak akui? Penjelasan, mitigation sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah berdiri, sudah mengakui.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin.

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang dia pick mitigation sahaja.

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah bosan dengan Ahli Yang Berhormat, khususnya dari Jelutong yang pada semalam sudah dikenakan arahan (*Disampuk*). Saya hendak jelaskan.

Seorang Ahli: Jangan lari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Biar lepas. Sudah beri.

Tuan R. Karpal Singh: Apa yang saya lakukan kelmarin habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti-nanti. Yang Berhormat duduk, duduk. Okay teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Duduk, duduk! Tuan Speaker kata duduk.

Dato' K. Pathmanaban: Saya diminta beri penjelasan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada atau tidak. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Tak usahlah tukar perkataan you sekarang.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan buat satu ucapan. Kalau mahu ucapan itu lain hal. Nanti saya pun ada kebenaran saya pun mahu satu ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk! duduk!

Dato' K. Pathmanaban: Saya pun ada banyak mahu cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, begini.

Dato' K. Pathmanaban: Duduk! duduklah!

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perbincangan nanti saya boleh cakap. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, duduk. Saya minta penjelasan sama ada, adakah atau tidak perkataan "kurang ajar" disebut atau tidak? Kalau tidak ada, kata tidak ada.

Dato' K. Pathmanaban: Saya hendak jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti! nanti!

Dato' K. Pathmanaban: Bodoh, duduklah! (*Disampuk*). Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat. Duduk! duduk! Adakah tidak sebut perkataan "kurang ajar"?

Dato' K. Pathmanaban: Kerana itu benar. Saya ada pakai. (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti! nanti, kalau ada saya minta perkataan itu ditarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Saya hendak tarik balik dengan penjelasan. (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta perkataan itu ditarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Dengan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta tarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Saya rasa jika benar. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tanpa syarat kena minta maaf?

Dato' K. Pathntanaban: Jika keadaan benar, tidak salah pakai dalam Parlimen. Jika orang itu begitu, kerana dirulekan oleh Tuan Speaker semalam perkataan "buruk" itu tidak boleh dipakai kepada Timbalan Menteri. Dipakai tadi oleh Yang Berhormat dari Jelutong, sebab itu saya kata dia kurang ajar, itu sebab.

Tuan R. Karpal Singh: Ini buang masa. Masa yang saya had untuk mengambil bahagian . . .

Tuan P. Patto: Point of order 44(1) "Pengerusi setelah menarik perhatian Majlis Mesyuarat ke Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena mengena. . . ". Dan tadi Tuan Speaker sendiri ada membuat arahan mengikut Peraturan Mesyuarat 44(2), budibicara Tuan Speaker untuk menarik balik. Sekarang saya mahu Tuan Speaker menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 44(2), oleh kerana beliau berdegil-degil tidak mahu menarik balik perkataan "kurang ajar" tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tanpa penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya hendak tahu di mana dalam Standing Order, saya terpaksa tarik balik dengan tidak ada apa-apa penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay.

Dato' K. Pathmanaban: Jadi, saya tidak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, hendak tarik balik? Sila duduk.

Dato' K. Pathmanaban: Saya memang hendak tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk!, sila duduk! Sudah tarik balik? Teruskan Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, belum tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah tarik balik. Terus! teruskan!

Tuan R. Karpal Singh: Sudah tarik balik, sudah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Beliaucakap dengan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan buang masa lagi.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi Timbalan Menteri ada merujuk kepada apa yang berlaku kelmarin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat teruskan hal Thaipusam, ini mustahak.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, ini pun bersangkutan dengan Thaipusam (*Ketawa*). Mana Timbalan Speaker, beliau pun dalam MIC, mana dia sekarang? Tempat dia, Tuan Speaker, selepas tugas atas kerusi Tuan Speaker, sudah habis pergi kerusi di sana untuk duduk sana. Mana dia sekarang? Oleh kerana Tuan Speaker, ini jadi satu usul penting bagi orang-orang Hindu, dalam negara ini, Presiden tidak ada di sini. Siapa yang ada di sini, satu Timbalan Menteri yang tidak baik (*Ketawa*). Itu tidak cukup bagi kepentingan orang-orang Hindu dalam negara ini atas satu usul yang maha penting apa yang saya kata tadi bagi

orang-orang Hindu. Luar Dewan, Tuan Speaker, Presiden MIC, ini bukan MIC, seharusnya jadi M-I-C-E. Ini semua dalam MIC. Luar Dewan macam harimau, dalam Dewan, Tuan Speaker, bila usul seperti ini yang ada kena mengena penting bagi pihak orang-orang Hindu semua pihak tidak ada di sini kecuali satu Timbalan Menteri yang. . . .mana dia? Saya minta maaf, ada satu yang sembunyi di sana (*Ketawa*). Jangan sembunyi dalam perkara ini. Saya cabar kedua-dua MICE ini untuk berdiri selepas saya habis ucapan saya dan sokong penuh (*Tepuk*) usul ini. Jikalau kedua-dua pengkhianat bagi pihak orang beragama Hindu tidak berani sokong,

Dato' K. Pathmanaban: Adakah orang ini beragama Hindu? Yang cakap ini hendak cabar kepada saya yang benar-benar 100% beragama Hindu. Yang Berhormat ini bukan beragama Hindu. Apa dia mahu ambil tahu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya orang India.

Dato' K. Pathmanaban: Dia bukan Hindu (*Ketawa*). Peter Paul Dason bukan Hindu. Jadi, apa dia hendak cabar saya? Saya Hindu tulen (*Disampuk*), bukan dia.

Tuan R. Karpal Singh: Hindu tulen, itu betul tadi, sudah kena tangkap, Hindu tulen. Selepas ini bolehkah Hindu tulen ini. . . .

Seorang Ahli: Sokong! sokong!

Tuan R. Karpal Singh: . . . yang tidak ada tulang belakang, bolehkah dia sokong? Bolehkah dia berani sokong secara terbuka usul ini. . . .

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta penjelasan? Duduk! duduk!

Dato' K. Pathmanaban: Tidak berani

Tuan R. Karpal Singh: Ini cara boleh ambil jalan.

Dato' K. Pathmanaban: tulang belakang dia cakap. Saya hendak tahu, adakah jaguh orang Hindu ini orang Hindu ini? Bukan, dia main politik sama orang Hindu. Jadi, mahu cabar saya pula. Saya duduk sini saya pun ada masa. Ada tempat, ada peranan untuk saya cakap. Masa saya, giliran saya, saya akan cakap. Tidak payah untuk ini orang yang bukan Hindu hendak timbul-timbulkan mencerobohi perasaan saya dan orang Hindu di Dewan yang mulia ini dengan kata-kata seperti apa yang dia kata. Bila kita mahu cakap, kita akan cakap. Tidak akan lari, tidak akan lari. Saya minta tidak usah dia mencerobohi perasaan orang Hindu di dalam Dewan ini. Orang bukan Hindu tidak ada kuasa untuk main perasaan seperti itu. Itu, saya beri amaran kepada beliau. (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Saya huraikan, Tuan Speaker, satu orang yang tidak ada tulang belakang memberi amaran kepada satu. . . . (*Disampuk*)

Dato' K. Pathmanaban: 108 bulan gigi semua ada. Saya syak ini tidak ada. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Rupanya satu gajah itu juga. Bukan ada apa-apa lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Dato' K. Pathmanaban: Dia kata rupa gajah, apa rupa gajah kena mengena dengan usul Thaipusam dan

tempat saya dalam Dewan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada kena mengena.

Tuan R. Karpal Singh: Oleh kerana latarbelakang bukan Menteri, Timbalan Menteri, tetapi semua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk dahulu!

Tuan R. Karpal Singh: . . .Yang Berhormat MIC latarbelakang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Saya fikir usul ini amat penting untuk dibincangkan dengan secara serius. Jadi, haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian ini menumpukan pada usul ini secara dasarnya. Jangan menyentuh kelakuan-kelakuan Ahli-ahli lain. Kalau itulah caranya tidak dapat kita hendak menyampaikan message kita terhadap usul ini. Jadi, saya minta sekali lagi Yang Berhormat dari Jelutong meneruskan ucapannya tanpa menyentuh mengenai dengan perkara-perkara Ahli-ahli yang lain yang ada di Dewan ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya tamatkan ucapan saya dan saya harap selepas saya habis jaguh Hinduism itu berdiri dan terbuka beri sokongan penuh kepada Usul ini. Saya tidak mahu cakap apa-apa lagi sekarang. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

6.10ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang

mutia ini bahawa walaupun saya bukan seorang jaguh orang Hindu tetapi saya seorang rakyat Malaysia yang percaya negara kita ini adalah sebuah negara yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang kebudayaan dan saya rasa siapa pun kalau dia adalah seorang rakyat Malaysia, dia berhak mengambil bahagian membahas Usul yang penting ini, Usul yang sebenarnya yang suci ini.

Saya rasa adalah elok kalau Kerajaan Barisan Nasional yang selalu mengakui sebagai sebuah Kerajaan yang berbilang kaum mengambil peluang ini untuk mengambil satu ketetapan iaitu mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai hari cuti am kepada seluruh negara.

Selain dari point-point, dengan izin, yang telah ditimbulkan oleh doa rakan-rakan saya iaitu dari Ipoh dan Jelutong, saya ingin beritahu Dewan yang mulia tni juga iaitu pada tahun 1980 saya sendiri pernah membentangkan satu Usul di Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan menyeru Kerajaan Negeri mengambil ketetapan mengisytiharkan Hari Thaipusam sebagai cuti am di negeri itu dan syukur kepada Tuhan selepas menunggu tujuh tahun iaitu dalam tahun yang ini Thaipusam telah menjadi satu hari cuti am di Negeri Sembilan. Dan dengan ini saya dengan secara ringkas ingin memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa saya sokong 100% Usul yang dibentangkan oleh rakan saya dari Ipoh dan disokong oleh rakan saya dari Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani,

6.13ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan perkara ini untuk

membetulkan beberapa perkara yang saya fikir mustahak. Pertama ialah mengenai kebebasan beragama. Bolehkah kita menjawab bahawa sekiranya Usul ini tidak mendapat persetujuan dan sekiranya tidak ada cuti am untuk Thaipusam, adakah ianya bermakna tidak ada kebebasan beragama lagi di dalam negara kita ini? Ini adalah satu soalan yang sangat besar, satu soalan yang sangat perlu mendapat jawapan yang tepat daripada kita semua.

Kita semua tahu bahawa pihak pembawa Usul juga telah mengakui bahawa ada negeri-negeri sudah pun memutuskan supaya hari perayaan Thaipusam itu dijadikan sebagai satu cuti am.

Pengakuan ini sendiri telah menunjukkan bahawa kita lebih mengamalkan kebebasan beragama lebih dari sepatutnya. Ada orang mengatakan kepada saya bahawa kebebasan beragama di negara kita ini lebih besar daripada negara-negara yang lain. Ada orang berkata kepada saya bahawa berhala-berhala yang ada di Malaysia ini sebagai negara yang kecil ini, lebih banyak berhala-berhala di Malaysia dari berhala-berhala di negara-negara yang lebih besar dari negara kita.

Ini adalah satu bukti yang sangat terang dan jelas kepada kita bahawa kita mempunyai kebebasan beragama yang sangat besar. Adakah kebebasan ini pula akan dilebihkan lagi dan akan merosakkan harmoni.

Jadi, dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada keputusan-keputusan Kerajaan Negeri yang menghormati agama berkenaan yang telah memberi cuti umum kepada hari tersebut. Kita harus mengambil perhatian kepada keadaan-keadaan di negara kita ini khususnya cuti Thaipusam.

Saya rasa negeri-negeri yang ada banyak berhala seperti Negeri Sembilan dan lain-lain, empat buah negeri yang disebutkan tadi itu, maka negeri-negeri itu telah ada membuat keputusan supaya Hari Thaipusam dijadikan sebagai cuti umum tetapi bagaimana halnya bagi negeri-negeri lain yang tidak ada berhala, kalau pun ada hanya satu atau dua seperti di Kelantan dan Terengganu, sekiranya kita membuat keputusan supaya perayaan Thaipusam dijadikan cuti umum saya bimbang akan ada perarakan secara besar-besaran di Negeri Terengganu, Kelantan atau di negeri-negeri lain yang sangat sensitif, maka kelak akan timbul satu masalah yang lain pula. Perkara ini ada hubung-kaitnya yang sangat besar dengan toleransi kita di dalam negara yang berbilang kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita tidaklah patut memaksa ke atas satu pihak sahaja atau hendak memukul paku ke atas satu pihak sahaja tetapi hendaklah kita memandang dan memerhatikan dari keseluruhan perkara itu. Jadi, saya rasa sudah patut dan lebih daripada patut cuti-cuti yang telah diperolehi daripada negeri-negeri berkenaan sebagai cuti perayaan Thaipusam.

Satu perkara yang saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini apabila kita memperkatakan tentang Thaipusam dengan sendirinya kita memperkatakan tentang hal agama. Saya tidak tahu pada pandangan saya yang singkat apabila kita memperkatakan tentang agama bererti kita memperkatakan sesuatu yang baik. Tetapi yang sangat malang bagi kita pada hari ini, kita bercakap sesuatu perkara yang pada pandangan ahli agama itu baik tetapi terbit dari mulut mereka kata-kata yang cemar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

6.20 ptg.

Tuan S. S. Subramaniam (Hulu Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berdiri untuk mengambil bahagian dalam Usul yang telah dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini bahawa MIC ialah satu parti yang bertanggungjawab yang mpnunaikan apa yang kita katakan bukan sahaja di dalam Dewan yang mulia ini, di luar juga. Kita bukanlah satu parti yang bising-bising sahaja di dalam Dewan yang mulia ini dan akan balik rumah dengan tidak ada hasil apa-apa daripada apa yang kita kata di dalam Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin juga membawa kepada perhatian bukan sahaja Dewan yang mulia ini kepada seluruh negara kita, empat negeri telah mengisytiharkan Thaipusam sebagai hari cuti am. Ini bukan daripada perjuangan daripada pihak DAP tetapi ialah daripada perjuangan parti MIC (*Tepuk*). Apabila kita mulakan perjuangan kita, kita akan mengumumkan sebagaimana kita akan memperjuangkan di atas cuti am untuk Thaipusam ini dan tidak payahlah satu parti yang tidak berlambangkan kaum India di dalam negara kita untuk memperjuangkan di atas perkara berkaitan dengan kaum India ini. Sekian, terima kasih. (*Tepuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

6.21 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya terpaksa juga berdiri di sini bukan kerana apa yang saya buat ini satu peraturan yang biasa. Biasanya seorang Menteri tidak mengambil bahagian dalam

perbahasan seperti ini; Menteri yang bertanggungjawab akan menjawab. Tetapi di dalam perkara ini saya minta izin, saya juga diberi peluang berucap sedikit di atas Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Ipoh mengenai hari Thaipusam ini.

Saya terpaksa berdiri kerana seperti saya katakan tadi saya protest tadi kerana Usul ini dibawa dan dijadikan sebagai satu bahan untuk mencero boh perasaan kita di dalam Dewan dan mencero boh perasaan orang Hindu pada amnya di dalam negara dan dijadikannya secara jelas-jelas tadi, secara bukti sekali oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dalam ucapan beliau. Tujuan Usul ini dibawa dan cara ianya dibawa jelas sekali. . . .

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Saya minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya belum habis, you duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya belum berl jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi dia sebut saya.

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya boleh jawab.

Dato' K. Pathmanaban: Bukan Tanjong, Jelutong. Minta maaf. (*Ketawa*)

Tuan Lim Kit Siang: Baiklah.

Dato' K. Pathmanaban: Tukar-tukar kawasan tiap-tiap kali kita bertanding. Jadi, inilah silap. Saya terpaksa berdiri kerana isu Thaipusam ini diputarbelitkan oleh seorang yang tidak sebenarnya memahami apa itu

Thaipusam, ataupun apa itu agama Hindu. Beberapa perkara yang dikatakan di sini saya rasa adalah terkeluar daripada Peraturan Mesyuarat dan saya telah protest beberapa kali mengenai perkara itu sampai saya naik marah juga dalam perkara ini kerana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah dengan jelasnya menunjukkan apakah sebab tujuan latar belakang dan muslihat dalam perkara Usul yang dibawa ini iaitu hendak memerangkap orang MIC dikatakan oleh beliau dan kata jika ada tulang belakang. Tulang belakang saya bersih, kuat sekali, hendak lawan tulang belakang sama dia boleh. Bila-bila masa jika ada tulang belakang boleh lawan, boleh lawanlah, dengan dia tidak ada h;tl. tidak ada masalah. Hendak katakan lutut saya tidak kuat, hendak cuba boleh juga tendang tengok siapa jatuh, boleh juga. Hendak lawan apa lain pun boleh juga. Satu sahaja saya tidak berani lawan dengan dia. Itu perkara saya tidak mahu sebut dalam Dewan. (*Ketawa*).

Tuan Lau Dak Kee: Apa perkara itu, sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau hendak sebut, sebutlah dengan terus dan terang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' K. Pathmanaban: Jika dia mahu saya boleh cakap, tetapi saya tidak mahu. Dalam segala perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak MIC dan pemimpin-pemimpin MIC yang berpeluang duduk dalam Dewan yang mulia ini adalah orang yang telah sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap bukan sahaja perkara-perkara berkaitan dengan agama Hindu tetapi juga mengenai masyarakat India bersama-sama dengan kepentingan masyarakat yang lain kerana di dalam kawasan-kawasan kita, kita tertakluk dan bergantung kepada sokongan daripada semua

masyarakat yang ada di situ. Di Jelutong memang tidak banyak seperti itu ataupun di lain-lain tempat yang mereka pakai.

Dalam perkara ini kita sentiasa memainkan peranan kita dan perkara hari kelepasan am atau cuti am untuk Thaipusam ini dibawa ke dalam Dewan ini sebagai Usul hari ini sahaja. Kita di MIC sudah lebih 15 tahun kita memerangi isu ini, telah lebih 15 tahun dan sebelum Yang Berhormat dari Ipoh dapat menang kerusi kawasan Parlimen sini kita sudah dapat hari kelepasan am di Selangor di atas permintaan MIC, bukan DAP (*Tepuk*). Permintaan kita adalah permintaan yang diasaskan di atas hujah-hujah, reasoning dan sebagainya yang kuat dan approach kita dalam perkara ini bukanlah untuk bermain politik untuk menceroboh perasaan orang, untuk memancing undi orang atau lain. Jika kita fikir perkara itu penting kita bawa dan kita dalam Kerajaan tidak payah macam beliau berdiri tepi jalan pun teriak, berdiri di mana-mana pun teriak. Kita tidak payah membuat seperti itu. Approach yang kita membawa dalam perkara ini adalah approach yang wajar dan memadai, approach yang membawa hasil, approach yang boleh dapat penerimaan di atas asas-asas yang kuat. Kerana jika hendak katakan mementingkan agama Hindu atau umat-umat Hindu di negara Malaysia kita ini, jika hendak katakan ada orang hendak menunjuk kepentingan mereka, hasrat mereka dan suka mereka serta cinta mereka kepada orang India bukan sahaja Thaipusam yang penting, ada banyak perayaan agama Hindu, umat Hindu yang juga penting, mungkin lebih penting daripada Thaipusam untuk sesuatu golongan.

Dalam agama Hindu sahaja ada tahun baru agama Hindu yang belum lagi pernah disebut oleh beliau. Ada juga "Hari Ponggal" yang Yang

Berhormat dari Ipoh sendiri tahu beliau makan sayur pada hari itu, mandi pagi-pagi. Jika tidak mandi pada lain hari pun, mandi pada hari itu. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: Itu adalah sangkaan jahat. Saya minta dia tarik balik.

Dato' K. Pathmanaban: Saya kata "jika".

Tuan P. Patto: Saya minta dia tarik balik. Jangan buat sangkaan jahat. Kalau "kamu kerbau, kamu kerbau, tetap kerbau!".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti!

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak kata dia "kerbau", saya kata. . .

Tuan P. Patto: Ya, ini sangkaan jahat.

Dato' K. Pathmanaban: Dengar saya, saya tidak kata "kerbau".

Tuan P. Patto: Orang tulang belakang tarik baliklah!

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia "kerbau". Saya kata jika dia tidak mandi lain hari pun pada hari itu dia mandi.

Tuan P. Patto: Kalau dia "kerbau" dia pun tidak mandilah. Itu jawabannya—"Kalau kerbau".

Dato' K. Pathmanaban: Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, jika hendak katakan orang berhasrat dengan protect, hendak promote, hendak galak, hendak megahkan orang Hindu, marilah hujah juga hujah perkara-perkara yang lain. Thaipusam ini bukan satu sahaja perayaan dalam agama Hindu. Mungkin Ponggal itu lagi penting. Dia kata masyarakat Dravidian mementingkan Thaipusam. Saya berani bahas dengan beliau, adakah benar bahawa dalam . . .

Tuan P. Patto: Kalau dia berani tetapkan hari—tepat dan saya berani berdebat.

Dato' K. Pathmanaban: Saya berani!

Tuan P. Patto: Terima?

Dato' K. Pathmanaban: Nantilah.

Tuan P. Patto: Terima, jangan panjangkan, saya tahu you punya taktik, 6.30. Saya faham taktik kamu!

Dato' K. Pathmanaban: Saya akan teruskan.

Tuan P. Patto: Seorang Hindu tulen, saya tahu taktiklah, 6.30.

Dato' K. Pathmanaban: Saya akan teruskan besok juga.

Tuan P. Patto: If you dare, you stop now, we take a vote. If you are a man, Hindu tulen, saya cabar.

Dato' K. Pathmanaban: Duduklah.

Tuan P. Patto: Hindu tulen, saya cabar berhenti, kita mengambil undi sekarang.

Dato' K. Pathmanaban: Hindu tulen tidak bohong.

Tuan P. Patto: Hindu tulen ini bohong! Tengok, passing note.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' K. Pathmanaban: Tidak usahlah benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat duduk.

Dato' K. Pathmanaban: Saya belum habiskan, ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masanya sudah sampai.

Dato' K. Pathmanaban: Boleh saya teruskan besok?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Besok boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Saya hendak teruskan, sebab belum cukup jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah sampai ke 6.30. Sila kemukakan Usul.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PUSAT PENEMPATAN SEMULA MANGSA BENCANA ALAM

6.30ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk membangkitkan masalah penempatan semula mangsa-mangsa bencana alam yang berlaku dalam Wilayah Persekutuan.

Di Wilayah Persekutuan berbagai bencana alam sering berlaku dan meletakkan penghuni-penghuninya dalam kesusahan. Bencana alam yang

serius sekali ialah kejadian kebakaran atau banjir kilat. Walau bagaimanapun, saya memberikan tumpukan kepada masalah kebakaran. Sejak bulan Januari, 1987 sehinggalah ke hari ini beberapa kejadian kebakaran telah berlaku di sekitar Kuala Lumpur.

Misalnya di Kampung Datuk Keramat Tengah, Kampung Muhibbah dan Kampung Pandan. Kejadian-kejadian kebakaran ini bukan sahaja telah memusnahkan barang-barang kepunyaan para penghuni, tetapi juga telah memusnahkan rumah-rumah yang menjadi tempat tinggal mereka. Masalah yang terbesar dan utama apabila kejadian kebakaran berlaku ialah penempatan semula penghuni-penghuni. Mereka perlu dibantu dengan menyediakan tempat tinggal yang baru. Oleh kerana pada masa ini masalah kekurangan rumah pangsa ataupun rumah-rumah kos rendah yang lain merupakan satu masalah besar dan belum dapat diatasi lagi di dalam bandaraya, maka mangsa-mangsa kebakaran tidak dapat ditempatkan dengan serta merta dalam rumah-rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya.

Oleh yang demikian, satu pendekatan yang sistemetik perlulah diperkenal dan dilaksanakan berhubung dengan penempatan sementara mangsa-mangsa kebakaran. Sebagai salah seorang wakil rakyat dalam Wilayah Persekutuan, saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian Wilayah Persekutuan mewujudkan beberapa pusat penempatan tetap yang dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan asas untuk menempatkan mangsa-mangsa kebakaran sementara menunggu tempat tinggal yang tetap yang disediakan bagi mereka. Kementerian Wilayah Persekutuan serta dengan bantuan Jabatan Tanah Wilayah Persekutuan hendaklah mengenalpasti berbagai-bagai tapak-tapak kosong yang sesuai untuk

dijadikan pusat-pusat penempatan yang tetap untuk mangsa-mangsa bencana alam. Pihak Perbendaharaan pula hendaklah menyediakan peruntukan kewangan bagi maksud ini dan menganggap ini sebagai satu keutamaan. Pusat penempatan tetap ini mestilah dilengkapi dengan kemudahan asas yang secukupnya iaitu seperti transit quarters, dengan izin, bekalan air, elektrik, bilik air, tandas dan lain-lain.

Pada masa ini jika berlaku kebakaran, mangsa-mangsa berkenaan ditempatkan buat sementara di Dewan Orangramai ataupun di sekolah-sekolah dan di tempat seumpama ini tidak sesuai kerana ketiadaan kemudahan yang secukupnya dan menimbulkan masalah pula kepada pihak pentadbiran berkenaan untuk mengendalikan tempat-tempat ini. Sekian.

Menteri WUayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga seperti beliau maklumkan sebentar tadi, pada masa ini Jawatankuasa Bencana Alam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah pun mempunyai 36 pusat-pusat pemindahan bagi penempatan sementara mangsa-mangsa bencana alam dalam Wilayah Persekutuan.

Kerajaan sedar bahawa cadangan untuk mengadakan tempat-tempat yang tetap untuk tujuan ini mcmanglah baik dan akan dikaji oleh Jawatankuasa Bencana Alam Wilayah Persekutuan. Namun demikian, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang haruslah juga sedar bahawa penubuhan pusat-pusat pemindahan tetap di Wilayah Persekutuan sudah semestinya melibatkan faktor-faktor ekonomi, sosial, persekitaran dan perancangan yang rapi. Dari segi ekonomi pula penubuhan pusat-pusat ini akan melibatkan kos pembinaan yang besar seperti kos perbelanjaan

meratakan tanah, penjagaan peralatan dan juga lain-lain infrastruktur. Memandangkan iklim ekonomi yang tidak mengizinkan pada masa ini, perbelanjaan pembinaan yang begitu besar adalah tidak digalakkan. Selain daripada itu masalah mencari kawasan penempatan ataupun tapak-tapak yang sesuai untuk pusat-pusat tersebut adalah satu perkara yang merumitkan disebabkan Wilayah Persekutuan mempunyai kawasan tanah yang terhad. Tambahan pula daripada pengalaman Kerajaan kebanyakan mangsa-mangsa bencana alam enggan berpindah selagi pihak berkuasa tidak menyediakan rumah untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memahami masalah-masalah yang telah saya sebutkan sebentar tadi, Kerajaan berpendapat adalah lebih besar manfaatnya jika perbelanjaan yang besar digunakan untuk pembangunan semula kawasan-kawasan setingan daripada digunakan untuk pembinaan pusat-pusat ini. Sekian, terima kasih.

SKANDAL BANK PUSAT KOPERASI BHD. (CCB)

6.37 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, Skandal Bank Pusat Koperasi Berhad. Dalam mesyuarat Parlimen pada 3hb Disember, 1986, Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan isu skandal CCB ini dan pihak DAP telah memberi maklumat berkenaan.

Isu CCB membabitkan 262 koperasi yang disertai oleh 320,000 ahli-ahli dan CCB adalah satu Bank Koop besar yang ada 20 cawangan dan modal saham \$40.5 juta pada tahun 1985. Maklumat yang diperolehi katakan CCB mengalami hutang lapuk sekurang-kurangnya \$500 juta, dan kini ada menyebabkan kerugian terbesar pada masa akan datang.

Hutang lapuk berjumlah begini besar berpuncakan daripada segala penyelewengan dan kegiatan pecah amanah antara pegawai dan pengarah CCB dengan pihak peminjam yang berhutang lapuk.

Pengerusi baru Lembaga Pengarah CCB, Datuk Dr Nik Hussein Abdul Rahman pada 28hb Januari, 1987 telah membuat aduan dan laporan Polis dengan rasmi berkenaan kesedaran dan perjumpaan kegiatan pecah amanah dan penyelewengan, dan bcrtdak sebegini telah membongkarkan rahsia adalah hal kesalahan besar dalam CCB. Undang-undang kecil CCB melarangkan pinjaman kepada sesiapa yang bukan ahli benar, tetapi maklumat daripada sumber CCB mengatakan pinjaman besar diluluskan kepada saudara, rakan dan nominee ahli-ahli Lembaga Pengarah dan juga adalah pinjaman raksasa yang disalurkan kepada taukeh-taukeh dan ahli-ahli politik Parti Barisan Nasional. Pada 3hb Disember, 1986 pihak DAP telah senaraikan beberapa orang yang kini ada dalam Dewan yang mulia ini. Terdapat juga pinjaman besar diluluskan dan dikeluarkan kepada pengarah-pengarah syarikat-syarikat di mana Pengarah-pengarah CCB sendiri pun jadi ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat kini juga, misalan adalah bekas Pengerusi CCB, Tan Sri Mohamed Hassan Abdul Wahab.

Kebanyakan pinjaman besar sebegini sekarang menjadi lapuk dan ahli-ahli lembaga Pengarah CCB yang terlibat semua pun telah meletakkan jawatan mereka dengan segera apabila isu-isu CCB terbongkar, yang bersara termasuk bekas Pengerusi CCB. Tan Sri Haji Mohamed Hassan Abdul Wahab, bekas Pengerusi CCB tetapi pada masa dia masih menjadi Pengarah CCB dia juga memegang jawatan Pengarah di Syarikat United Prime Corporation, Indah Corporation Bhd.,

Nautilus Corporation Bhd., United Prime Insurance, Bizurai Bijak (M) Sdn. Bhd., Berjaya Corporation Bhd. dan lain-lain syarikat juga. Adalah penting sekali antara semua syarikat tersebut, Berjaya Corporation Bhd., syarikat miliki adik-beradik dan syarikat-syarikat Encik Vincent Tan Chee Yioun, seorang peminjam lapuk CCB, yang telah dinamakan sebagai sipeminjam yang perolehi pinjaman-pinjaman berjumlah \$52 juta dari CCB.

Tan Sri Haji Mohd. Hassan Abdul Wahab dilantik menjadi Pengarah Berjaya Corporation Bhd. pada 10-12-1985 dan juga menjadi pengarah beberapa anak syarikat Berjaya Corporation Bhd dan Encik Vincent Tan. Dalam tempoh masa antara 10-12-1985 dan 1-2-1987 apabila dia meletakkan semua jawatan ini, pinjaman-pinjaman besar dan juga "lease-and-buy-back loans and agreements", dengan izin, daripada CCB dan BPK Credit Leasing, iaitu satu anak syarikat CCB diluluskan dan disalurkan kepada Encik Vincent Tan, syarikatnya dan anak syarikat Berjaya Corporation Bhd.

Tan Sri Haji Mohd. Hassan Abdul Wahab meletakkan jawatan Pengarah Syarikat-syarikat Vincent Tan dan Berjaya Corporation Berhad pada 1hb Februari, 1987 dan meletakkan jawatan CCB pada 24hb Disember, 1986 kedua-dua tarikh tersebut adalah selepas isu CCB didedahkan pada 3hb Disember, 1986. Pihak Polis sewajarnya ambil perhatian dan siasat dengan terperinci semua pinjaman yang besar sebegini yang disalurkan kepada Encik Vincent Tan, Encik Ahmad Sebi dan Encik Ahmad Mustapha yang semua pun ada dikatakan sahabat baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang penting semua pinjaman antara 10hb Disember, 1985 dan 1hb Februari, 1987.

Bukan sahaja bekas Pengerusi CCB terlibat sebegini, adalah juga Datuk Lee Ah Leng, Penolong Pengerusi CCB dan lain-lain ahli dan saya berharap pihak Polis akan 'siasat' dengan lebih cergas, lebih rajin. Tetapi yang dikesali adalah tumpuan perhatian laporan Datuk Dr Nik Hussein, Pengerusi baru CCB kepada pegawai-pegawai CCB sahaja walaupun beberapa orang ahli Lembaga CCB terlibat juga. Orang ramai tidak akan diperdayakan sebab peraturan pinjaman CCB pastikan semua pinjaman melebihi \$2.5 juta perlukan persetujuan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

Pihak Polis pasti siasat peranan dan tanggungjawab ahli-ahli Lembaga CCB khususnya pada tahun 1983, 1984, 1985 dan 1986. Peranan pegawai-pegawai kanan CCB, Encik S. Nagalingam, Encik Mathimugan, Encik Periasamy, Encik Anthony Skelchy dan lain-lain sewajarnya pasti perolehi siasatan dalam. Perhubungan dan peranan Ketua Akauntan Negara, Datuk Shamsir Omar pada satu ketika juga Pengarah CCB perlu siasatan untuk menjamin nama baik pentadbiran Kerajaan. Pihak Polis sewajarnya segerakan siasatan kes CCB dan secepat mungkin menghadapi semua kesalahan percanggahan kepentingan pecah amanah, bersubahat pecah amanah dan rasuah ke Mahkamah untuk membuktikan kesungguhan dan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional menyelesaikan isu dan skandal CCB ini.

Isu Koperasi DTC sudah memburukkan imej negara dan Kerajaan dan isu CCB kini menimbulkan sekali lagi masalah dan krisis keyakinan dan kepercayaan dan amanah dalam institusi bank dan kewangan. Rakyat Malaysia hari ini minta Kerajaan janganlah memperlakan-lahankan keadilan. Janganlah beri perlindungan kepada

sesiapa pun, tidak kira dia seorang Tan Sri, seorang Datuk, pemimpin politik Barisan Nasional atau rakan Menteri. Saya yang berkhidmat juga.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

6.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab ucapan penangguhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, laporan telah dibuat dalam akhbar mengenai kedudukan Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB), maka itu bukanlah menjadi hajat saya untuk menghuraikan satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Cuma saya ingin memaklumkan bahawa kedudukan CCB dan perbuatan-perbuatan penyelewengan adalah di dalam perhatian Kerajaan. Jabatan Pembangunan Koperasi sedang mengawasi dengan teliti perjalanan dan aktiviti CCB pada masa ini.

Walau bagaimanapun, oleh kerana laporan kepada Polis telah dibuat dan penyiasatan sedang dijalankan oleh pihak Polis, maka saya berpendapat tidak wajar buat masa ini bagi Kerajaan membuat laporan-laporan yang mungkin menghindar penyiasatan yang sedang dijalankan itu. Saya beri jaminan bahawa Kerajaan akan mengambil langkah mengikut peruntukan undang-undang sewajarnya ke atas mereka yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Timbalan Menteri kata kenapa pihak Polis ambil masa begitu panjang untuk siasat dan habiskan siasatan? Bolehkah Kementerian atau Kerajaan memberi desakan kepada pihak Polis bagaimana mustahak perkara ini khasnya dengan perbuatan-perbuatan jenayah "white

collar" atau "corporate" yang bermaharajalela sekarang?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tanya saya, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Saya sudah habis jawab tadi. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi oleh kerana penyiataan sedang dijalankan, saya fikir tidak wajar saya membuat kenyataan-kenyataan berkenaan perkara ini. Dalam pada itu saya telah beri jaminan bahawa tindakan-tindakan yang wajar mengikut undang-undang akan diambil secepat mungkin yang boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang.